

**PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM BAHASA TAMIL DI
SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH GOMBAK**

SIVABALAN A/L TANGGAYAH

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM BAHASA TAMIL DI SEKOLAH KEBANGSAAN
DAERAH GOMBAK

SIVABALAN A/L TANGGAYAH

DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN BAHASA)

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2019

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **SIVABALAN A/L TANGGAYAH**

No. Pendaftaran/Matrik: **PGR130004**

Nama Ijazah: **SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN BAHASA)**

Bidang Penyelidikan: **PENDIDIKAN BAHASA**

Tajuk Disertasi:

**PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM BAHASA TAMIL DI
SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH GOMBAK**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
2. Hasil Kerja ini adalah asli;
3. Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
4. Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
5. Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
6. Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

Abstrak

Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai pelaksanaan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSSK) di peringkat sekolah kebangsaan berdasarkan model penilaian CIPP oleh Stufflebeam (1971). Reka bentuk kajian kuantitatif yang merangkumi instrumen soal selidik dan ujian telah digunakan. Seramai 93 orang murid daripada 6 buah sekolah kebangsaan yang menjalani program BTSSK telah terlibat dalam kajian. Tiga dimensi penilaian iaitu penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk telah dipilih untuk menilai pelaksanaan program ini. Di bawah penilaian input, terdapat dua aspek iaitu kemudahan infrastruktur dan peralatan serta kesesuaian buku teks telah dinilai untuk mengetahui sejauhmana aspek ini membantu pelaksanaan program BTSSK. Aspek penilaian kemudahan infrastruktur dan peralatan diberi penilaian tinggi [*M* 3.74, *SP* 1.27] Aspek kesesuaian buku teks turut diberi penilaian tinggi [*M* 3.88, *SP* 1.16]. Ini bermaksud hasil penilaian dimensi input secara keseluruhan menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa kedua-dua aspek ini sememangnya membantu pelaksanaan BTSSK. Namun penambahbaikan perlu dilakukan dari segi bekalan tambahan untuk melengkapi infrastruktur dan peralatan yang sedia ada dan kualiti buku teks. Dimensi penilaian proses pula telah dikaji dari dua aspek, iaitu proses pengajaran guru dan masalah-masalah yang dihadapi oleh responden dalam mempelajari Bahasa Tamil. Aspek pengajaran guru diberi penilaian pada tahap tinggi (*M* 3.86, *SP* 1.13). Namun penambahbaikan turut diperlukan dalam pedagogi guru dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan menyelitkan elemen-elemen Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) bagi memudahkan murid-murid menguasai kemahiran bahasa pada tahap yang optimum. Aspek penilaian masalah-masalah dihadapi juga diberi penilaian yang tinggi (*M* 3.45, *SP* 1.36). Bukan mata pelajaran teras, terlalu banyak kemahiran yang perlu dikuasai, dan minat

merupakan masalah utama yang perlu diberi perhatian. Pengkaji mencadangkan untuk menjadikan Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran teras bagi murid yang menjalani program ini pada peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Dengan demikian, kedudukan Bahasa Tamil dapat diiktiraf di sekolah kebangsaan. Buku teks perlu dikaji semula dengan merujuk kepada kemahiran yang perlu dipelajari. Kemahiran yang lebih relevan dengan masa kini perlu dipertimbangkan bagi menimbulkan minat murid terhadap buku teks. Akhirnya, dimensi penilaian produk yang menilai hubungan signifikan antara tahap pencapaian Bahasa Tamil dengan jantina, pendapatan dan bahasa menggambarkan bahawa ketiga-tiga pembolehubah ini tidak mempunyai hubungan yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga pembolehubah ini tidak mempengaruhi tahap pencapaian Bahasa Tamil. Dicadangkan program BTSK ini diteruskan dan berpotensi untuk mencapai matlamat kurikulum secara sepenuhnya. Namun matlamat hanya dapat dicapai dengan adanya penambahbaikan yang berperingkat. Kerjasama semua pihak adalah perlu bagi menjayakan program BTSK ini.

Kata kunci: Bahasa Tamil, Sekolah Kebangsaan, Model Penilaian CIPP, murid-murid

EVALUATION OF TAMIL LANGUAGE CURRICULUM IMPLEMENTATION IN NATIONAL SCHOOLS AT GOMBAK DISTRICT

Abstract

The purpose of this study is to evaluate the implementation of Tamil language at the selected national schools based on CIPP evaluation model by Stufflebeam (1971). Quantitative research design and methodology which consists of questionnaire and examination were used. The participants in this study were 93 students from selected national schools which are implementing this program. Three evaluation dimension namely input evaluation, process evaluation and product evaluation were chosen to evaluate the implementation of this program. Under the input evaluation, the infrastructure and equipment, and the textbooks relevancy were evaluated to get to know how far they help in implementing this program. The infrastructure and equipment was given high evaluation ($M\ 3.74, SP\ 1.27$) and so as the relevancy of textbook ($M\ 3.88, SP\ 1.16$). This shows overall respondents agreed that these two aspects really help the implementation of the program. However, these aspects needs some improvements on the additional supplies to complement the existing infrastructure and equipment and the qualities of text books. Process dimension evaluated two aspects consists of the process of teaching and the problems faced by the respondents who learn Tamil language. The process of teaching was given high evaluation ($M\ 3.86, SP\ 1.13$). However improvements in pedagogy by using ICT elements is highly recommended in order to enhance the Tamil language skills. The problems faced by the respondents in learning Tamil language was also highly evaluated ($M\ 3.45, SP\ 1.36$). Non-compulsory subject, many skills to be learnt and pupils' interest are the main problems to be focused. It is suggested to make Tamil language as a compulsory subject for those pupils who undergoing this programs in

Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). By doing this, the Tamil language can be recognized at national schools. Textbooks also need be revised on its contents and the skills. Contemporary and relevant skills to the current education system need to be considered to create the interest of the pupils towards the text book. Lastly, the product dimension that evaluated the significant relationship between the achievement levels between Tamil language with gender, income and language shows there are no significant relationship between these variables. This shows these variables have no effect or influences on the achievement levels of Tamil language. It is suggested this BTSK program to be continued and has the potential to achieve the curriculum goals in full. The goals can only be achieved with continues improvements. The cooperation of all parties is nessasary to ensure the success of this program.

Keywords: Tamil Language, national schools, CIPP evaluation model, pupils

Penghargaan

Bersyukur kepada Tuhan kerana dengan keizinanNYA saya dapat menyiapkan desertasi ini dengan sempurna setelah menempuhi segala cabaran. Dengan penuh rasa gembira saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya menyempurnakan desertasi ini.

Jutaan terima kasih seiklas hati turut saya merakamkan kepada penyelia saya Dr. Chew Fong Peng atas bimbingannya yang tidak mengenal jemu sepanjang penulisan desertasi sehingga sempurna.

Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada isteriku tersayang Rajeswari yang memberi motivasi sehingga menyempurnakan desertasi ini dan anak kesayangan saya Harri yang dapat membuat tugas sekolah tanpa bimbingan sambil memerhatikan proses penulisan ilmiah ini.

Tidak terlupa saya berterima kasih kepada ayah saya En. Tanggayah dan seisi keluarga yang memberi sokongan moral bagi meneruskan pelajaran ke tahap tinggi. Tanpa mereka tidak mungkin saya ke tahap ini. Saya mencurahkan air mata saya sebagai tanda ucapan terima kasih kepada mereka ini yang memberi peluang meraih kejayaan ini.

Senarai Kandungan

Tajuk	i
Perakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstrak	iii
Abstract	v
Penghargaan	vii
Senarai Kandungan	viii
Senarai Rajah	xii
Senarai Jadual	xii
Senarai Singkatan	xiii
Senarai Lampiran	xvi

BAB 1 : PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian	3
Pendidikan Bahasa Tamil sebelum merdeka	3
Pendidikan Bahasa Tamil selepas kemerdekaan	4
Laporan Razak 1956	4
Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 – 2010	7
Pernyataan Masalah	8
Objektif Kajian	13
Soalan Kajian	13
Kerangka Konseptual Kajian	14
Kepentingan Kajian	15
Limitasi Kajian	18
Definisi Operasional	19
Program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK)	19
Kesimpulan	21

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

Pengenalan	22
Kurikulum Pendidikan	22
Penilaian Kurikulum	24
Tujuan Penilaian Kurikulum	25
Kurikulum Pendidikan di Malaysia	28

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013 – 2025	30
Penilaian dalam Pelaksanaan	33
Faktor-Faktor Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum.....	33
Kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK).....	38
Dokumen Kurikulum.....	38
Sukatan Pelajaran.....	39
Peruntukan Waktu Pembelajaran.....	42
Inovasi Kurikulum.....	43
Kurikulum Masa Kini.....	44
Kurikulum Berasaskan Standard	45
Dokumen Standard Kurikulum Pembelajaran (DSKP)	46
Peruntukan Masa Pengajaran.....	48
Model-model Penilaian	48
Model Penilaian Objektif.....	49
Model Penilaian Responsif.....	50
Model Penilaian Matlamat Bebas (<i>Goal Free Evaluation</i>)	53
Model Penilaian Penerangan	54
Model Penilaian CIPP	55
Penilaian Konteks	57
Penilaian Input.....	58
Penilaian Proses	59
Penilaian Produk	60
Teori Sistem (<i>System Theory</i>)	62
Kajian-Kajian di dalam Negara.....	64
Kajian Berkaitan dengan Pendekatan Model Penilaian CIPP	64
Kajian Lepas Yang Menggunakan Pendekatan Lain.....	71
Kajian-Kajian Lepas Luar Negara.....	77
Penilaian Pelaksanaan Program	77
Kesimpulan.....	83

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan	85
Reka Bentuk Kajian	85
Lokasi Kajian.....	86
Sampel Kajian.....	87

Instrumen Kajian	87
Soal Selidik Murid.....	88
Bahagian A.....	89
Bahagian B dan C	89
Bahagian D dan E	89
Set Ujian Pencapaian.....	89
Kesahan Instrumen Soal Selidik dan Ujian.....	90
Ujian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik	91
Cara Menjalankan Kajian.....	93
Aspek Pemarkahan	94
Prosedur Kajian	95
Penganalisaan Data	96
Kesimpulan.....	98

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

Pengenalan	99
Kenormalan Data.....	99
Responden Murid.....	99
Analisis deskriptif.....	101
Ujian- <i>t</i>	117
Ujian Anova sehalu.....	118
Kesimpulan.....	120

BAB 5 : PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

Pengenalan	122
Perbincangan Dapatan Penilaian Input	122
Kemudahan infrastruktur serta peralatan.	122
Kesesuaian kandungan Buku Teks	124
Perbincangan Dapatan Penilaian Proses	126
Proses Pengajaran Guru.....	126
Masalah Dihadapi dalam Pembelajaran.....	130
Perbincangan Dapatan Penilaian Produk	132
Hubungan antara Tahap Pencapaian dengan Jantina.....	132
Hubungan antara Tahap Pencapaian dengan Pendapatan.....	133
Hubungan antara Tahap Pencapaian Bahasa Tamil dengan Bahasa di Rumah	134
Cadangan Berdasarkan Dimensi Penilaian	136

Dimensi Penilaian Input	136
Dimensi Penilaian Proses	139
Dimensi Penilaian Produk	143
Cadangan Kajian Lanjut.....	144
Kesimpulan.....	146
Rujukan.....	147
Lampiran	162

Universiti Malaysia

Senarai Rajah

Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian penilaian pelaksanaan kurikulum Bahasa Tamil	14
Rajah 2.1 Proses Model Penilaian Matlamat Bebas.	54

Senarai Jadual

Jadual 1.1 Keputusan peperiksaan akhir tahun 2014	9
Jadual 3.1 Pembahagian Item dalam soal selidik murid BTSK.....	88
Jadual 3.2 Nilai Alpha soal selidik murid.....	93
Jadual 3.3 Penggredan markah ujian pencapaian.....	94
Jadual 3.4 (Matriks) Pengukuran Data.....	97
Jadual 4.1 Profil Responden Murid.....	99
Jadual 4.2 Profil Responden Murid.....	100
Jadual 4.3 Tafsiran skor purata min	101
Jadual 4.4 Keputusan dapatan kajian bagi soalan kajian 1 adalah seperti jadual berikut	102
Jadual 4.5 Keputusan dapatan kajian bagi kandungan buku teks	105
Jadual 4.6 Hasil dapatan kajian bagi soalan kajian 2 adalah seperti jadual berikut.	108
Jadual 4.7 Hasil analisis bagi soalan kajian 3 adalah seperti jadual berikut.	112
Jadual 4.8 Pembahagian Markah mengikut Gred	115
Jadual 4.9 Markah Ujian tahap pencapaian murid-murid dalam Bahasa Tamil sekolah kebangsaan.....	116
Jadual 4.10 Keputusan Ujian-t bagi Perbezaan tahap pencapaian dengan jantina... ..	117
Jadual 4.11 Keputusan Ujian ANOVA sehala perbezaan tahap pencapaian dengan pendapatan	118
Jadual 4.12 Keputusan Ujian t bagi perbezaan tahap pencapaian dengan Bahasa ..	119

Senarai Singkatan

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
BTSK	Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
POL	Pupils Own Language
BAK	Bahasa Arab Komunikasi
BCK	Bahasa Cina Komunikasi
BTK	Bahasa Tamil Komunikasi
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
BCSK	Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan
YAB	Yang Amat Berhormat
SK	Sekolah Kebangsaan
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
BBM	Bahan Bantu Mengajar
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
CIPP	Context, Input, Proses, Product
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum

TMK	Teknologi Maklumat Komunikasi
SAPS	Sistem Aplikasi Pendidikan Sekolah
PIBG	Persatuan Ibubapa Guru
UNESCO	United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization
SP	Sukatan Pelajaran
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
RPT	Rancangan Pelajaran Tahunan
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Pelajaran
ICT	Information Communication Technology
DPLI	Diploma Perguruan Lepas Ijazah
IPG KPP	Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang
PBS	Pengalaman Berasaskan Sekolah
SR	Sekolah Rendah
PEKA	Pentaksiran Kemahiran Amali Sains
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PBK	Pembelajaran Berasaskan Kerja
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Pendidikan
IPG	Institut Pendidikan Guru
UM	Universiti Malaya

GPS	Gred Purata Sekolah
KPP	Komuniti Pembelajaran Profesional
PTechLS	Pedagogy Technology Learning Style
SMP	Sekolah Junior High School
TEFL	Teaching English as a Foreign Language
SPSS	Statistical Package for Social Science
MPV- LN	Matapelajaran Vokasional- Lanskap dan Nursuri
EPRD	Educational Planning and Research Division
J-QAF	Jawi, Al- Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
MPKK	Majlis Pengetuan Kanan Kebangsaan
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
DPN	Dasar Pendidikan Negara
BTBT	Buku Teks Bahasa Tamil
VLE	Virtual Learning Environment

Senarai Lampiran

LAMPIRAN A – INSTRUMEN KAJIAN	162
LAMPIRAN B – SENARAI NAMA SEKOLAH TERLIBAT	182
LAMPIRAN C - SURAT KELULUSAN MENJALANKAN KAJIAN OLEH EPRD	183

Universiti Malaya

BAB 1 : PENDAHULUAN

Pengenalan

Bidang pendidikan merupakan nadi kepada pembangunan negara. Pendidikan berperanan sebagai tunjang dan pemacu kepada perkembangan daya saing negara ke arah pembangunan sebagai negara maju (Hanin farha & Muhammad Hussin, 2012). Namun sistem pendidikan negara kita menghadapi pelbagai cabaran selaras dengan perkembangan era globalisasi. Antara cabarannya termasuklah untuk membentuk seseorang individu yang dapat memenuhi keperluan sendiri, negara dan masyarakat supaya menyaingi cabaran global pada masa depan.

Falsafah Pendidikan Negara ada menyatakan

Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan kearah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

(Akta Pendidikan 1996, KPM 1996, hlm 3)

Dalam melahirkan individu yang dihasratkan oleh falsafah pendidikan, kita perlu menyediakan suatu sistem pendidikan yang terbaik. Sistem pendidikan yang terbaik pula, hanya dapat diwujudkan dengan adanya kurikulum pendidikan yang sesuai dan kontemporari yang sejajar dengan falsafah pendidikan dan kehendak individu, masyarakat dan negara. Maka, kewujudan sistem pendidikan sedemikian memerlukan peruntukan kewangan tinggi. Menyedari kepentingan pendidikan inilah, kerajaan menyediakan peruntukan kewangan yang tinggi bermula rancangan

Malaysia pertama sehinggalah rancangan yang terkini sebagai usaha mewujudkan sistem pendidikan yang mampu bersaing di persada dunia. Peruntukan sedemikian juga menunjukkan aspek pendidikan merupakan bidang utama yang diberikan penekanan oleh kerajaan (Afaf Ahmad & Muhammad Hussin, 2012).

Selain itu, kerajaan telahpun dan sedang membentuk dan mentransformasikan kurikulum sedia ada dalam usahanya untuk menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti dan cemerlang supaya dapat melahirkan generasi alaf baru menuju wawasan 2020. Usaha kerajaan ini jelas apabila mengubahsuai Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 dengan membuat semakan dan memasukkan ciri- ciri yang baharu kepada kurikulum sedia ada supaya dapat memenuhi kehendak dan keperluan global semasa (KPM, 2010).

Kita dapat melihat kementerian pendidikan menerusi Badan perkembangan kurikulum (BPK) telah membangunkan banyak kurikulum untuk setiap mata pelajaran yang diajar dari prasekolah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Kini di sekolah rendah, kurikulum pendidikan telah dibentuk untuk setiap mata pelajaran teras dan juga elektif seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Sejarah, pendidikan agama, pendidikan moral, Teknologi Maklumat Komunikasi, Reka bentuk teknologi dan sebagainya. Ini termasuklah untuk program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) yang dilaksanakan secara rintisnya sejak tahun 2007 lagi (KPM, 2006).

Setiap kurikulum mata pelajaran yang dibentuk mestilah dapat memenuhi objektif yang ditetapkan pada peringkat akhir pelaksanaannya. Untuk itu, penilaian adalah sangat perlu untuk menilai sejauhmana keberkesanan kurikulum tersebut dilaksanakan dalam tempoh tertentu. Saedah Siraj (2000) mendefinisikan penilaian

kurikulum sebagai proses penyelidikan tentang keberkesanan sesuatu aspek atau keseluruhan kurikulum dari segi kesahihan objektif, aspek- aspek berkaitan serta tahap pencapaian matlamat pendidikan yang dihasratkan.

Lazimnya, institusi- institusi kementerian pendidikan harus menjalankan tanggungjawabnya dengan membuat penilaian terhadap program atau kurikulum yang dilaksanakan. Namun, hanya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah entiti yang akan membuat keputusan sama ada untuk membubarkan, menggugurkan atau memperbaiki sesuatu kurikulum tersebut. Oleh itu, pemantauan oleh institusi- institusi pendidikan akan menjadi landasan kepada kementerian pendidikan dalam membuat sebarang keputusan terhadap kurikulum pendidikan.

Latar Belakang Kajian

Pendidikan Bahasa Tamil sebelum merdeka

Bahasa Tamil dijadikan sebagai satu mata pelajaran dalam arus pendidikan Malaysia selepas pihak British membawa masuk imigren India ke Malaysia pada akhir abad ke 18 dan 19. Imigren- imigren ini dibawa sebagai buruh di sektor perladangan untuk mengusahakan kegiatan ekonomi penjajah British. Pada masa itu, sekolah- sekolah vernakular telah dibina oleh pengusaha ladang dan juga pihak British untuk memberi pendidikan kepada anak- anak imigren ini. Pada peringkat awalnya, pendidikan Tamil diajar menggunakan sistem sekolah pondok yang dikenali *Tinnai palli* (Rajendran, 2008).

Mengikut sistem ini, kelas bahasa Tamil diadakan di veranda rumah. Pendidikan Tamil secara formalnya bermula pada tahun 1816 di *Penang Free School* bertempat negeri Pulau Pinang (Rajendran, 2008). Pada tahun 1881, pihak British telah menyediakan peluang kepada murid-murid Tamil untuk mempelajari Bahasa

Tamil di sekolah Inggeris. Murid-murid Tamil telah mempelajari Bahasa Inggeris pada waktu pagi dan Bahasa Tamil pada waktu petang (Saraswathi, 2003).

Tahun 1900 merupakan zaman bertuah buat pendidikan Tamil di mana pihak British telah memberi perhatian yang sewajarnya dan bukannya seperti yang sebelumnya. Namun alasan perhatian adalah berasaskan kepada kepentingan ekonomi pihak British untuk mendapatkan tenaga buruh berterusan supaya perindustriannya tidak terjejas (Marimuthu, 1995). Maka pendidikan Tamil dijadikan faktor tarikan oleh pihak British bagi membawa buruh dari India dan juga untuk mengelakkan buruh India yang sedia ada berhijrah ke negara asal. Hasilnya wujud sekolah-sekolah Tamil yang berskala kecil di kawasan perladangan. Pendidikan Tamil diajar menggunakan sukatan pelajaran Bahasa Tamil negara India dan buku teks bahasa Tamil India telah dibawa dan diguna sebagai sebagai bahan pembelajaran (Rajendran, 2008). Di samping itu, tenaga pengajar Bahasa Tamil yang berkelulusan turut dibawa dari India untuk mengajar pendidikan Tamil kepada anak-anak buruh India di perladangan (Saraswathi, 2003).

Pendidikan Bahasa Tamil selepas kemerdekaan

Laporan Razak 1956

Hasil laporan Razak telah menjurus kepada perkembangan Bahasa Tamil di Malaysia. Kerajaan telah memberi perhatian yang sewajarnya kepada golongan minoriti yang ingin mempelajari bahasa ibunda masing-masing. Laporan Razak telah menjadikan sekolah-sekolah vernokular Bahasa Tamil kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di bawah sistem pendidikan kebangsaan. Kurikulum sekolah-sekolah Tamil telah diseragamkan dengan kurikulum sekolah-sekolah rendah yang lain kecuali bagi mata pelajaran Bahasa Tamil (laporan Razak, 1956). Di bawah sistem pendidikan, bahasa Melayu telah dimartabatkan sebagai bahasa

rasmi kebangsaan adalah diwajibkan untuk semua aliran sekolah yang berhasrat untuk memupuk perpaduan nasional.

Sebagai kesinambungan, laporan Rahman Talib telah dibentuk untuk mengkaji semula sistem pendidikan negara pada tahun 1960. Laporan Rahman Talib menyatakan kesemua aspek yang terkandung dalam laporan Razak akan diterima dengan sedikit perubahan. Aliran sekolah rendah yang ada akan dibahagikan kepada dua aliran iaitu sekolah kebangsaan yang terdiri daripada sekolah- sekolah Melayu dan sekolah jenis kebangsaan yang dibahagi kepada dua iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) (laporan Rahman Talib, 1960).

Pada masa yang sama, kerajaan Malaysia telah memberi jaminan kepada kaum-kaum bukan Melayu bahawa bahasa-bahasa vernakular akan dihormati dan dikekalkan sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan Malaysia. Ini adalah untuk mengelakkan perselisihan kaum dan menjamin keharmonian negara Malaysia. Pada tahun, 1987, jawatankuasa kabinet telah menyusun semula sistem pendidikan kebangsaan dan telah menyatakan seperti berikut:

“Bahasa Tamil menjadi bahasa penghantar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Bahasa ini diajar sebagai satu matapelajaran di sekolah- sekolah rendah jenis lain, sekiranya sekolah menerima permintaan daripada limabelas orang ibubapa murid atau lebih”

(Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979, *hlm 90*)

Di samping itu, laporan yang sama turut mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

Dengan itu adalah diperlakukan bahawa murid-murid lain, bukan dari keturunan India hendaklah diberi peluang belajar bahasa Tamil, sekiranya mereka memohon untuk mempelajari bahasa itu.

(Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979, *hlm 92*)

Boleh dikatakan kenyataan di atas menjadi titik tolak bermulanya pengajaran bahasa Tamil sebagai bahasa tambahan di sekolah- sekolah kebangsaan. Ini adalah disebabkan pada tahun- tahun 1985 an sekolah- sekolah Melayu, Inggeris dan Cina menjadi popular dan menjadi pilihan ibu bapa keturunan India untuk menempatkan anak- anak mereka dalam sekolah- sekolah rendah selain Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Ini disokong pula dengan kemerosotan dalam bilangan sekolah- sekolah Tamil pada ketika itu. Fenomena ini disebabkan pencantuman sekolah- sekolah Tamil yang berdekatan dari ladang- ladang berdekatan yang mempunyai bilangan murid India yang sangat kurang. Ini dapat dibuktikan sejak tahun 1958 hinggalah tahun 2000, terdapat 362 sekolah Tamil telah ditutup (Semparuthi, Januari 2001: 60). Maka faktor jarak menjadi penghalang kepada mereka untuk memilih sekolah Tamil. Ini juga disebabkan faktor- faktor lain seperti kebanyakan sekolah Tamil terdapat di ladang sahaja dan kurang dibandar. Maka ibu bapa yang tinggal di bandar kurang berpeluang untuk menghantar anak mereka ke sekolah Tamil. Kesanya mereka memilih sekolah- sekolah rendah yang selain daripada sekolah Tamil.

Dengan itu, bilangan murid India yang berdaftar dengan sekolah- sekolah rendah yang lain khususnya sekolah kebangsaan telah bertambah setiap tahun. Ini telah mengalakkan wujudnya permintaan untuk mengadakan kelas bahasa Tamil di sekolah- sekolah kebangsaan yang tertentu berdasarkan kepada permintaan daripada ibubapa murid India di seklah tersebut. Pada peringkat awalnya, kelas bahasa Tamil diadakan di luar waktu persekolahan di bawah program yang dikenali sebagai *Pupils Own Language (P.O.L)* di mana murid-murid India berpeluang untuk mempelajari bahasa ibunda mereka (Rajendran, 2008). Tenaga pengajar telah dibawa dari sekolah menengah dan telah dibayar. Namun, program ini tidak dijalankan secara

menyeluruh di setiap sekolah tetapi mengikut permintaan ibu bapa sekurang-kurangnya 15 orang seperti yang diperuntukkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1987).

Pada tahun 2003, Bahasa Tamil telah diperluaskan sebagai bahasa Tamil komunikasi untuk memberi peluang kepada murid-murid berbangsa India mempelajari bahasa ibunda mereka. Pada peringkat awal pelaksanaan, kelas bahasa Tamil ditawarkan di sekolah-sekolah tertentu sahaja bergantung kepada tenaga pengajar yang sedia ada, permintaan murid dan kesesuaian jadual yang boleh dilaksanakan. Rasional pengenalan program ini adalah untuk menjadikan sekolah kebangsaan diminati oleh semua bangsa. Pada tahun 2003, Bahasa Arab Komunikasi (BAK) telah diperkenalkan kepada 97 buah SK merangkumi 7,520 murid. Di samping itu, pada tahun 2005, Bahasa Cina Komunikasi (BCK) telah diperkenalkan kepada 153 buah SK merangkumi 14,289 murid sementara itu, Bahasa Tamil Komunikasi (BTK) pula diperkenalkan di 76 buah SK merangkumi 6,973 murid (PIPP, 2006- 2010).

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 – 2010

Pada 16 Jan 2007, YAB Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi mantan perdana menteri Malaysia telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan dan integrasi nasional. Di bawah pelan induk ini, terdapat 6 teras strategik telah digariskan untuk melonjakkan kecemerlangan pendidikan negara. Kelas bahasa Tamil (BTSK) dan komunikasi dan kelas bahasa Mandarin komunikasi diteruskan dan diubah nama sebagai Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) dan program ini seterusnya diletakkan di bawah teras ketiga iaitu memperkasakan sekolah kebangsaan dengan berhasrat menjadikan sekolah

kebangsaan menjadi pilihan utama masyarakat Malaysia berbilang bangsa (PIPP, 2006 – 2010).

Di bawah program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) ini, kelas bahasa Tamil yang hanya ditawarkan kepada murid-murid India sebelum ini, kini ditawarkan kepada semua murid tanpa mengira bangsa dan agama supaya bangsa lain turut digalakkan untuk menguasai bahasa lain khususnya bahasa Tamil dan bahasa Cina yang akan menggalakkan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk Malaysia. Oleh itu, menerusi pelan pendidikan ini, 150 buah sekolah kebangsaan terpilih telah merintis mata pelajaran Bahasa Cina manakala 70 buah sekolah kebangsaan lagi telah merintis mata pelajaran Bahasa Tamil (PIPP, 2006- 2010). Selaras dengan transformasi kurikulum yang dilaksanakan pada tahun 2011 iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah, maka isi kandungan kurikulum bahasa Tamil telah diubah seiras dengan kerelevanannya masa kini dengan mengambil kira masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajarannya sebelum ini (KPM, 2011).

Pernyataan Masalah

Kurikulum pendidikan digubal dengan meletakkan objektifnya yang perlu dicapai pada peringkat akhir perlaksaannya dalam tempoh masa yang ditetapkan. Objektif pelaksanaan Bahasa Tamil di sekolah rendah adalah untuk membentuk murid yang berpengetahuan, berdedikasi dan berketrampilan. Namun demikian, kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan memperlihatkan wujudnya beberapa masalah dari segi perlaksanaannya di sekolah.

Antara yang dapat dikenal pasti adalah murid tidak dapat menguasai Bahasa Tamil dengan lancar dan baik. Hasil maklum balas dan keluhan para guru Bahasa

Tamil sekolah kebangsaan menerusi bengkel, mesyuarat dan sebagainya mendapati bahawa para murid mereka tidak berupaya menguasai bahasa Tamil pada tahap yang optimum walaupun berada di tahun 6. Ini disebabkan murid-murid tahun 6 sepatutnya boleh membaca dan menulis bahasa Tamil. Jadual dibawah menunjukkan peratusan keputusan akhir tahun murid tahun 6 pada tahun lepas yang dikumpul daripada beberapa sekolah- sekolah dari daerah Gombak.

Jadual 1.1

Keputusan peperiksaan akhir tahun 2014

Nama sekolah	Peratusan lulus
Sekolah A	79.2 %
Sekolah B	64.5 %
Sekolah C	54.6 %
Sekolah D	89.7 %
Sekolah E	76.8 %,

Berdasarkan jadual 1.1 di atas, jelas menunjukkan peratusan kelulusan murid tidak mencapai 100 %. Ini bermaksud ada murid-murid yang tidak menguasai bahasa Tamil secara sepenuhnya menyebabkan mereka gagal dalam mata pelajaran tersebut. Peratusan tersebut hanyalah mewakili 5 buah sekolah yang menawarkan program BTSSK, namun persoalan yang ditimbulkan adalah apakah tahap pencapaian murid-murid lain dari sekolah yang lain yang turut menawarkan program BTSSK ini? Oleh itu, pengkaji berpendapat satu penilaian adalah penting untuk memantau sejauhmanakah pencapaian para murid dalam bahasa Tamil ini.

Fenomena pembelajaran dan pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Kebangsaan (SK) adalah berbeza. Di SJKT, bahasa Tamil menjadi bahasa pengantar (bahasa pertama) dan merupakan mata pelajaran penilaian pada peringkat UPSR. Tetapi di SK, bahasa Tamil adalah satu mata pelajaran elektif (bahasa tambahan) yang menjadi pilihan murid untuk mempelajarinya (KPM, 2006) dan bukanlah matapelajaran penilaian seperti bahasa

Melayu di peringkat UPSR. Ini kerana penilaian bahasa Tamil di SJKT dapat dibuat menerusi keputusan UPSR. Namun, penilaian bahasa Tamil di SK pula hanya dapat dibuat menerusi peperiksaan yang diadakan pada peringkat sekolah. Namun, penilaian tidak dapat dibuat secara menyeluruh. Ini disebabkan peperiksaan bahasa Tamil SK adalah tidak selaras dan disediakan mengikut kesesuaian murid dan sekolah. Oleh itu, suatu penilaian adalah perlu untuk mengkaji sejauhmana pencapaian para murid yang mengikuti bahasa Tamil SK ini.

Tambahan pula, buku teks merupakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang disediakan beserta dengan dokumen kurikulum oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). Buku teks mengandungi kemahiran dan sukatan pelajaran yang harus dipelajari oleh murid berdasarkan kurikulum yang dibentuk. Menurut laporan jawatankuasa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 1997) menyatakan buku teks adalah satu faktor penentu dalam pencapaian murid-murid sekolah. Buku teks yang disediakan seharusnya melalui empat peringkat penilaian iaitu digubal mengikut sukatan pelajaran, grafik yang menarik, mempunyai bahasa gramatis serta mudah difahami dan latihan yang disediakan mestilah sesuai dengan aras fikiran murid (Wan Muhammad, 1998). Kajian oleh Ponnusamy (1997) mendapati bahawa aktiviti dan latihan yang disediakan dalam buku teks adalah kurang sesuai dengan tahap kemampuan murid.

Manakala Selvaraj (2010) pula menyatakan bahawa ada kelemahan dari segi bahasa dan istilah yang digunakan dalam buku teks menyebabkan murid-murid mengalami masalah dalam memahami suatu konsep atau perkataan. Oleh itu, pengkaji yang juga pengajar Bahasa Tamil berpendapat buku teks yang disediakan tidak menepati penilaian dari segi bahasa yang mudah dan latihan yang disediakan pula tidaklah mengikut aras fikiran para murid. Oleh itu, pengkaji

berpendapat, penilaian adalah perlu terhadap isi kandungan buku teks untuk mengenal pasti sejauhmana kesesuaiannya kepada para murid dalam mempelajari bahasa Tamil ini.

Matlamat kurikulum tidak akan dicapai jika tiada penyampaian pengajaran yang berkesan. Menurut Muhammad Suhaimi (2012) menggariskan lima tingkah laku utama guru yang mempunyai hubungan dengan prestasi murid-murid. Antaranya termasuklah kejelasan pelajaran, kepelbagaian pengajaran, orientasi tugas serta penglibatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun, pada hakikatnya sejauhmanakah tingkah laku tersebut dilaksanakan merupakan satu persoalan yang perlu dijawab. Ini disebabkan guru adalah faktor penentu dalam memastikan hasrat kurikulum dicapai. Guru sebagai pelaksana kurikulum memainkan peranan yang penting untuk menyampaikan kurikulum yang telah dibentuk. Penyampaian kurikulum tersebut tidaklah mudah dan memerlukan perancangan pembelajaran dan pengajaran yang efektif. Guru wajib menyediakan penyampaian yang menarik dan kondusif supaya dapat merangsang pembelajaran dalam kalangan murid (Jemaah Nazir, 2004).

Kajian Anuar dan Nelson (2015) mendapati kaedah pengajaran yang bercorak tradisional dan cara '*chalk and talk*' adalah tidak relevan dengan keperluan murid dan membosankan murid. Kesannya murid tidak berminat untuk mempelajari mata pelajaran. Oleh yang demikian, sejauhmanakah proses pengajaran ini sedang dilaksanakan merupakan satu persoalan yang memerlukan penjelasan. Oleh itu, satu penilaian adalah perlu untuk mengenal pasti sejauhmana proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan menarik serta menepati kehendak murid.

Di samping itu, pelaksanaan kurikulum mata pelajaran harus dipantau dari semasa ke semasa. Pengkaji sebagai pendidik di sekolah dapat melihat sering kali

ada pemantauan daripada pihak pejabat pelajaran daerah, jabatan pendidikan dan juga kementerian terhadap kurikulum mata pelajaran dan program- program sekolah dari semasa ke semasa. Namun, wajaran sedemikian tidak diberi terhadap pelaksanaan bahasa Tamil SK. Walaupun ada pemantauan, ia hanyalah tertumpu kepada sekolah yang agak popular dan tertentu sahaja. Ini disebabkan pemantauan sedemikian tidak dapat mencerminkan penilaian yang menyeluruh program BTSK. Tambahan lagi, tidak ada satu pegawai yang khas di peringkat pejabat pendidikan daerah untuk memantau program BTSK ini. Pegawai yang khas hanya terdapat di setiap Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi memantau program yang hanya melibatkan seorang pegawai sahaja. Oleh itu, pemantauan yang perlu untuk melihat keberkesanan pelaksanaan sering kali diabaikan. Pengkaji berpendapat ketiadaan pemantauan sebagai suatu kelemahan dan kajian adalah perlu untuk menilai sejauhmana keberkesanan kurikulum mata pelajaran bahasa Tamil sekolah kebangsaan.

Kurikulum yang telah dilaksanakan perlulah dinilai pada penghujungnya untuk memastikan sama ada objektif yang telah digariskan telah dicapai atau tidak. Dalam erti kata lain, tahap keberkesanan kurikulum yang dibentuk perlu dinilai untuk menentukan sama ada program tersebut telah dapat memenuhi matlamatnya seterusnya memberi manfaat kepada individu yang disasarkan iaitu para murid sekolah. Namun, penilaian sedemikian seringkali diabaikan. Kita dapat melihat ada kurikulum pendidikan yang dibentuk adalah pada peringkat pelaksanaan sahaja dan penilaian tidak dibuat untuk mengetahui sejauhmana keberkesanannya. Tidak ada sebarang kajian yang sistematik yang mengkaji pelaksanaan kurikulum Bahasa Tamil di sekolah rendah (Kulandasamy, 2000).

Tambahan lagi, parti dan persatuan yang mewakili kaum India sering melaung- laungkan Bahasa Tamil tetapi tidak mengambil langkah yang sewajarnya untuk memantau perkembangan Bahasa Tamil di negara ini. Maka, penilaian yang holistik adalah perlu untuk melihat tahap keberkesanan perlaksanaan kurikulum Bahasa Tamil seterusnya memberi input untuk membuat sebarang perubahan sebagai langkah penambahbaikan atau pemansuhan kurikulum jika tidak memberi impak yang berkesan.

Objektif Kajian


1. Mengenal pasti sejauhmanakah kemudahan infrastruktur serta peralatan dan buku teks membantu pelaksanaan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) berasaskan model CIPP.
2. Mengkaji sejauhmanakah pengajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) memenuhi keperluan murid-murid dari dimensi proses berasaskan model CIPP.
3. Menghuraikan masalah-masalah murid dalam mempelajari Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) dari dimensi proses berasaskan model CIPP.
4. Menganalisis tahap pencapaian murid-murid dari dimensi produk dalam mata pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) berdasarkan faktor jantina, pendapatan dan bahasa berasaskan model CIPP.

Soalan Kajian

1. Sejauhmanakah kemudahan infrastruktur serta peralatan dan buku teks membantu dalam pelaksanaan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) berdasarkan dimensi input berasaskan model CIPP?

2. Sejauhmanakah pengajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan memenuhi keperluan murid-murid berdasarkan dimensi proses berasaskan model CIPP?
3. Apakah masalah- masalah murid dalam mempelajari Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) berdasarkan dimensi berasaskan model CIPP?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian murid-murid dalam mata pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan dengan jantina, pendapatan dan bahasa ibunda dari sudut dimensi produk berasaskan model CIPP ?

Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian penilaian pelaksanaan kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK)

Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai pelaksanaan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) di peringkat sekolah kebangsaan berdasarkan model penilaian CIPP oleh Stufflebeam (1971). Kajian akan fokus kepada tiga dimensi penilaian berdasarkan model CIPP merangkumi dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk. Rekabentuk kajian kuantitatif yang merangkumi instrumen soal selidik dan

instrumen ujian telah ditadbir dan digunakan untuk memperolehi data- data kajian. Set soal selidik merangkumi 2 dimensi penilaian yang utama dan terdapat 2 faktor pemboleh ubah yang akan dinilai di bawah setiap dimensi tersebut. Di bawah dimensi input elemen kesesuaian isi kandungan buku teks serta kemudahan infrastruktur dan peralatan akan dinilai. Di bawah dimensi proses pula elemen proses pengajaran guru dan masalah- masalah murid-murid dalam pembelajaran Bahasa Tamil akan dinilai. Manakala di bawah dimensi produk pula set ujian tahap pencapaian akan diberi untuk menilai sejauhmana pencapaian murid tahun 6 dalam matapelajaran Bahasa Tamil. Hasil data kajian akan di proses, di analisis dan di interpretasikan serta akan di rumus berasaskan dimensi penilaian untuk menambah baik pelaksanaan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) di peringkat sekolah kebangsaan.

Kepentingan Kajian

Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi manfaat dengan menyediakan maklumat yang berguna kepada pihak yang berkepentingan seperti pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pengkaji – pengkaji yang berhasrat melakukan kajian dalam bidang yang sama.

i. Pihak Penggubal Kurikulum (KPM)

Dapatan kajian akan dapat memberi panduan kepada penggubal kurikulum untuk menilai masalah atau kelemahan yang wujud serta mengesan cadangan- cadangan yang boleh dikemukakan untuk mengatasi masalah- masalah tersebut. Di samping itu juga, pihak KPM boleh menjalankan kursus- kursus perkembangan

dalam meningkatkan keberkesanan guru dari segi pedagogi dan juga keperluan kursus yang berkaitan berdasarkan kajian-kajian seperti ini. Selain itu, pihak penggubal kurikulum juga mendapat manfaat dari segi kesesuaian kurikulum yang yang dibentuk. Jika dapatan menunjukkan ada kelemahan dari segi kurikulum maka pihak penggubal boleh menyusun semula kurikulum pada masa akan datang supaya lebih bersepadu dan sesuai dengan peredaran zaman.

ii. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah

Hasil dapatan dapat membekalkan maklumat yang berguna pihak JPN dan PPD untuk disalurkan kepada pihak- pihak yang memerlukannya. Misalnya, ketika mengadakan kursus kepada sekolah naungan masing- masing, maka dapatan sebegini boleh disalurkan sebagai informasi kepada para guru yang seterusnya dapat dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah kelak.

iii. Pihak sekolah

Hasil dapatan turut dapat memberi panduan kepada sekolah- sekolah dalam membuat perancangan atau program – program kurikulum. Kedua, kajian ini juga adalah platform berguna kepada para pendidik di sekolah. Para guru dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka yang dapat mendatangkan pembelajaran yang berkesan kepada murid. Kajian ini akan merungkai masalah yang dihadapi murid. Dengan merujuk kepada masalah tersebut, maka guru dapat mengelola tindakan susulan supaya masalah yang dihadapi dapat diatasi dengan berkesan.

Guru dapat memperbaiki kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam pedagoginya dan seterusnya dapat mengamalkan kaedah pembelajaran dan

pengajaran yang terbaik dan berkualiti di dalam kelas darjah. Menurut Abdul Jalil Othman dan Normarini Norzan (2011), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telahpun mengeluarkan Modul Guru dan Modul Murid yang berprinsipkan modul pengajaran bahasa Tamil seperti ansur maju, didik hibur, latihan, belajar sambil bermain dan sebagainya. Selain itu, beliau turut menyatakan guru-guru menghadapi cabaran dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi menarik minat murid terhadap pembelajaran kemahiran literasi bahasa khususnya kemahiran membaca.

iv. Pihak pengkaji

Kajian ini juga dapat menyalurkan maklumat mengenai masalah- masalah yang wujud ketika pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil sekolah kebangsaan yang melibatkan kemahiran- kemahiran bahasa khususnya kemahiran membaca. Maka, diharapkan hasil kajian ini akan menyediakan ruang maklumat kepada penyelidik yang ingin mengkaji bidang yang sama. Kajian yang dilakukan boleh diubahsuai berdasarkan kajian ini.

Secara kesimpulanya, pengkaji berharap hasil kajian akan menyediakan pengetahuan berguna serta memudahkan usaha penyelidikan kepada pengkaji yang berminat dalam bidang ini. Sehingga kini kajian tentang Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) amatlah kurang. Maka diharap, rumusan kajian ini akan menjadi bahan rujukan kepada mereka berkecimpung dalam bidang pendidikan khususnya dalam pendidikan Bahasa Tamil.

Limitasi Kajian

Seperti kajian lain, kajian ini turut mempunyai beberapa batasan. Antaranya, kajian ini hanyalah menggunakan model penilaian kurikulum yang diperkenalkan oleh Stufflebeam (1971) iaitu model penilaian CIPP sebagai panduan dalam membuat penilaian terhadap bidang kajian. Walaupun ada banyak jenis model penilaian kurikulum, pengkaji merasakan model penilaian CIPP yang dipilih mampu menjawab soalan- soalan kajian yang diutarakan. Menurut Stufflebeam (2001), penyelidik boleh membuat penilaian terhadap semua dimensi model penilaian CIPP merangkumi dimensi konteks (*Contexts*), input (*Input*), proses (*Proses*) dan produk (*Product*) secara serentak atau tiap- tiap dimensi boleh dinilai secara berasingan. Maka, pengkaji hanya memilih dimensi input, proses dan produk sebagai aspek penilaian untuk kajian ini.

Dimensi konteks adalah tidak berapa sesuai untuk penilaian melibatkan murid sebaliknya lebih sesuai untuk golongan guru kerana melibatkan penetapan objektif kurikulum itu sendiri. Tambahan lagi, bukan semua aspek yang dinilai dalam pelaksanaan kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSSK). Aspek yang dinilai hanyalah dari segi kemudahan infrastruktur dan peralatan, kesesuaian buku teks, proses pengajaran guru, masalah- masalah yang dihadapi oleh murid, maklum balas murid dan akhirnya tahap pencapaian murid.

Kedua, kajian dijalankan dengan mengambil sampel murid tahun enam sahaja. Seharusnya, kajian ini lebih berkualiti dilaksanakan sekiranya dijalankan juga kepada murid tahun empat dan lima kerana di peringkat tahun empat dan lima juga masih ramai yang mengalami masalah membaca bahasa Tamil. Namun, berdasarkan model CIPP, penilaian produk seharusnya melibatkan pihak yang terlibat pada peringkat terakhir suatu program. Oleh itu, kajian hanya melibatkan murid-murid

tahun enam yang akan menentukan objektif kurikulum yang ditetapkan telah dicapai atau tidak.

Ketiga, kajian hanya dijalankan di sekolah- sekolah Kebangsaan yang terpilih dari Zon Rawang, Daerah Gombak sebagai lokasi kajian. Hal ini bermaksud data- data yang perolehi tidak menggambarkan keseluruhan prestasi dan penilaian terhadap program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) di Malaysia namun hanya mewakili lokasi kajian sahaja.

Keempat, kajian ini hanya menggunakan sampel seramai 80 orang sahaja dari semua sekolah kajian. Kajian yang baik seharusnya mendapatkan sampel yang lebih ramai bagi mendapatkan data yang lebih sahih dan mempunyai kadar kebolehpercayaan yang lebih tinggi.

Definisi Operasional

Terdapat beberapa definisi operasional yang akan dibincangkan dalam kajian ini. Antaranya adalah seperti berikut.

Program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK).

Program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) merujuk kepada mata pelajaran Bahasa Tamil yang ditawarkan sebagai bahasa tambahan di sekolah- sekolah kebangsaan terpilih melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 – 2010 yang bermula pelaksanaannya sejak tahun 2007 lagi. (PIPP, 2006)

Penilaian Kurikulum BTSK. Saedah Siraj (2000) mendefinisikan penilaian kurikulum sebagai proses penyelidikan tentang keberkesanan sesuatu aspek atau keseluruhan kurikulum dari segi pencapaian objektif, aspek- aspek berkaitan serta tahap pencapaian matlamat pendidikan yang dihasratkan. Namun penilaian kurikulum dalam kajian ini berasaskan definisi penilaian Stufflebeam (1971) iaitu

satu garis panduan untuk memperolehi data (*delineating information*) berasaskan soalan kajian; memperolehi dan menyediakan informasi (*obtaining and providing useful information*) dan menyalurkan maklumat kepada pihak yang berkenaan khususnya penggubal kurikulum untuk membuat keputusan (*judging decision alternatives*) untuk membuat penambahbaikan terhadap kurikulum BTKS.

Pelaksanaan Kurikulum BTKS. Perkataan pelaksanaan membawa maksud perihal, perbuatan atau proses menjalankan sesuatu yang telah dirancang dalam usaha untuk menjayakan rancangan tersebut. Pelaksanaan dalam kajian ini bermaksud pelaksanaan program BTKS sedang dijalankan di peringkat sekolah-sekolah kebangsaan yang terpilih seperti yang dirancang oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merangkumi aspek kemudahan infrastruktur dan peralatan, kesesuaian isi kandungan, proses pengajaran guru, masalah-masalah utama yang dihadapi murid dalam pembelajaran Bahasa Tamil dan maklum balas murid terhadap program BTKS.

Bahasa Tamil. Bahasa Tamil adalah satu bahasa komunikasi yang digunakan dalam komuniti India di negara Malaysia. Bahasa Tamil diajar sebagai satu matapelajaran bahasa dalam sistem pendidikan Malaysia sejak pihak British membawa masuk imigran India ke Malaysia pada abad ke 19 (Rajendran, 2008). Bahasa Tamil diajar sebagai bahasa kedua kepada bangsa-bangsa lain di Malaysia sebagai langkah untuk memupuk perpaduan (PIPP, 2006-2010) . Bahasa Tamil dalam kajian ini adalah berfokus kepada satu bahasa kedua yang diajar di sekolah-sekolah kebangsaan yang terpilih.

Kesimpulan

Kesimpulannya, penilaian kurikulum adalah perlu dalam mengenal pasti sesuatu objektif yang ditetapkan telah dicapai atau sebaliknya di samping melihat tahap keberkesanannya dalam pelbagai aspek yang diperlukan. Sebarang program pendidikan yang digubal tidak seharusnya pada tahap perancangan sahaja tetapi haruslah berkesan dari segi pelaksanaannya. Sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Stufflebeam (1971) penilaian dalam kajian ini adalah bertujuan untuk memperbaiki sebarang kelemahan dikenalpasti hasil daripada penilaian terhadap pelaksanaan kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) dalam aspek- aspek yang di kaji.

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

Pengenalan

Kajian ini dijalankan untuk membuat penilaian terhadap kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) menggunakan model penilaian CIPP oleh Stufflebeam (1971) sebagai panduan. Oleh itu, pengetahuan tentang penilaian dan prosedur menjalankan penilaian terhadap suatu aspek adalah perlu dalam menjalankan kajian ini secara sistematik dan teratur. Dalam bab ini, akan dibincangkan definisi serta tujuan penilaian, model- model penilaian, kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK), kajian – kajian lepas tempatan serta luar negara mengenai penilaian kurikulum yang telah dijalankan.

Kurikulum Pendidikan

Pendidikan ialah akar tunjang kepada sesuatu negara. Sistem pendidikan yang efektif dapat melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan cemerlang dalam segala bidang di dunia. Kecemerlangan pendidikan ini pula adalah bergantung kepada kurikulum pendidikan yang digubal dalam sesebuah negara. Menurut Ishak Ramly (2003) kurikulum sebagai ilmu asas dalam dunia pendidikan. Menurutnya lagi tanpa kurikulum, sistem pendidikan yang berkesan tidak dapat diwujudkan. Dalam erti kata lain, kurikulum menjadi nadi penggerak dalam pelaksanaan pendidikan yang bersifat global dan mampu bersaing di persada dunia.

Bidang kajian menunjukkan perkataan “kurikulum” berasal daripada perkataan Latin. Berdasarkan maksudnya, kurikulum adalah merujuk kepada ruang atau tempat di mana pembelajaran berlaku. Perkataan ini telah digunakan sejak zaman Plato lagi iaitu kira- kira tahun 400 SM. Laporan Jawatankuasa kabinet (1979) mentafsirkan

kurikulum adalah suatu rancangan yang dilaksanakan oleh institusi pendidikan untuk memenuhi matlamat pendidikan yang dihasratkan. Menurut Oliva (1997), kurikulum merujuk kepada perancangan yang merangkumi satu set kandungan, struktur serta pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di suatu institusi. Pendapat yang sama turut diberikan oleh Yusup Hashim (2000), kurikulum merujuk kepada satu set pelajaran yang diajar pada peringkat sekolah yang mengandungi kandungan tertentu serta satu urutan kursus. Manakala Akta Pendidikan (1996) menggariskan kurikulum pendidikan sebagai satu dasar pendidikan yang merangkumi kurikulum dan kokurikulum (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1998)

Colin & George (2007) menekankan satu elemen penting dalam kurikulum adalah program atau mata pelajaran yang ditawarkan kepada golongan sasarannya. Dalam pendidikan sekolah, golongan sasaran adalah merujuk kepada para murid dan pelajar yang menerima manfaat daripada kurikulum yang dibentuk. Kejayaan suatu kurikulum yang dibentuk adalah berdasarkan kepada keberkesanan pelaksanaan kurikulum yang telah dibentuk (Ornstein & Hunkins, 2004). Keberkesanan kurikulum pula diukur dengan membuat penilaian terhadap pelaksanaan kurikulum di sekolah (Sowell, 2000)

Daripada huraian di atas, pengkaji dapat merumuskan bahawa kurikulum ini adalah satu dasar yang ditetapkan oleh suatu institusi yang merangkumi segala bidang pengetahuan tertentu dan disediakan kepada pelajar- pelajar di sekolah sebagai pembelajaran pengetahuan dalam usaha melahirkan pelajar yang berkemajadian diri supaya dapat memenuhi hasrat atau matlamat institusi tersebut.

Penilaian Kurikulum

Menurut Colin & George (2007), penilaian kurikulum termasuklah satu aspek yang mengkaji interaksi yang berlaku antara pendidik dan murid dengan menggunakan satu set kurikulum atau sukatan yang tertentu. Tambahan lagi, mereka mengatakan bahawa penilaian bukanlah hanya apa yang telah dipelajari murid malah merupakan analisis tentang minat, motivasi, reaksi dan pencapaian murid melalui pengalaman menerusi kurikulum. Saedah Siraj (2000) mendefinisikan penilaian kurikulum sebagai proses penyelidikan tentang keberkesanan sesuatu aspek atau keseluruhan kurikulum dari segi kesahihan objektif, aspek- aspek berkaitan serta tahap pencapaian matlamat pendidikan yang dihasratkan.

Menurut Stufflebeam (1971) yang mengasaskan model CIPP, penilaian digambarkan sebagai *'The process of delineating, obtaining, and providing useful information for judging decision alternatives'*. Berdasarkan pernyataan tersebut jelas bahawa penilaian adalah satu proses yang melibatkan satu garis panduan dalam usaha memperolehi data (delineating information) menerusi soalan kajian; memperolehi informasi (obtaining information) dan seterusnya menyalurkan dapatan kajian kepada pihak yang berkenaan khususnya penggubal kurikulum untuk membuat keputusan terhadap kurikulum tersebut.

Brady (1990) telah menghuraikan penilaian kurikulum dalam pelbagai aspek seperti berikut:

- a) Menilai tahap pencapaian murid untuk memenuhi objektif
- b) Membuat perbandingan diantara pencapaian murid dengan standard yang ditetapkan.
- c) Mengenal pasti bidang mana yang perlu dibuat keputusan.

- d) Menggunakan pengetahuan professional untuk menilai proses yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum
- e) Memilih dan menganalisis maklumat yang relevan ketika membuat penilaian.

Manakala Garrity (1984) menyatakan penilaian kurikulum adalah satu komponen dalam proses perkembangan kurikulum. Menurut beliau lagi, pembuat keputusan mestilah dilengkapi dengan satu set garis panduan dan maklumat untuk menyemak kandungan program. Perkara ini adalah suatu yang penting dalam membuat analisis dan menilai sejauhmana kurikulum tersebut realistik dan sesuai dengan murid.

Berdasarkan huraian diatas terdapat pelbagai pandangan terhadap penilaian kurikulum diberikan. Pengkaji dapat merumuskan penilaian kurikulum adalah merujuk kepada satu proses semakan yang mengkaji sejauhmana pelaksanaan suatu program atau kurikulum dengan merujuk kepada elemen-elemen pelaksanaannya. Lazimnya, proses semakan akan dibuat pada peringkat akhir pelaksanaan program dan perbandingan akan dibuat sama ada matlamat yang ditetapkan telah dicapai atau sebaliknya. Oleh itu, penilaian kurikulum yang digunakan adalah berasaskan kepada Model CIPP Stufflebeam dan rakan (1971) akan dijadikan asas penilaian dalam penyelidikan ini.

Tujuan Penilaian Kurikulum

Kurikulum mata pelajaran dibentuk untuk dilaksanakan pada peringkat sekolah. Setiap kurikulum yang sedang dan telah dilaksanakan perlu dibuat penilaian. Penilaian dibuat dengan tujuan yang tertentu. Ee Ah Meng (1997) merumuskan penilaian kurikulum bertujuan untuk mengetahui keberkesanan sesuatu

kurikulum secara keseluruhan. Menurut beliau, ketika penilaian, maka perkara-perkara berikut haruslah diberi penekanan.

- a) Penilaian hendaklah selaras dengan objektif- objektif kurikulum.
- b) Penilaian yang dibuat mestilah menyeluruh atau komprehensif
- c) Nilai diaganostik mestilah memadai supaya dapat menonjolkan kekuatan serta kelemahan dalam proses dan hasil prestasi.
- d) Kesahan penilaian adalah penting iaitu penilaian mestilah menilai apa yang hendak dinilai.
- e) Penilaian yang berterusan supaya dapat membuktikan kemajuan, keutamaan, kelemahan sesuatu kurikulum sepanjang tahun.

Menurut Mohd Salleh Lebar (1996) tujuan penilaian kurikulum adalah seperti berikut:

- a) Untuk melihat tahap keberkesanan kurikulum yang dilaksanakan.
- b) Membuat penambahbaikan terhadap kurikulum yang sedia ada.
- c) Menjadi alat pengukur keberkesanan yang digunakan oleh pengubal kurikulum.
- d) Melihat tahap prestasi serta perubahan tingkahlaku yang diharapkan kesan daripada penerimaan kurikulum yang telah dibentuk.

Wimbush dan Watson (2000) menyatakan: *“The aim of evaluation is to help people and organizations to improve their plans, policies and practices on behalf of citizens”* Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa, penilaian bertujuan untuk membantu seseorang individu serta organisasi untuk membuat penambahbaikan terhadap perancangan, polisi serta amalan mereka.

Scriven (1991) berpendapat, hasil penilaian suatu program dapat digunakan sebagai tanda aras untuk proses penambahbaikan pada masa akan depan. Ini disebabkan kajian dapat mengenal pasti masalah yang wujud. Maka langkah susulan dapat diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut. Menurut beliau lagi, penilaian sedemikian adalah penilaian formatif kerana dapat meningkatkan kualiti suatu kurikulum atau program.

Selain itu, Gay (1985) telah mengenal pasti empat tujuan penilaian seperti berikut:

- a) Untuk mengenal pasti keupayaan kurikulum dari segi kekuatan dan kelemahan serta punca masalah yang berlaku.
- b) Untuk memperbaiki bidang- bidang tertentu dalam proses pembentukan kurikulum.
- c) Untuk memastikan keberkesanan kurikulum yang telah dibentuk.
- d) Untuk menentukan manfaat yang diperolehi dari segi peruntukan kewangan.

Sementara itu, hasil penilaian dapat membantu pegawai pendidikan serta pihak pentadbiran sekolah menambah baik kualiti proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat memperbaiki serta menambah baik program pendidikan di sekolah (Hopkins, 1994). Menurut Hopkins lagi, menegaskan penambahbaikan ini akan menggiatkan lagi pemantauan dan meningkatkan prestasi suatu kurikulum.

Maka berdasarkan huraian diatas, penilaian kurikulum dapat dibuat dengan pelbagai tujuan. Namun, intipati yang utama dalam penilaian adalah pengumpulan maklumat tentang keberkesanan kurikulum. Keberkesanan kurikulum dapat menjustifikasikan kos yang terlibat sebagai wajar atau sebaliknya. Sementara itu, dapat dirumuskan bahawa hasil penilaian dapat mempengaruhi dasar, perancangan dan pelaksanaan suatu kurikulum.

Kurikulum Pendidikan di Malaysia

Pendidikan adalah satu bidang yang menjadi nadi kepada pembangunan insan yang berkualiti dan negara yang maju. Maka, menyedari kepentingannya kementerian pendidikan sedang mengambil langkah yang sewajarnya untuk melonjakkan kecemerlangan pendidikan negara. Inisiatif kerajaan ini dapat dilihat apabila diumumkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP, 2013- 2025) baru-baru ini (Laporan PIPP, 2013). Pendidikan ini pula dibangunkan melalui kurikulum matapelajaran yang digubal pada peringkat kementerian pendidikan. Kurikulum pendidikan di Malaysia adalah berasaskan prinsip dan objektif pendidikan negara (Abu Bakar Nordin & Ikhsan 2008).

Dengan demikian, sukatan pelajaran atau kurikulum mata pelajaran digubal adalah berasaskan deskriptif atau stipulatif serta unsur-unsur pragmatic (KPM, 2003). Sukatan yang digubal mestilah selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan supaya dapat menentukan hala tuju dan pembangunan negara. Kementerian pendidikan berpegang kepada falsafah pendidikan seperti berikut:

Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan kearah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998)

Semenjak merdeka, penggubalan kurikulum dilaksanakan oleh beberapa bahagian kementerian pelajaran. Penggubalan kurikulum ini dilakukan secara berasingan. Pada tahun 1973, Unit Perkembangan Pelajaran telah ditubuhkan di bawah seliaan bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pelajaran yang

berperanan dalam aktiviti kurikulum (Abu Bakar Nordin, 2003). Setahun kemudian, unit tersebut telah dipecahkan dan diberi taraf baru sebagai Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) di bawah kementerian Pelajaran Malaysia.

Menurut laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), PPK berperanan sebagai pelaras kepada Jawatankuasa Pusat Kurikulum. PPK berperanan untuk mengkaji dan membuat pemurnian semula terhadap kesemua kurikulum mata pelajaran sekolah di peringkat pusat. Walau bagaimanapun, kelulusan dan pengesahan berkenaan dengan dasar mestilah diperolehi daripada Jawatankuasa Kurikulum Pusat. Lazimnya, Jawatan kuasa pusat ini terdiri daripada pengarah-pengarah bahagian. Seperti Bahagian Buku Teks, Bahagian Teknologi Pendidikan, Lembaga Peperiksaan dan Bahagian Pendidikan Guru. Pada 16 Jun 2008, PPK telah distruktur semula dan dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK).

Lazimnya, kurikulum dibentuk berasaskan model- model kurikulum yang dicadangkan. Di Malaysia, kurikulum digubal berdasarkan kepada Model Perkembangan Kurikulum Tyler (1949) (Munira Mohsin 2010). BPK secara umumnya membentuk dasar kurikulum berdasarkan kehendak, keperluan negara, keperibadian masyarakat dan arus perubahan zaman (KPM, 2005).

Menurut Ikhsan & Norila (2005) kandungan kurikulum yang dipilih dalam sistem pendidikan selalunya bertujuan untuk mencapai matlamat persekolahan. Persekolahan sekolah rendah menetapkan matlamatnya untuk mencapai perkembangan yang menyeluruh dan seimbang dalam bidang- bidang asas merangkumi manusia dan alam sekeliling, bidang komunikasi serta pencapaian individu berasaskan keperluan. (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979)

Di samping itu, fungsi BPK hanya pada peringkat perancangan dan penggubalan kurikulum sesuatu mata pelajaran. Tetapi, perlaksanaanya adalah di

peringkat sekolah rendah. Berliner, (2001) dan Datnow, (2000) menegaskan bahawa prose pelaksanaan yang sistematik sebenarnya bergantung kepada guru yang mengajar suatu subjek itu. Dalam pelaksanaan sedemikian, pencapaian objektif dan matlamat kurikulum mestilah bersandarkan kepada prinsip Pendidikan Kebangsaan dan harus diberi keutamaan.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013 – 2025

Pelan ini merupakan kesinambungan daripada pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Pelan ini dilancarkan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 6 September 2013 (PIPP, 2013 – 2025). Pelan ini merupakan satu dokumen yang menyatakan secara terperinci lima aspirasi sistem yang akan dicapai pada tahun 2025. Antaranya adalah akses, equiti kualiti, perpaduan dan kecekapan (PIPP, 2013 – 2025). Menyedari hakikat bahawa pendidikan merupakan tulang belakang kepada pembangunan negara, maka kementerian pendidikan telah membentuk pelan ini untuk mentransformasikan sistem pendidikan sedia ada supaya mengembangkan modal insan untuk melonjakkan pembangunan negara. Sebagai usaha mentransformasikan sistem pendidikan negara, terdapat sebelas anjakan telah digariskan dibawah pelan tersebut (PIPP, 2013- 2025). Sebelas anjakan ini telah dikenalpasti untuk memenuhi hasrat kerajaan serta masyarakat Malaysia. Setiap pelaksanaan anjakan ini harus memberi impak kepada lima aspirasi sistem yang telah dibentuk iaitu kualiti, akses, perpaduan, equiti dan kecekapan.

Menurut pelan ini, di bawah anjakan kedua telah di gariskan bahawa setiap murid digalakkan mempelajari bahasa tambahan menjelang tahun 2025. Bahasa Tamil di sekolah Kebangsaan adalah merupakan elemen bahasa Tambahan di bawah

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (KPM, 2011). Maka semua murid di sekolah kebangsaan diberi kebebasan untuk mempelajari bahasa Tambahan yang mereka minati seperti Bahasa Arab, Bahasa Cina mahupun Bahasa Tamil (PIPP, 2006 – 2010). Untuk itu, kementerian pendidikan sedang dalam usaha untuk meningkatkan bilangan pendidik Bahasa Cina, Bahasa Arab dan Bahasa Tamil untuk menjamin tenaga guru adalah mencukupi dan sesuai dengan nisbah murid di sekolah.

Di bawah anjakan ke 4 iaitu transformasi keguruan sebagai profesion pilihan pula, para guru diberi perhatian kerana merupakan aset kepada pendidikan. Taraf guru akan dinaikkan dimana hanya graduan yang berkeelayakan akan dilantik menjadi guru sejak tahun 2013 lagi. Di samping itu, guru-guru bahasa disediakan dengan latihan pembangunan berdasarkan kepada keperluan kemahiran dan latihan diberi adalah berasaskan kepada sekolah (PIPP, 2013 – 2025). Kaedah pengajaran tradisional perlu dikikis dan perlu digantikan dengan trend pengajaran terkini yang menggunakan Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) adalah amat perlu untuk menjadikan murid lebih minat dan aktif dalam pembelajaran mereka (Anuar dan Nelson, 2015). Maka latihan dan kursus yang berkaitan penggunaan TMK akan di sediakan kepada para guru. Guru-guru yang sebelum ini dibebani dengan kerja- kerja pentadbiran kini tidak lagi perlu memikul beban sedemikian malah mereka akan digalakkan untuk memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran. Selain itu, di bawah anjakan ini, guru – guru akan diberi peluang untuk menjadi guru pakar pengajaran dalam bidang-bidang khusus yang diminati. Ini akan mendorong guru untuk mempunyai pengetahuan yang meluas dalam bidang yang dipilihnya seterusnya dapat diaplikasi ke dalam pedagogi dalam kelas darjah. Ini kerana kaedah pengajaran guru akan mempengaruhi pelaksanaan pengajaran (Zahara, 2000)

Ibubapa berperanan penting terhadap pencapaian pendidikan anak- anak mereka dan pelaksanaan kurikulum suatu matapelajaran di peringkat sekolah (Mohar, 2011). Untuk itu, kerjasama dengan ibubapa, komuniti dalam sektor swasta secara meluas telah digariskan sebagai anjakan ke 9. Di bawah anjakan ini, ibubapa di seru untuk membantu pembelajaran anak mereka melalui program Sarana Ibubapa (PIPP, 2013- 2025). Program ini mementingkan kerjasama antara pihak sekolah dan Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) untuk memacu kecemerlangan akademik murid- murid di sekolah. Salah satu langkahnya adalah penyediaan akses kepada para ibubapa memantau pencapaian akademik anak mereka di sekolah. Sistem Aplikasi Pendidikan Sekolah (SAPS) disediakan untuk dipantau oleh ibubapa tentang kemajuan akademik mereka dari semasa ke semasa khususnya semasa peperiksaan. Di samping itu, ibubapa turut diberi peluang untuk memberi maklum balas melalui Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) tentang pelaksanaan kurikulum serta kualiti guru. Ibubapa yang kurang puas hati tentang tindakan sekolah dalam melaksanakan sebarang program pendidikan maka boleh merujuk kepada pejabat pendidikan daerah, jabatan pendidikan negeri malah kementerian pendidikan sendiri.

Semua strategi yang di gariskan ini sudah pasti dapat mendorong kepada pelaksanaan kurikulum yang berkesan. Namun, semua pihak harus menyedari bahawa setiap strategi ini harus di sambut baik dan dilaksanakan pada tahap yang optimum untuk menampakkan output yang di hasratkan oleh semua pihak.

Penilaian dalam Pelaksanaan

Werner (2004) menyatakan penilaian dalam suatu kurikulum bukan hanya menggambarkan pelaksanaannya sahaja, malah melibatkan pentaksiran tentang data-data yang diperolehi. Menurut beliau lagi, data yang diperolehi berdasarkan persoalan kajian akan dibandingkan dengan norma atau piawai yang ditetapkan. Hasil perbandingan akan melahirkan satu penilaian di mana pengkaji akan berupaya membuat keputusan tentang kurikulum yang dinilainya. Untuk melaksanakan pentaksiran, maka pengkaji dapat membuat rujukan terhadap piawai yang ditentukan. Antaranya piawaian yang boleh digunakan adalah seperti berikut:

- i. Sukatan pelajaran, dan model kurikulum
- ii. Pengalaman dan pertimbangan pengkaji semasa pelaksanaan
- iii. Pandangan pihak- pihak yang berkepentingan (*stakeholders*)

Oleh itu, dapat dirumuskan penilaian dalam pelaksanaan adalah merujuk kepada suatu proses untuk mendapatkan maklumat seterusnya membuat perbandingan dengan piawaian yang ditetapkan berdasarkan suatu aspek yang telah dikenal pasti. Hasil perbandingan akan digunakan dalam membuat sesuatu keputusan.

Faktor-Faktor Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum

Walaupun suatu kurikulum telah dirancang dan dibentuk secara teratur dan berkesan, namun kejayaannya bergantung kepada pelaksanaan yang berkesan. Menurut Cuban (1992), terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kejayaan pelaksanaan suatu kurikulum. Fullan (2001) menyatakan persekitaran tempatan, persekitaran perubahan dan persekitaran luaran merupakan tiga faktor yang memberi impak terhadap pelaksanaan suatu kurikulum. Ciri-ciri perubahan adalah

merangkumi faktor-faktor yang merujuk keperluan, kejelasan, kesukaran dan kepraktikalan pelaksanaan suatu kurikulum. Menurut beliau lagi, ciri-ciri tempatan pula adalah merujuk kepada pihak yang terlibat iaitu pejabat daerah, komuniti, pengetua dan guru. Manakala faktor luaran pula merujuk kepada dasar dan polisi kerajaan serta agensi- agensi lain yang terlibat dengan kurikulum tersebut.

Mohar (2011) menyatakan faktor sosiologi murid, psikologi murid, faktor ibubapa, persekitaran sekolah dan faktor guru sebagai faktor yang dapat mempengaruhi pelaksanaan kurikulum suatu matapelajaran di peringkat sekolah. Walau bagaimanapun, faktor guru merupakan faktor penting yang menentukan berjayanya suatu kurikulum (Ornford, 2000). Ornstein & Hunkins (2004) menyatakan bahawa kurikulum hanya bermula sebagai perancangan. Namun, menjadikannya realiti adalah sangat bergantung kepada guru-guru yang melaksanakan kurikulum tersebut dalam situasi yang sebenar di kelas darjah. Ini disebabkan gurulah yang sepatutnya mengambil inisiatif untuk melaksanakan suatu kurikulum dengan sumber yang diperuntukan (Colin & George, 2007). Namun, pelaksanaannya masih menghadapi masalah disebabkan guru-guru tidak memahami proses pelaksanaan secara sepenuhnya (Muhammad & Harlech Jones, 2008).

Penyataan tersebut telah disokong oleh kajian Habib Mat Som & Megat (2005) yang telah mengkaji kesediaan guru untuk menghadapi pelaksanaan perubahan kurikulum. Kajian beliau mendapati para guru adalah lebih bersedia dari segi motivasi untuk mengajar tetapi tidak bersedia dengan pengetahuan pengajaran dan kemahiran pedagogi yang diperlukan untuk melaksanakannya. Dalam erti kata lain, guru adalah mahir dari segi pedagogi tetapi kurang mahir dalam penggunaan Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK). Manakala Zahara Azizi (2000) menyatakan kaedah pengajaran guru mempengaruhi pelaksanaan pengajaran.

Kaedah pengajaran guru menjadi punca sikap negatif dan tidak berminat terhadap suatu mata pelajaran.

Di samping itu, Anuar dan Nelson (2015) berpendapat kaedah pengajaran yang bercorak tradisional dan cara '*chalk and talk*' tidak lagi relevan dengan keperluan murid. Kajian Kamarudin Hamat (2003) mendapati aktiviti pengajaran yang berpusatkan murid dan guru terlalu bergantung kepada buku teks menyebabkan murid cepat rasa bosan seterusnya bersikap negatif terhadap mata pelajaran yang diajar. Azizi et al., (2007) menyatakan bahawa sikap murid dan pencapaian mempunyai hubungan yang rapat. Ini disebabkan sekiranya pelajar bersikap negatif dan sikap acuh tak acuh maka tahap penguasaan mereka adalah lemah akan menjejaskan pencapaian mereka (Noor Erma & Leong, 2014). Para murid akan lebih berminat dan aktif jika turut disertakan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Quek (2006) menyatakan kepentingan murid bersikap positif terhadap suatu matapelajaran akan menyumbang kepada pencapaian yang cemerlang.

Kajian Norma (2004) menyarankan pengaplikasian Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) dalam pedagogi guru. Ini disebabkan perisian multimedia seperti penggunaan grafik, animasi, gambar warna- warni, bunyi dan sebagainya dapat meningkatkan kebolehan kognitif murid, psikomotor, minat serta perlakuan murid tersebut (Azwan Ahmad et al., 2005). Pendapat yang sama turut diberikan oleh Tan dan Carol (2013) di mana guru yang mengaplikasikan teknologi seperti *video tube* dalam pengajaran dapat menarik minat dan meningkatkan kefahaman serta daya ingatan khususnya dalam pembelajaran bahasa. Ini disebabkan dengan kaedah sedemikian segala isi pengajaran dapat disampaikan secara sepenuhnya. Untuk itu, tahap kompetensi guru dalam segala kemahiran adalah sangat perlu untuk mempermudah aktiviti pengajaran dan dilaksanakan dengan cara yang sistematik

(Anuar & Nelson, 2015). Kesannya, murid-murid akan tertarik dan turut aktif dalam pembelajaran.

Slough & Chamblee (2007) memberi pandangan bahawa guru yang berpengetahuan dan kompeten harus dijadikan sasaran ketika membuat perancangan dan perubahan suatu kurikulum. Fullan (2001) berpendapat guru berperanan sebagai pelaksana kurikulum serta bertanggungjawab terhadap kejayaan atau kegagalan pelaksanaan kurikulum di sekolah. Manakala menurut Grabel (2001) kejayaan pelaksanaan kurikulum yang berkesan adalah sangat bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran guru tentang segala aspek tentang bidang pendidikan dan juga kurikulum. Oleh itu, dapat dirumuskan guru adalah satu aset yang sangat penting di samping mempunyai pengaruh kuat atas kejayaan suatu kurikulum.

Di samping guru, pengkaji berpendapat buku teks juga dapat menjadi penghalang dalam pelaksanaan kurikulum. UNESCO (2008) menyatakan buku teks adalah satu jenis dokumen kurikulum yang memuatkan terjemahan Sukatan Pelajaran (*SP*) yang akan dijadikan sebagai bahan panduan para pendidik dalam melaksanakan proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah. Oleh itu, isi pelajaran atau isi kandungan buku teks mestilah sesuai dari segi bahasa dan latihan yang sesuai berdasarkan kepada aras keupayaan murid (Wan Muhammad, 1998).

Namun, buku teks tidak dapat dijadikan bahan rujukan yang digunakan bersama oleh para pendidik dan juga murid (Bahagian buku Teks, 2005 & 2009). Bahagian buku Teks (2009) sendiri telah menyatakan terdapat masalah dari segi isi kandungan buku teks Matematik tahun 5, Matematik tahun 6 dan Sains tahun 5 dari segi konsep, fakta dan istilah serta latihan yang terpilih. Pembetulan telah dilakukan dengan kadar segera. Tetapi persoalannya ialah kesilapan terdapat dalam aktiviti yang disediakan untuk memantau pemahaman murid.

Tambahan pula, kajian Mahidin (2006) dan Selvaraj (2010) mendapati aktiviti dan latihan yang disediakan dalam buku teks tidak sesuai dengan aras kefahaman para murid. Manakala kajian Muhammad (2000) mendapati buku teks ada mengandungi aspek sensitiviti dan nilai masyarakat. Elemen latihan dalam buku teks sangat mustahak dalam proses pembelajaran yang perlu diberi penekanan supaya murid dapat mendapat dan memperkukuhkan ilmu (Muhd Nazri et al, 2014). Hoven & Garelick (2007) menegaskan fungsi buku teks ialah untuk memberi penjelasan serta meningkatkan kefahaman terhadap suatu konsep dan untuk menilai hasil pembelajaran serta kemajuan murid.

Oleh itu, buku yang buku teks yang digubal haruslah dapat membantu kefahaman murid di samping dapat memenuhi hasrat dan matlamat kurikulum serta aspirasi pendidikan negara berdasarkan keperluan, budaya dan masyarakat majmuk negara ini (Hamed, 2007). Maka, pada pandangan pengkaji, isi kandungan buku sebenarnya berperanan dalam memastikan kefahaman murid yang seterusnya menjurus kepada pencapaian akademik. Pencapaian akademik pula memberi kesan terhadap kejayaan suatu kurikulum. Oleh itu, penggubalan buku teks wajarlah diberi perhatian yang penting agar tidak menjadi penghalang dalam pelaksanaan kurikulum.

Selain itu, Syed Kamarulzaman et.al (2014) menegaskan faktor ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dalam pelaksanaan pembelajaran bahasa di sekolah. Mohd Sofian (2003) menyatakan kebanyakan ibu bapa beranggapan matapelajaran peperiksaan adalah lebih penting daripada mata pelajaran lain yang diajar. Ini tidak bermaksud mereka tidak sedar akan keperluan mata pelajaran lain tetapi seringkali mempertikaikan dan memperkecilkan kepentingannya dan lebih mengutamakan mata pelajaran peperiksaan (Zaccagnini, 2005). Menyokong

pernyataan tersebut, Ali (2008) menyatakan suatu mata pelajaran akan menghadapi masalah dari segi pelaksanaannya jika tidak dikategorikan sebagai subjek teras. Oleh itu, sikap ibu bapa yang memperkecilkan kepentingan mata pelajaran lain khususnya mata pelajaran bahasa elektif telah mendorong mereka turut mempertikaikan kepentingannya (Usha, 2008). Kesannya, mengganggu pelaksanaan kurikulum dari segi pengajaran dan pembelajaran (Nadhratul, 2000). Kajian Sakiyyah (2004) mendapati ramai guru berpendapat sikap ibu bapa mengundang pelbagai masalah dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran.

Secara kesimpulan terdapat pelbagai jenis kekangan dan masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan suatu kurikulum. Masalah dan kekangan sedemikian tidak dapat dielakkan dan tetap akan wujud. Oleh itu, cara penyelesaiannya adalah perkara yang penting perlu diambil kira oleh semua pihak khususnya pihak yang bertanggungjawab sebagai pelaksana kurikulum di peringkat sekolah. Penyelesaian yang wajar dan sistematik dapat menyumbang ke arah pelaksanaan kurikulum yang berkesan.

Kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK)

Dokumen Kurikulum

Dokumen kurikulum adalah satu rujukan rasmi yang digunakan oleh para pelaksana kurikulum di peringkat sekolah. Setiap mata pelajaran akan disediakan dengan dokumen kurikulum sebagai panduan dalam pelaksanaannya. Lazimnya dokumen kurikulum yang digunakan adalah sukatan kurikulum dan huraian sukatan kurikulum (KPM, 2007). Badan Pembangunan Kurikulum (BPK) adalah badan yang bertanggungjawab dalam membangunkan dokumen kurikulum tersebut (KPM, 2006).

Selain itu, satu lagi dokumen yang dikenali Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) turut digunakan. Namun, RPT bukanlah dibangunkan oleh pihak BPK tetapi disediakan pada peringkat JPN dan sekolah. RPT disediakan berdasarkan huraian sukatan tahunan yang dibekalkan menjurus kepada keperluan yang perlu dicapai untuk suatu darjah sepanjang tahun.

Sukatan Pelajaran

Sukatan pelajaran merujuk kepada rujukan rasmi yang digunakan oleh guru-guru bahasa Tamil sekolah kebangsaan (BTSK) dalam pelaksanaan kurikulum bahasa Tamil dari tahun 1 hinggalah ke tahun 6. Kurikulum Bahasa Tamil telah direka bertujuan untuk mencapai hasrat dan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Untuk memenuhi hasrat tersebut, maka kurikulum Bahasa Tamil telah digubal supaya murid dapat mempelajari kemahiran berbahasa dan berkomunikasi dan dapat mempraktikan bahasa dengan betul. Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Rendah memberikan tumpuan kepada kemahiran- kemahiran bahasa ini (KPM, 2006). Kemahiran bahasa ini adalah amat perlu untuk memastikan murid menguasai bahasa Tamil secara optimum dalam kehidupan mereka selain bahasa ilmu yang menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat untuk tujuan sosial dan keperluan ilmu.

Selain itu, aspek pembelajaran yang lain seperti gaya pembelajaran, kecerdasan yang berbeza murid serta minat turut diambil kira semasa penggubalan sukatan pelajaran ini. Lazimnya, Sukatan Pelajaran yang digubal memberikan gambaran menyeluruh tentang kurikulum Bahasa Tamil. Pernyataan matlamat, objektif dan organisasi kandungan adalah merupakan isi yang dimuatkan dalam

sukatan pelajaran. Organisasi kandungan merujuk kepada hasil pembelajaran, kemahiran bahasa, pengisian kurikulum dan sistem Bahasa.

Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) ditawarkan sebagai mata pelajaran tambahan di sekolah- sekolah kebangsaan yang terpilih (Ikhsan & Norila 2005) dan ditawarkan kepada murid-murid yang berminat untuk mempelajarinya (KPM, 1996). Berdasarkan kurikulum Bahasa Tamil, murid-murid akan berpeluang untuk mempelajari bahasa Tamil daripada peringkat asas lagi. Oleh itu, selaras dengan matlamat dan falsafah, BPK telah menetapkan bahasa Tamil diajar berdasarkan 5 tema teras (KPM, 2006). Antara tema yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- a) Saya dan keluarga
- b) Komuniti dan persekitaran sekolah
- c) Kemahiran hidup
- d) Kemudahan dan perkhidmatan awam
- e) Negara saya

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) telah digubal dengan bermatlamatkan murid-murid

- a) Dapat berkomunikasi menggunakan Bahasa Tamil
- b) Menggunakan Bahasa Tamil dalam kehidupan harian
- c) Menjalinkan perhubungan sosial dalam kelompok masyarakat dengan meluahkan pendapat dan perasaan masing- masing
- d) Memupuk nilai- nilai murni, perpaduan serta semangat patriotism

Huraian Sukatan Pelajaran

Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) adalah merujuk kepada perincian kepada sukatan pelajaran untuk setiap darjah. Ini bermaksud, kurikulum bahasa Tamil mempunyai enam set huraian sukatan pelajaran yang merangkumi darjah satu hingga tahun enam. HSP adalah panduan yang digunakan oleh para guru untuk mengajar bahasa Tamil di peringkat sekolah kebangsaan. HSP merangkumi bidang pembelajaran, kemahiran- kemahiran dan output yang harus diperolehi oleh para murid selepas pembelajaran. Bidang pembelajaran adalah merangkumi kemahiran dan tajuk yang akan dipelajari oleh para murid. Hasil pembelajaran pula adalah merujuk kepada objektif yang perlu dicapai pada akhir pembelajaran. Objektif yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada aras pembelajaran dan aras keupayaan para murid. Ini kerana kebolehan penerimaan pembelajaran murid adalah berbeza antara satu sama lain. Manakala cadangan aktiviti pula merujuk kepada satu panduan atau contoh aktiviti yang disediakan untuk setiap unit pembelajaran yang boleh digunakan dalam proses pembelajaran bahasa Tamil.

Mengikut bidang kajian, terdapat enam objektif yang digariskan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Bahasa Tamil. Para murid mestilah dapat mencapai objektif- objektif berikut pada akhir pelaksanaan kursus. Antaranya adalah seperti berikut:

- a) Dapat mendengar dan menaakul semua pandangan/ pendapat dalam komunikasi harian
- b) Berbual dengan sebutan lancar mengikut situasi
- c) Dapat mengumpul bahan berkaitan dengan tema pelajaran dan membuat perbincangan

- d) Dapat mengamalkan nilai- nilai murni menggunakan kemahiran bahasa yang diperolehi
- e) Membuat penilaian terhadap bahan kesusasteraan dan buku bacaan
- f) Dapat mempersembahkan bahan bertulis berdasarkan pengalaman dan pengetahuan
- g) Menggunakan tatabahasa. Perbendaharaan kata, sebutan dan tulisan yang betul dalam pelbagai situasi.

Peruntukan Waktu Pembelajaran

Semasa pelaksanaan Bahasa Tamil Komunikasi (BTK) pada tahun 1998, peruntukkan masa pengajaran bahasa Tamil di sekolah kebangsaan adalah sebanyak 2 waktu X 30 minit iaitu sebanyak 60 minit dalam seminggu untuk tahap satu dan dua (KPM, 1997). Namun peruntukkan masa tersebut telah ditambah sejak program telah ditukar kepada Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (PIPP, 2006- 2010). Berdasarkan kepada semakan kurikulum bahasa Tamil dan pelaksanaan BTK, peruntukkan masa telah bertambah menjadi 5 waktu X 30 minit iaitu sebanyak 150 minit dalam seminggu untuk kedua- dua tahap. Pelaksanaan bahasa Tamil semasa BTK dan BTKS adalah berbeza. Sewaktu pelaksanaan BTK, kelas bahasa Tamil telah dijalankan dalam waktu pembelajaran sekolah. Manakala, kelas bahasa Tamil sewaktu pelaksanaan program BTKS pula adalah di luar waktu persekolahan dimana murid yang berminat akan mengikuti kelas yang dijalankan selepas waktu persekolahan. Dalam konteks kajian, responden atau murid darjah enam masih menggunakan 5 waktu pembelajaran yang dijalankan selepas waktu persekolahan.

Inovasi Kurikulum

Menurut Abdul Jalil et al, (2013) inovasi atau transformasi kurikulum ialah satu unjuran atau perubahan yang berterusan dan dinamik. Inovasi merujuk kepada suatu pembaharuan, modifikasi atau penambah baikan kepada suatu idea, benda, ilmu atau ciptaan dengan tujuan mencapai hasrat, cita rasa atau pasaran tertentu (Sufean Hussin, 2007). Slough dan Chamblee (2007) menggambarkan inovasi kurikulum adalah satu pembentukan kurikulum yang baru. Maka, inovasi kurikulum adalah satu perubahan kepada sistem pendidikan sebuah negara. Inovasi kurikulum merujuk kepada reformasi yang dilakukan terhadap kurikulum. Boleh dirumuskan inovasi kurikulum ialah suatu pembaharuan dan penambah baikan dalam kurikulum sedia ada. Inovasi dicipta dengan adanya idea- idea yang bernas. Penghasilan idea-idea yang baru adalah sangat penting untuk meningkatkan keberkesanan atau kejayaan suatu program pendidikan (KPM, 2002). Penjanaan idea- idea baharu hanya dapat dihasilkan dengan adanya kreativiti.

Kelly & Littman (2000) menerusi buku mereka *The Art of Innovation* menjelaskan kreativiti dan inovasi adalah dua konsep berkait rapat dan kreativiti adalah asas kepada inovasi. Inovasi yang dibuat semestinya berdasarkan kepada rasional yang tertentu. Menurut Sufean Hussin (2007) menerangkan tujuan inovasi kurikulum adalah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran supaya dapat meningkatkan kefahaman serta prestasi murid di sekolah. Di samping itu, ada pandangan menyatakan keperluan untuk bersaing dan merebut peluang dan untuk mengatasi ketidaktentuan merupakan antara beberapa sebab kurikulum mengalami inovasi (Mohd Salleh Lebar, 1996).

Sufean (1996) menyatakan wawasan dan dasar- dasar baru serta sistem dan organisasi pendidikan yang sering mengalami perubahan mendesak pelaksanaan

inovasi pendidikan di pelbagai peringkat dan aspek. Berdasarkan pendapat Saedah (2000), inovasi pendidikan adalah bertujuan untuk membawa perubahan terancang terhadap sistem pendidikan negara supaya lebih konsisten dan kontemporari.

Berdasarkan huraian di atas, dapatlah disimpulkan tujuan utama inovasi kurikulum adalah menjadikan kurikulum sedia ada lebih baik, lebih sempurna dan lebih sesuai, lebih relevan dengan perkembangan semasa dan masa depan serta keperluan negara.

Kurikulum Masa Kini

Selepas sekian lama menggunakan KBSR dan KBSM, maka perubahan atau satu transformasi dirasakan perlu dalam kurikulum pendidikan kita. Transformasi pemikiran tersebut telah melahirkan satu kurikulum baharu yang dikenali Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) diperkenalkan dan dilaksanakan untuk mengubahsuai dan membuat penambahbaikan terhadap kurikulum sedia ada dengan menyelitkan kemahiran pengetahuan dan nilai kontemporari supaya dapat bersaing maju serta bersedia untuk arus cabaran abad ke-21. (KPM, 2010)

Inovasi kurikulum ini juga selaras dengan gagasan ke tiga ucapan YAB perdana menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO 2006 yang menyeru pendidikan negara perlu berfokus kepada pembinaan jati diri, melahirkan insan yang berpemikiran kritis, pembinaan warganegara yang berilmu pengetahuan, celik maklumat dan juga untuk membangunkan akal manusia sebagai usaha untuk melahirkan insan berasaskan Ulul al-bab. Perubahan kurikulum ini juga hasil daripada teras ke- dua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010) yang merangka dasar pembangunan modal insan yang celik maklumat dan kemahiran serta

menghayati nilai- nilai duniawi. Matlamat pelan induk pembangunan pendidikan adalah untuk melahirkan anak bangsa Malaysia yang kompeten serta berilmu pengetahuan dan diterapkan dengan nilai- nilai moral.

Kurikulum baru yang dibentuk masih bertunjangkan ideologi negara iaitu berteraskan falsafah pendidikan kebangsaan (KPM, 2010) iaitu untuk mengembangkan potensi individu dengan menyediakan kualiti pendidikan yang saksama kepada anak bangsa. Malahan mekanisme yang berkesan dan prinsip-prinsip KBSR serta KBSM masih lagi diamalkan dalam kurikulum baru dengan penambahbaikan supaya dapat menghasilkan output yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran khasnya dalam penguasaan bahasa. Menurut kurikulum terbaru KSSR (KPM, 2010) proses transformasi pendidikan adalah merujuk kepada satu inovasi yang bersepadu terhadap kurikulum sedia ada yang merangkumi perubahan dari segi kandungan pedagogi, bentuk, peruntukan masa, organisasi pengurusan kurikulum sekolah, bahan kurikulum dan kaedah pentaksiran.

Kurikulum Berasaskan Standard

Berdasarkan kurikulum terbaharu, mata pelajaran Bahasa Tamil dimasukkan dalam komponen modul elektif di mana murid-murid boleh memilih bahasa yang diminati (KPM, 2010). Sesuai dengan perubahan, maka Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) digubal berdasarkan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran ini merangkumi Sistem Bahasa dan Kemahiran Bahasa yang dikukuhkan dengan elemen- elemen Kurikulum (KPM, 2011). Pernyataan standard merujuk kepada pernyataan khusus tentang kemahiran yang harus diketahui dan boleh dilakukan dalam suatu jangka waktu meliputi kemahiran, aspek pengetahuan dan nilai.

Oleh itu, satu piawai atau indikator pencapaian yang wajib dicapai bagi setiap kemahiran pembelajaran telah ditetapkan yang dikenali sebagai standard pembelajaran. Oleh itu, semua murid diwajibkan untuk melepasi standard yang telah ditetapkan. Apabila terdapat satu standard atau tanda aras, maka kemahiran ilmu dan nilai yang ditetapkan dapat diukur dengan jelas. Menerusi standard, jika murid tidak melepasi standard yang ditetapkan, maka guru dapat mengenal pasti strategi penambahbaikan atau langkah pemulihan terhadap murid yang tidak melepasi standard untuk suatu kemahiran. Peperiksaan yang dijalankan selama ini, telah diganti dengan suatu sistem penilaian yang dinamakan Pentaksiran berasaskan sekolah dimana pihak sekolah atau guru akan membuat penilaian sedemikian berdasarkan standard yang dirangka oleh kementerian. Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah.

Dokumen Standard Kurikulum Pembelajaran (DSKP)

Semasa pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), dokumen kurikulum dirujuk sebagai sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran. Namun, selaras dengan perubahan kurikulum, maka dokumen kurikulum kini dikenali sebagai Dokumen Standard Kurikulum Pembelajaran (DSKP) (KPM, 2010). Dengan itu, pihak BPK telah menyediakan DSKP untuk setiap subjek di peringkat sekolah rendah. Walaupun terdapat perubahan nama, namun fungsinya masih sama seperti dokumen kurikulum yang diguna pakai ketika pelaksanaan KBSR.

Standard Kurikulum Bahasa Tamil (KPM, 2010) dibentuk berdasarkan enam tunjang iaitu Kerohanian Komunikasi, Sikap dan Nilai, Literasi Sains dan Teknologi, Kemanusiaan, Fizikal dan Estetika dan Keterampilan Diri. Keenam- enam tunjang ini merupakan fokus utama penggubalan KSSR Bahasa Tamil sekolah kebangsaan. Penggabungan ini adalah untuk memenuhi aspirasi pendidikan iaitu untuk

melahirkan individu yang seimbang dalam segala aspek, ketrampilan dan berpengetahuan. Standard Kurikulum Bahasa Tamil telah digubal dengan bermatlamatkan seperti berikut:

- a) Dapat berkomunikasi menggunakan Bahasa Tamil
- b) Menggunakan Bahasa Tamil dalam kehidupan harian
- c) Menjalinkan perhubungan sosial dalam kelompok masyarakat dengan meluahkan pendapat dan perasaan masing-masing
- d) Memupuk nilai-nilai murni, perpaduan serta semangat patriotism

Manakala DSKP bahasa Tamil (KPM, 2010) telah meletakkan objektifnya yang perlu dicapai pada akhir pembelajaran seperti berikut:

- a) Dapat mendengar dan menaakul semua pandangan/ pendapat dalam komunikasi harian
- b) Berbual dengan sebutan lancer mengikut situasi
- c) Dapat mengumpul bahan berkaitan dengan tema pelajaran dan membuat perbincangan
- d) Dapat mengamalkan nilai-nilai murni menggunakan kemahiran bahasa yang diperolehi
- e) Membuat penilaian terhadap bahan kesusasteraan dan buku bacaan
- f) Dapat mempersembahkan bahan bertulis berdasarkan pengalaman dan pengetahuan
- g) Menggunakan tatabahasa. Perbendaharaan kata, sebutan dan tulisan yang betul dalam pelbagai situasi.
- h) Dapat memahami, menelaah, menggunakan serta menikmati keindahan kesusasteraan tamil

Standard kurikulum Bahasa Tamil telah dibentuk berasaskan pendekatan modular untuk menggalakkan kecekapan bahasa yang optimum. Pendekatan modular merujuk kepada pecahan kemahiran kepada tajuk- tajuk kecil yang dipanggil sebagai modul (KPM, 2010). Subjek Bahasa Tamil telah disediakan dengan lima modul merangkumi Modul- modul kemahiran bahasa, Tatabahasa serta seni bahasa. Kesemua modul ini telah dibina untuk memastikan para murid dapat menguasai Bahasa Tamil pada tahap maksimum pada akhir pembelajaran.

Peruntukan Masa Pengajaran

Berdasarkan pelaksanaan kurikulum baru, waktu pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil diperuntukkan sebanyak 3 waktu X 30 minit iaitu sebanyak 90 minit dalam seminggu. Sebanyak 2 waktu telah dikurangkan berbanding dengan pelaksanaan KBSR sebelum ini. Namun, waktu pelaksanaan kelas bahasa Tamil telah berubah sejak pengenalan kurikulum baru ini. Kurikulum baru ini telah memberi ruang untuk mengadakan kelas bahasa Tamil dalam waktu persekolahan. Mengikut kurikulum baru, bahasa tambahan merangkumi bahasa Tamil, bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Iban dan sebagainya akan dilaksanakan secara serentak dan dalam waktu persekolahan Oleh itu, para murid boleh memilih salah satu bahasa sahaja untuk dipelajari (KPM, 2010).

Model-model Penilaian

Suatu penilaian memerlukan satu pendekatan atau kaedah yang sistematik dan menyeluruh supaya dapat memberikan gambaran yang tepat. Scriven (1994) mendefinisikan modul merujuk kepada satu metodologi penilaian. Menurut Saedah (2000), model merupakan satu gambaran konseptual tentang suatu aktiviti.

Tambahannya lagi, penggunaan model dapat membantu suatu penilaian dibuat secara lengkap dan bermakna.

Di samping itu, Ghazali Darusalam (2003) pula menjelaskan teori dan model adalah berbeza. Teori merujuk kepada satu huraian dalam perkataan manakala model lazimnya merupakan satu lakaran gambarajah. Menurut beliau lagi, walaupun berbeza namun kedua- dua cara menjelaskan tentang definisi, konsep, idea, prinsip, ciri, aliran serta teori yang dicadangkan oleh para pelopor.

Oleh itu, dapat dirumuskan model penilaian merupakan suatu panduan yang disertakan dengan gambaran konseptual dan penerangan tentang cara bagaimana suatu penilaian harus dilakukan. Terdapat beberapa model yang dicadangkan dan boleh digunakan untuk menilai kurikulum pendidikan. Antaranya adalah seperti yang dijelaskan di bawah.

Model Penilaian Objektif

Model tersebut merupakan satu model yang dipelopori oleh Tyler (1949). Oleh itu, model ini turut dikenali dengan Model Tyler. Model ini digunakan untuk mengukur pencapaian dan kemajuan para murid di sekolah (Azizi, 2001). Menurut Stufflebeam (2001), model penilaian ini digunapakai oleh pihak penggubal kurikulum untuk mengenal pasti sejauhmana objektif yang ditetapkan memenuhi hasratnya. Mengikut model ini, Tyler menggambarkan penilaian sebagai suatu yang merujuk kepada perbandingan hasil yang dikehendaki dengan hasil yang sebenar (Saedah, 2000). Ini bermaksud, sekiranya hasil yang dikehendaki tidak tercapai sepenuhnya, maka pelaksanaan kurikulum adalah lemah atau penetapan objektif adalah tidak sesuai.

Mengikut model ini lagi, penilaian lebih menumpukan kepada pengukuran tingkah laku atau perubahan tingkah laku iaitu hasil pembelajaran yang berlaku

dalam diri murid hasil daripada input pengajaran. Oleh itu, dimensi proses dalam melaksanakan penilaian tidak diberi kepentingan (Azizi, 2001). Di samping itu, penilaian yang dibuat adalah lebih berbentuk penilaian sumatif berbanding penilaian formatif (Eisner, 1993). Ini disebabkan model ini menegaskan bahawa penilaian wajib dibuat setelah suatu program telah dilaksanakan.

Lazimnya, proses awal dalam model ini ialah penentuan objektif sesuatu kurikulum. Objektif yang ditetapkan ditukar dalam bentuk operasi secara spesifik (Saedah, 2000). Langkah seterusnya, petanda- petanda pencapaian objektif dan alat ukuran yang akan digunakan akan dikenal pasti untuk membuat perbandingan. Kemudian data- data akan dikumpul untuk menentukan sejauhmana objektif telah dicapai. Maka, model penilaian objektif lebih memfokuskan kepada pencapaian objektif oleh pada murid dan setakat mana pencapaian murid telah menepati objektif yang telah ditetapkan sebelum pembelajaran. Dengan itu, pengkaji dapat merumuskan model ini mementingkan pembelajaran atau perubahan tingkah laku yang harus berlaku setelah melalui proses pembelajaran. Namun, faktor- faktor lain yang memberi impak kepada pelaksanaan kurikulum kurang diberi wajaran yang penting.

Model Penilaian Responsif

Model ini dipelopori oleh Stake (1967). Model penilaian yang berorientasikan pelanggan (Stufflebeam, 2001) ini turut dikenali sebagai model penilaian Contingency Congruence. Menurut Saedah (2000) model menyediakan satu rangka kerja berbentuk perkembangan untuk penilaian suatu kurikulum. Mengikut model ini, aktiviti program atau kurikulum adalah diberi keutamaan berbanding dengan tujuannya (Stake, 2003).

Stake (2003) percaya bahawa, terdapat masyarakat diluar yang terdiri daripada guru, pentadbir, penggubal, ibubapa dan banyak lagi yang bertindak sebagai pelanggan yang turut menerima kesan pendidikan. Mereka juga turut mengembangkan dan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan suatu program kurikulum yang dinilai (Gunasegaran, 2014). Misalnya, implementasi KSSR turut memberi kesan kepada masyarakat untuk berfokus terhadap pelajaran anak-anak. Mereka berharap penilai dapat memberikan nasihat dalam memahami dan menambah baik suatu program pendidikan.

Oleh itu, model Stake mendapatkan pandangan dan respons semua pihak berkepentingan yang seterusnya dijadikan sebagai piawaian atau ukuran. Berdasarkan ukuran tersebut, maka keputusan dibuat untuk menentukan kejayaan atau kegagalan suatu program kurikulum yang dinilai (Ghazali, 2003). Azizi (2001) berpendapat model lebih berfokus kepada kebiasaan yang dibuat oleh manusia untuk membuat penilaian terhadap sesuatu perkara. Model ini memerlukan penilai berusaha pada tahap maksimum di mana perlu memilih individu yang dapat mengambil tindakan. Penilai perlu bijak membuat perancangan dan melantik pegawai untuk memantau pelaksanaan suatu kurikulum pendidikan. Berdasarkan respon yang diberikan maka penilai menyediakan carta, penggambaran dan dapatan akan direkod untuk penganalisan (Azizi, 2001).

Menurut Stake (2003), terdapat empat fasa dalam model penilaian ini. Antaranya:

i. Fasa Pertama

Merupakan peringkat permulaan dan penstrukturan. Dalam fasa ini, penilai dan pengguna (*client*) akan membuat satu kontrak penilaian yang melibatkan kebenaran, jaminan kerahsiaan dan penilaian dan. *Stake holder* ialah individu penting dalam model penilaian ini. Dalam konteks kajian, *stake holder*

merujuk kepada murid-murid tahun enam. Stake holder mempunyai hak untuk mendapatkan kebenaran mereka dalam proses penilaian.

ii. Fasa Kedua

Dalam fasa ini, tahap penerimaan, isu dan nilai daripada *stake holder* dibuat. Lazimya, maklumat diperolehi menerusi temu bual dan soal selidik.

iii. Fasa ketiga

Menerusi fasa ini, maklumat yang berkait dengan keperluan, nilai, isu yang yang didapati oleh *stake holder* dikumpul. Di samping itu, penilai turut mendapatkan data secara deskriptif tentang perkara penilaian dan seterusnya piawaian digunakan dalam membuat pertimbangan. Lazimya, pemerhatian, naturalistik, temuduga dan ujian piawaian merupakan antara beberapa cara yang digunakan oleh penilai dalam mendapatkan dan mengumpul maklumat.

iv. Fasa keempat

Merupakan fasa terakhir yang menyediakan laporan tentang dapatan dan cadangan. Dalam laporan ini, isu- isu atau dapatan yang dikenal pasti oleh *stake holder* dimuatkan sebagai sokongan kepada hasil dapatan. Model ini turut mencadangkan penilai membuat perbincangan dengan *stake holder* tentang cadangan- cadangan berdasarkan maklumat yang diperolehi.

Pelopor model, Stake (1967) mencadangkan bahawa penilaian yang dibuat mestilah berfokus kepada output atau hasil suatu program. Menurut beliau lagi, berdasarkan outputlah, kejayaan atau kegagalan program dapat dinilai. Di samping itu, Gunasegaran (2014) menyatakan model Stake menegaskan informasi berbentuk subjektif dan tidak menerima penilaian yang berupa objektif. Oleh itu, model ini tidak dapat memberi satu hasil yang tepat dalam suatu jangka masa dan akan


menjurus kepada perselisihan faham di antara pihak- pihak berkepentingan (Stufflebeam, 2001).

Model Penilaian Matlamat Bebas (Goal Free Evaluation)

Model ini yang diasaskan oleh Scriven (1974) merupakan satu model penilaian yang berorientasikan pengguna (Gunasegaran, 2014). Maka, kebajikan pengguna adalah diutamakan dan menjadi fokus dalam penilaian (Stufflebeam, 2001). Oleh itu, penilai harus bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti. Berdasarkan model, maklumat atau data yang diperolehi adalah secara komprehensif yang merangkumi aspek deskripsi, maklumat pelanggan dan pengguna, latar belakang, sistem penyampaian, sumber, kos, nilai proses tentang suatu program atau kurikulum (Saedah, 2000). Maklumat- maklumat ini diperolehi untuk menyediakan pengetahuan asas kepada pengguna dalam proses membuat pilihan yang bijak. Model ini mengutamakan kesan sesuatu kurikulum dan bukannya berfokuskan objektif yang perlu dicapai (Stufflebeam, 2001). Oleh itu, penilai adalah bertanggungjawab untuk berada bersama dalam pelaksanaan kurikulum dan buat kajian untuk menilai semua hasil atau output pelaksanaan.

Menurut Azizi (2001), persoalan yang sering ditimbulkan dalam model ini ialah ‘Apakah impak hasil daripada pelaksanaan kurikulum. Maka, kesan suatu kurikulum adalah diutamakan dan perbandingan dengan matlamat kurikulum tidak dibuat. Tambahan pula, menyatakan pengguna adalah audien utama dalam model ini.

Di bawah adalah langkah yang dicadangkan untuk membuat penilaian berdasarkan model.



Rajah 2.1 Proses Model Penilaian Matlamat Bebas.

Model Penilaian Penerangan

Model di atas merupakan satu model penilaian yang dipelopori oleh Parlett dan Hamilton (1976). Model ini juga dikenali sebagai model *Illiminative Evaluation* yang bertujuan untuk menilai keberkesanan inovasi dalam pelaksanaan suatu kurikulum (Saedah, 2000). Lazimnya, model penilaian tersebut melibatkan proses modifikasi yang dilakukan berdasarkan maklumbalas dan interprestasi pelaksana kurikulum pada peringkat institusi pendidikan (Gunasegaran, 2014). Menurut Azizi (2001), model ini mengkaji cara pelaksanaan suatu kurikulum dan pengaruh pelbagai situasi pendidikan kesan daripada pelaksanaan. Tambahan beliau lagi, model ini turut menilai impak yang berlaku terhadap pembelajaran dari segi akademik dan hasil kerja murid. Oleh itu, dapat dirumuskan tujuan utama mengikut kehendak model ini ialah untuk mendapatkan maklum balas pelaksanaan dari segi matlamat, objektif serta masalah- masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan inovasi suatu kurikulum.

Model Penilaian CIPP

Perbincangan seterusnya akan melibatkan huraian model penilaian CIPP secara khusus. Penggunaan huruf CIPP adalah merujuk kepada singkatan untuk Context (konteks), Input (input), Process (proses) dan Product (produk). Model CIPP adalah model penilaian pendidikan yang dipelopori oleh Stufflebeam dan kawan-kawan (1971) yang berbentuk orientasi keputusan pengurusan (*Decision- Management-Oriented*). Gunasegaran (2014) menyatakan bahawa model penilaian ini mengutamakan penilaian yang berterusan terhadap suatu kurikulum dalam sistem pendidikan. Model ini menyediakan data dan maklumat kepada pihak yang berkepentingan khususnya penggubal kurikulum untuk mengambil keputusan yang sewajarnya terhadap pelaksanaan suatu kurikulum (Ghazali, 2003).

Di samping itu, menurut Stufflebeam (2003) menegaskan bahawa model penilaian ini bukan bertujuan untuk membuktikan kejayaan pelaksanaan suatu kurikulum malah untuk membuat penambahbaikan terhadap kurikulum sedia ada yang sedang dalam pelaksanaan. Berdasarkan sorotan literatur, terdapat banyak jenis model penilaian yang boleh digunakan untuk menilai suatu kurikulum. Namun, pengkaji memerlukan satu model yang dapat memberi maklumat (*informative*) tentang kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan supaya dapat menambah baik pelaksanaan kurikulum Bahasa Tamil. Maka, pengkaji telah menggunakan model penilaian CIPP sebagai model konseptual kajian selaras dengan matlamat pengkaji dan objektif kajian.

Berdasarkan pandangan pelopor model Stufflebeam, menggambarkan penilaian sebagai satu garis panduan dalam usaha memperolehi data yang diperlukan (*delineating information*) berasaskan soalan kajian; mengumpul dan menyediakan maklumat (*obtaining and providing useful information*) dan menyalurkan maklumat

kepada pihak yang berkenaan khususnya penggubal kurikulum untuk membuat keputusan (*judging decision alternatives*) terhadap suatu kurikulum iaitu kurikulum bahasa Tamil dalam konteks kajian. Maka dapat diketahui bahawa dalam model penilaian ini terdapat tiga asas metodologi penilaian merangkumi penetapan garis panduan, pengumpulan maklumat dan penyaluran dapatan kajian kepada pihak berkepentingan (Stufflebeam, 2003).

Di samping itu, berdasarkan model penilaian CIPP ini terdapat empat situasi keputusan yang boleh dibuat terhadap suatu pelaksanaan kurikulum. Antaranya, '*metamorphic*', '*Homeostatic*', '*Incremental*' dan '*Neomobilistik*' (Stufflebeam 2001).

- a) *Metamorphic* – situasi dimana perubahan perlu dilakukan dalam sistem pendidikan secara keseluruhan.
- b) *Homeostatic* – situasi dimana penilaian dibuat untuk mengekalkan pelaksanaan kurikulum seperti sedia kala.
- c) *Incremental* – situasi keputusan untuk membuat penambahbaikan secara berterusan.
- d) *Neomobilistik* – situasi keputusan untuk mengesan isu atau masalah utama dan cara penyelesaian

Menurut stufflebeam (2003) situasi keputusan '*Incremental*' merupakan satu keputusan yang diambil secara meluas kerana tidak perlu membuat perubahan langsung terhadap keseluruhan kurikulum dan juga bercirikan penambahbaikan terhadap kurikulum yang sedia ada. Model ini merangkumi empat jenis penilaian. Penilai boleh memilih mana- mana satu penilaian yang disesuaikan dengan objektif kajian atau keempat-empat jenis penilaian pada masa yang sama (Gunasegaran, 2014). Antara jenis penilaiannya adalah seperti berikut:

- a) Penilaian konteks – Penilaian yang mempengaruhi keputusan tentang penentuan objektif
- b) Penilaian input – Penilaian yang membolehkan keputusan diambil terhadap pengorganisasian dan reka bentuk kurikulum
- c) Penilaian proses – Penilaian yang mempengaruhi keputusan tentang pelaksanaan Kurikulum
- d) Penilaian produk – penilaian yang membolehkan keputusan diambil semula jika perlu bertindak ke arah pencapaian objektif.

Penilaian Konteks

Penilaian konteks merupakan penilaian asas dalam berbanding penilaian yang lain. Penilaian konteks memberi tumpuan kepada perubahan serta masalah dihadapi. Azizi (2001) berpendapat penilaian konteks bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemampuan persekitaran menyokong ke arah pencapaian objektif kurikulum. Manakala Payne (1994) menyatakan penilaian konteks termasuklah proses memeriksa dan menerangkan konteks kurikulum yang akan dinilai. Shane (2012) pula menyatakan elemen penting dalam memahami konteks adalah dengan mengadakan temuduga dengan ahli dalam pelaksanaan sebagai proses untuk membentuk kefahaman tentang masalah- masalah yang dihadapi.

Oleh itu, data dan maklumat yang membuktikan kewujudan masalah kurikulum adalah perlu dalam usaha memahami konteks secara jelas. Robinson (2002) mengemukakan apa yang perlu dilakukan adalah persoalan yang sering ditanya dalam penilaian konteks. Maka, suatu kurikulum perlu dinalisis tentang masalah, keperluan dan data supaya dapat membentuk matlamat dan objektif kurikulum sepatutnya. Manakala Gunasegaran (2014) menghuraikan penilaian konteks merujuk kepada keadaan yang sepatutnya berlaku dan keadaan sebenar

berlaku dalam persekitaran tersebut. Ini bermaksud, suatu perbandingan berlaku antara apa yang ditetapkan dengan apa yang sedang dilaksanakan.

Menurut Stufflebeam (2003), penilaian konteks melibatkan analisis konseptual iaitu pendefinisian dimensi yang dikaji dan analisis empirikal yang merangkumi pengenalpastian pemurnian yang belum dibuat dan peluang-peluang yang wujud yang tidak digunakan. Tambahan pula, kaedah tinjauan dapat dipilih oleh penilai untuk mengenal pasti persepsi pihak yang terlibat dalam pelaksanaan tentang pemurnian yang belum dipenuhi serta peluang yang wujud.

Penilaian Input

Azizi (2001) menyatakan penilaian input dalam model CIPP adalah merujuk kepada sumber yang diperuntukkan untuk membolehkan matlamat dan objektif yang ditetapkan dalam suatu kurikulum dicapai. Menurut Stufflebeam (2003), penilaian input adalah bertujuan untuk membekalkan maklumat tentang langkah yang seharusnya sumber-sumber yang diperuntukan digunakan supaya dapat mendorong ke arah pencapaian objektif. Manakala Saedah (2000) menyatakan tujuan penilaian input adalah untuk mengenal pasti sumber dan strategi yang sedia ada serta peluang yang boleh digunakan dalam proses pelaksanaan kurikulum. Maka, input dalam penilaian boleh dirujuk sebagai sumber yang digunakan seperti masa yang diperuntukkan untuk mata pelajaran bahasa Tamil, kemahiran dan pengetahuan guru, peralatan, bantuan kewangan dan sebagainya yang akan membantu ke arah pelaksanaan kurikulum seterusnya membantu dalam memenuhi objektif yang ditetapkan.

Di samping itu, tujuan penilaian ini dapat dicapai dengan adanya strategi dan reka bentuk strategi yang sesuai dan terancang ke arah pencapaian objektif (Stufflebeam, 2001). Pada peringkat penilaian ini, kesan pelaksanaan suatu strategi

yang digunakan dapat dikenal pasti. Stufflebeam (2003) menyatakan bahawa penilaian input adalah berbentuk diagnostik yang dapat mengesan sebarang masalah yang wujud dalam strategi yang dibentuk. Berdasarkan penilaian input juga, keputusan tentang prosedur, peralatan, kemudahan serta bahan pembelajaran dapat ditentukan.

Selain itu, persekitaran merupakan satu elemen yang asas dan menjadi kriteria dalam menentukan kaedah yang akan digunakan. Tambahan pula, persekitaran yang dikaji lazimnya memerlukan penambahbaikan (incremental) iaitu situasi keputusan penambahbaikan. Ini disebabkan masalah yang wujud bukanlah masalah yang besar justeru memerlukan penyelesaian atau penambahbaikan yang sedikit sahaja (Stufflebeam, 2003).

Penilaian Proses

Penilaian proses adalah satu lagi penilaian yang penting dalam model penilaian CIPP. Saedah (2000) menyatakan penilaian proses bertujuan untuk mendapatkan maklum balas tentang perkembangan dan prosedur pelaksanaan secara berterusan di samping mengawal serta membuat penambahbaikan terhadap perancangan kurikulum. Menurut Azizi (2001) penilaian proses menumpu kepada proses atau langkah pelaksanaan kurikulum ke arah pencapaian objektif dan matlamat yang ditentukan.

Penilaian ini mengumpul maklumat berkaitan dengan maklumat tentang pelaksanaan perancangan dan prosedur oleh pihak yang bertindak sebagai pelaksana kurikulum. Dalam konteks kajian, pelaksana kurikulum adalah merujuk kepada para pendidik bahasa Tamil yang sedang mengajar bahasa Tamil sekolah kebangsaan. Menurut Stufflebeam (2003) terdapat 3 objektif dalam penilaian proses:

- a) Untuk mengenal pasti sebarang kecacatan (defects) yang berlaku dalam prosedur pelaksanaan.
- b) Untuk menyediakan data dan maklumat untuk keputusan yang akan diambil.
- c) Mengawal supaya dapat mencapai satu rekod pelaksanaan kurikulum yang berkesan.

Stufflebeam (2001) menegaskan maklum balas atau reaksi mengenai pelaksanaan kurikulum adalah sangat perlu untuk membolehkan sebarang masalah sepanjang pelaksanaan dapat diatasi. Maklumat penilaian input adalah berkait rapat dengan penilaian proses manakala penilaian proses pula paling penting berbanding penilaian produk. Penilaian proses dan penilaian produk berkait rapat satu sama lain (Stufflebeam, 1971). Ini disebabkan, melalui penilaian proseslah akan dibuat interpretasi terhadap hasil atau produk suatu kurikulum.

Tambahan pula, perubahan tidak dapat dilakukan dalam suatu proses atau pelaksanaan semasa dan tidak dapat ditetapkan secara tepat. Oleh itu, perubahan hanya dapat dibuat apabila ada pengetahuan tentang kesan yang diakibatkan oleh proses semasa. Maka, sebarang cadangan untuk perubahan dari segi mengorganisasi semula reka bentuk atau prosedur dalam proses pelaksanaan perlulah dibentuk berdasarkan maklumat daripada penilaian produk (Stufflebeam, 2003). Lazimnya, maklumat daripada penilaian proses dapat dikumpul secara formal atau tidak formal tetapi mengikut kehendak atau kaedah penilai (Stufflebeam, 2001).

Penilaian Produk

Penilaian seterusnya adalah penilaian produk. Menurut Stufflebeam (1971) penilaian produk adalah bertujuan menilai sejauh mana pencapaian program atau kurikulum pada akhir kursus hasil daripada proses pentafsiran. Menurut beliau lagi, pentafsiran

tidak semestinya dibuat pada akhir kursus malah boleh juga dijalankan semasa pelaksanaan mengikut keperluan. Dalam erti kata lain, beliau mengkaji serta membuat penilaian sejauhmana objektif yang ditetapkan telah dicapai atau sedang dicapai. Pendapat yang sama turut diberikan oleh Saedah (2000) dan Azizi (2001) yang mengatakan bahawa penilaian produk merujuk kepada suatu penilaian yang dilakukan ke atas hasil atau setelah tamat pelaksanaan kurikulum. Dalam konteks kajian, penilaian produk adalah merujuk kepada perubahan sikap iaitu pembelajaran yang berlaku dan pencapaian objektif kurikulum Bahasa Tamil sekolah kebangsaan (BTSK).

Semua objektif yang ditetapkan perlulah dicapai pada suatu peringkat. Namun, Stufflebeam (2003) memberi pandangan bahawa jika objektif tidak tercapai, maka kajian adalah perlu untuk mengkaji sejauh mana prosedur yang ditetapkan telah dilaksanakan. Jika objektif tercapai, maka dapat dirumuskan bahawa prosedur telah dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Oleh itu, penilaian produk dan proses adalah penilaian yang sangat penting yang memberi maklumbalas supaya dilakukan sebarang perubahan terhadap sesuatu kurikulum (Stufflebeam, 2003). Maka, maklum balas tersebut juga dijadikan asas atau rasional untuk membuat keputusan sama ada untuk mengekalkan, mengubah suai atau perlu dilaksanakan sepenuhnya semula prosedur yang terlibat dalam proses pelaksanaan (Stufflebeam, 2001).

Daripada model- model penilaian kurikulum yang pelbagai, model penilaian CIPP telah dipilih pengkaji untuk menilai tahap keberkesanan pelaksanaan kurikulum Bahasa Tamil sekolah kebangsaan (BTSK). Berdasarkan pendapat pengkaji, model penilaian yang lain tidak berfokus kepada pelbagai sudut, namun model penilaian CIPP berfokus kepada empat dimensi penilaian yang merangkumi dimensi konteks, input, proses dan produk. Pengkaji juga berpendapat, maklumat

yang diperolehi berdasarkan penilaian ke atas empat dimensi tersebut adalah menyeluruh dan mencukupi untuk membuat keputusan terhadap kurikulum Bahasa Tamil sekolah kebangsaan.

Di samping itu, Menurut Azizi (2001), maklumat sedemikian boleh digunakan untuk memantapkan lagi suatu kurikulum dari segi perancangan, penyusunan, perlaksanaan dan penghasilan. Satu kelebihan model penilaian CIPP ialah pengkaji boleh memilih keempat-empat dimensi penilaian atau hanya kombinasi dua hingga tiga dimensi tersebut mengikut kehendak kajian. Di samping itu, model penilaian CIPP mengumpul maklumat bertujuan untuk memudahkan proses membuat keputusan (Stufflebeam, 2003). Oleh itu secara kesimpulan, model penilaian CIPP boleh membantu dalam proses membuat keputusan sama ada untuk mengekalkan, membuat penambahbaikan atau memansuhkan kurikulum Bahasa Tamil sekolah kebangsaan daripada dilaksanakan.

Teori Sistem (*System Theory*)

Teori sistem merupakan satu teori yang diasaskan oleh Bertalanffy pada tahun 1972 dan dapat dikaitkan dengan kajian ini. Beliau menyatakan bahawa teori sistem adalah merupakan elemen-elemen yang berinteraksi sesama sendiri dan juga dengan persekitaran. Perhubungan ini adalah dinamik dan bukannya statik atau tetap. Perhubungan ini akan sentiasa mengalami perubahan mengikut peredaran masa dan pengaruh daripada elemen- elemen yang wujud dalam sistem.

Teori Sistem Am (General System Theory) adalah berasaskan teori sistem dan merupakan satu program pendidikan yang berkonsepkan sistem sosial yang terdiri daripada interaksi dan perhubungan dalam kalangan semua komponen serta persekitaran program tersebut. Maka, teori ini dapat dikaitkan dengan sistem

pendidikan negara kita dimana semua program pendidikan yang dibentuk sebenarnya berkait rapat satu sama lain. Elemen- elemen persekitaran seperti kementerian pendidikan, sekolah, murid-murid, komuniti masyarakat dan sebagainya adalah saling berhubungan satu sama lain dan memainkan peranan penting dalam menjayakan kurikulum pendidikan. Teori sistem mencari persamaan diantara semua disiplin pengetahuan dan persamaan ini dikenali sebagai *Isomorphisms* (Durning & Hammer, 2010).

Oleh itu, Bertalanffy (1972) menggambarkan sistem ini sebagai '*closed*' (tutup) atau '*open*' (buka). Menurutnya, '*Closed*' bermaksud tiada perubahan dimana tiada apa- apa yang masuk atau keluar daripada sistem tersebut. Sebaliknya, '*Open*' bermaksud ada pertukaran dalam kalangan elemen- elemen persekitaran yang wujud. Ini mendorong Bertalanffy (1972) merumuskan sistem kehidupan (*Living Sistem*) sebagai sistem terbuka (*Open System*) kerana ia telah mencapai keseimbangan (*steady-state*) dimana elemen- elemen akan berinteraksi untuk mencapai keseimbangan (*equilibrium*). Akhirnya, sistem ini akan mengalami output yang sama (*equifinality*) iaitu satu keadaan dimana sistem ini akan menghasilkan satu produk (*output*) yang sama walaupun mempunyai permulaan yang berbeza sama seperti konsep dimana seorang pelajar mengikuti bidang pendidikan akhirnya menjadi seorang pendidik.

Berdasarkan teori Bertalanffy, adalah jelas bahawa sistem pendidikan adalah tidak terasing daripada elemen- elemen persekitaran. Kejayaan suatu kurikulum pendidikan tidaklah hanya bergantung kepada suatu pihak tertentu. Malah kejayaannya adalah bergantung kepada semua pihak yang berada dalam sistem. Interaksi antara semua pihak dalam sistem mestilah wujud untuk mencapai '*steady-state*' dan seterusnya menghasilkan keadaan '*equifinality*'. Walaupun corak atau

gaya pendidikan berlainan, namun matlamat pendidikan mestilah dapat dicapai pada peringkat akhirnya.

Kajian-Kajian di dalam Negara

Beberapa kajian yang berkaitan dengan penilaian telah dirujuk oleh pengkaji bagi mendapatkan data- data yang boleh menyokong dapatan kajian ini. Kajian-kajian ini adalah merangkumi penilaian berdasarkan model CIPP dan juga bentuk-bentuk penilaian lain.

Kajian Berkaitan dengan Pendekatan Model Penilaian CIPP

Mohini dan Suhaida (2010) telah menilai kurikulum program Sarjana Muda Sains serta pendidikan Fizik (SPF) dan Sarjana Muda Sains serta pendidikan Kimia (SPC). Kajian ini telah melibatkan 122 pelajar tahun pertama hingga tahun akhir dari Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Terdapat empat aspek telah dikaji merangkumi sukatan pelajaran, proses pembelajaran, kepuasan pelajar dan persekitaran program. Dapatan kajian bagi aspek program mencatatkan $\text{Min} = 3.84$, $SP = 0.79$, aspek kandungan pelajaran $\text{Min} = 3.74$, $SP = 0.83$, aspek pengajaran dan pembelajaran $\text{Min} = 3.68$, $SP = 0.89$ dan akhirnya bagi aspek kepuasan pelajar mencatatkan $\text{Min} = 3.75$, $SP = 0.84$. Secara keseluruhannya, didapati pelaksanaan program berada dalam lingkungan yang memuaskan.

Namun, penyelidikan mereka masih, menampakkan kelemahan dari segi permasalahan yang dihadapi semasa mengikuti kursus yang ditawarkan. Di samping itu, responden turut merasakan masa pembelajaran yang diperuntukkan untuk setiap penggal telah kurang memotivasikan mereka dan menyebabkan waktu mereka padat ditambah pula dengan tugas pensyarah. Ini telah menyebabkan para pelajar rasa tertekan. Kajian turut menggambarkan para responden kurang selesa dengan masa

yang diperuntukan adalah lama dalam seminggu. Dengan ini, responden turut memberi maklum balas supaya jumlah jam dapat dikurangkan untuk membolehkan pelajar memberi perhatian dalam membuat tugas, mengulang kaji dan membuat aktiviti- aktiviti universiti tanpa rasa tekanan. Dengan penilaian dan maklum balas sedemikian, sudah tentu kurikulum tersebut perlu dibuat penambahbaikan agar kursus tersebut dapat memberi kesan baik kepada semua pihak.

Mohini dan Fatmahanim (2011) telah menilai kurikulum program Sarjana Muda Sains serta pendidikan Matematik (SPM) dan Sarjana Muda Sains serta pendidikan Sains (SPN) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian ini telah melibatkan 137 responden pelajar tahun 1 hingga 4 daripada program SPM dan SPN. Empat aspek telah dinilai sama seperti kajian Mohini dan Suhaida (2010) iaitu aspek kandungan pelajaran, persekitaran program, proses pembelajaran dan kepuasan pelajar. Dapatan kajian telah menunjukkan Min 3.87, $SP = 0.79$ bagi aspek persekitaran program, bacaan Min= 3.77, $SP= 0.79$ untuk aspek kandungan pelajaran dan bagi aspek kepuasan pelajar dengan Min =3.76, $SP= 0.76$. Pada keseluruhan, penilaian kurikulum berada pada tahap memuaskan. Namun, proses pembelajaran mencatatkan Min = 3.67, $SP = 0.88$ di mana penilaiannya adalah kurang memuaskan.

Kajian mereka telah merumuskan banyak usaha adalah perlu yang merangkumi peningkatan kualiti perkhidmatan dan program adalah sangat perlu untuk menarik perhatian para pelajar di samping memuaskan kehendak dan keperluan mereka. Ini disebabkan, di bawah aspek penilaian pengajaran dan pembelajaran, responden menyatakan ketidakpuasan mereka dari segi keadaan bilik kuliah dan penggunaan ICT (*Information Communication Technology*) proses pembelajaran serta teknik pedagogi yang diaplikasikan. Maka, cadangan telah

diberikan untuk membaiki kelemahan tersebut supaya para pelajar berasa selesa dan puas hati sepanjang pembelajaran mereka.

Chew dan Yong (2013) telah menilai pandangan guru berkenaan silibus pelajaran Bahasa Cina di sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor. Sampel kajian mereka telah dipilih secara rawak dari 10 daerah di Selangor. Kajian mereka melibatkan 111 orang pengajar Bahasa Cina untuk tahap menengah rendah. Instrumen soal selidik berdasarkan model penilaian CIPP telah dibina untuk mendapatkan data.

Dapatan kajian mendapati guru-guru tidak jelas dengan tiga domain utama sukatan pelajaran Bahasa Cina yang ditetapkan ($M= 3.38$, $SP= .81$). Selain itu, didapati juga bahawa para guru tidak jelas dengan objektif sukatan pelajaran Bahasa Cina ($M= 3.44$, $SP= .76$). Para guru tidak mengambil inisiatif untuk kerap membuat rujukan kepada sukatan dan huraian sukatan pelajaran Bahasa Cina. Ini merupakan satu sebab utama mereka tidak jelas dengan objektif pengajaran mereka. Di samping itu, penilaian guru terhadap buku teks mendapati bahasa yang digunakan adalah sesuai dengan tahap kognitif para pelajar. Kandungan buku teks turut digubal berdasarkan kepada objektif sukatan pelajaran. Namun, guru-guru mendapati kandungan kesusasteraan dan prosa moden yang digunakan adalah tidak berapa sesuai dan gagal menarik perhatian pelajar untuk mempelajari Bahasa Cina bersungguh-sungguh.

Secara keseluruhan, guru-guru memberi penilaian yang sederhana terhadap sukatan pelajaran Bahasa Cina. Maka kajian mereka merumuskan para guru perlu diberi peluang untuk turut menyertai dalam perancangan kurikulum, penggubalan buku teks, pembinaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan penganjuran kursus berkaitan dengan Bahasa Cina supaya meningkatkan kemahiran profesional guru-

guru Bahasa Cina. Selain itu, guru-guru berpendapat tiga domain dalam sukatan pelajaran dikekalkan tetapi dipermudahkan supaya lebih praktikal. Guru-guru juga berpendapat pelajar lebih berminat dengan domain estetik. Maka, domain estetik perlu dikekalkan dengan penambahbaikan dalam sukatan kandungan pelajaran Bahasa Cina.

Fadzil & Abdul Jaleel (2013) telah mengkaji keberkesanan pelaksanaan program Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI). Kursus DPLI adalah dijalankan sebagai langkah untuk menyediakan tenaga pengajar subjek sejarah di sekolah. Kajian mereka telah dijalankan di Institut Pendidikan Guru kampus Pulau Pinang (IPG KPP). Responden kajian adalah 23 orang pelajar guru DPLI sekolah rendah. Tiga dimensi model penilaian CIPP telah digunakan merangkumi dimensi input, proses dan produk. Antara elemen di bawah dimensi input ialah proforma DPLI-SR, minat pelajar dan guru telah dinilai. Di bawah dimensi proses aspek yang dinilai ialah pelaksanaan kursus DPLI-SR, pelaksanaan praktikum dan Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS). Manakala di bawah dimensi produk tahap kecemerlangan guru, pencapaian akademik dan persepsi guru tentang program DPLI – SR telah dinilai.

Hasil kajian menunjukkan 87% responden telah setuju dan mengakui bahawa program yang diikuti dapat meyakinkan mereka untuk mengajar mata pelajaran sejarah di sekolah kelak. Sebanyak 61% peratus responden berasa input yang diberikan dapat diterjemahkan dalam proses pengajaran sejarah. Di samping itu, 100% pelajar guru mengikuti kursus penghantar sejarah telah mendapat gred A dan bagi kursus sejarah Malaysia tradisional sebanyak 95.6% pelajar telah mendapat gred A di samping 4.4% pelajar telah mendapat gred B. Manakala bagi pelaksanaan pengajaran sejarah, sebanyak 61.8% pelajar telah mendapat gred A dan 38.2%

pelajar telah mendapat gred B. Bagi satu lagi kursus iaitu Sejarah Malaysia Moden sebanyak 30.4% pelajar telah mendapat gred A di samping 69.6% pelajar telah mendapat gred B. Bagi aspek penilaian praktikum, semua pelajar guru telah mendapat gred A dalam praktikum. Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan kesemua responden kajian dapat menguasai semua kemahiran (Input) yang telah ditetapkan dan mengaplikasikannya dalam proses pengajaran sejarah. Ini dapat dijelaskan berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi sepanjang pelaksanaan kursus DPLI – SR.

Azalina (2013) telah menilai pengaplikasian teknik ilustrasi komik dalam pembelajaran subjek sejarah di daerah Papar, Sabah. Kajian ini telah menggunakan penyelidikan kualitatif. Maka, kaedah pemerhatian, rakaman video dan temu bual telah digunakan untuk pengumpulan data. Sebanyak enam orang pelajar tingkatan empat dari kelas A, B dan C telah dipilih sebagai responden kajian. Hasil rumusan dimensi konteks mendapati guru kurang mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka dan wujud masalah dari segi mengingati fakta. Semasa pelaksanaan kaedah ilustrasi komik dalam sesi pembelajaran sejarah, didapati bahawa responden kajian gemar dan terlibat secara berkumpulan serta seronok dalam menghasilkan idea ilustrasi komik. Dapatan kajian menunjukkan, penggunaan ilustrasi dapat memotivasikan pelajar untuk memahami dan mengingati fakta sejarah dengan lebih berkesan. Namun, guru perlu menggunakan teknik pengajaran yang berbeza supaya pelajar terus bermotivasi untuk mempelajari sejarah.

Rumusan penilaian input mendapati sokongan dan kerjasama pihak pentadbir serta para guru adalah penting dalam pelaksanaan kaedah sedemikian. Di samping itu, penilaian input turut memberi maklum balas bahawa kemahiran dan pengalaman guru sangat penting dalam usaha untuk melaksanakan situasi pembelajaran kondusif.

Untuk itu, dicadangkan guru seharusnya dapat memimpin pelajar belajar secara kolabratif, berbincang serta menggalakkan teknik belajar berpasangan (*pair study*) yang akan menjurus ke arah pembelajaran yang aktif dan positif.

Dari segi rumusan penilaian proses pula kajian beliau mendapati penggunaan kaedah ilustrasi komik sememangnya dapat menggalakkan aktiviti perbincangan dan pelajar pula dapat berkongsi idea untuk membina satu pengetahuan baru. Namun, kajian telah mendapati wujud satu masalah di mana para pelajar tidak memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran sejarah, malah kepada penghasilan komik sahaja dan mengambil masa yang lama. Oleh itu, penyelidik kajian ini mencadangkan supaya kaedah tersebut tidak dijalankan secara kerap tetapi boleh diselitkan sekali sekala dalam proses pembelajaran. Dari segi penilaian produk pula mendapati, penggunaan ilustrasi komik telah memberi manfaat di mana pelajar dapat mengingat fakta yang dipelajari berbanding dengan keadah sebelum ini. Ini telah memotivasikan pelajar untuk terus mempelajari sejarah dengan suasana yang seronok. Namun, kajian telah mencadangkan bahan tambahan seperti kain serta warna disediakan kepada pelajar untuk aktiviti tersebut dan kaedah tersebut masih memerlukan penambahbaikan dan pengubahsuaian supaya menjadi perangsang pembelajaran yang berkesan.

Mat Rasid Ishak (2014) telah menilai perlaksanaan kurikulum Pentaksiran Kemahiran Amali (PEKA) Sains di sekolah kebangsaan. Beliau telah menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif sebagai reka bentuk kajian. Sebanyak 20 orang guru Sains telah dipilih dari daerah Hulu Langat sebagai responden kajian. Di bawah dimensi konteks, aspek seperti kerelevanan kurikulum PEKA, persepsi guru dan penilaian sendiri telah dinilai. Hasil kajian menunjukkan tahap penilaian dimensi konteks berada pada tahap yang sederhana. Di bawah dimensi input, aspek

peruntukan masa dan kandungan pelajaran PEKA menunjukkan tahap penilaian yang sederhana. Namun, elemen bekalan Bahan Bantu Mengajar (BBM) di bawah dimensi input menunjukkan penilaian yang negatif. Manakala, di bawah dimensi proses aspek penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran menunjukkan penilaian yang positif. Selain itu, penilaian strategi dan pendekatan yang digunakan pula diberi penilaian yang sederhana. Penggunaan BBM dan kaedah penilaian yang dilaksanakan pula berada pada tahap negatif. Penilaian produk secara keseluruhannya berada pada tahap negatif.

Di samping keempat-empat penilaian di atas, kajian turut telah menilai perkaitan faktor demografi guru dengan keberkesanan pelaksanaan PEKA. Dapatan kajian mendapati wujud perkaitan antara umur dan jantina dengan pelaksanaan PEKA. Manakala, hubungan yang tidak signifikan ditunjukkan dalam perkaitan faktor kelayakan akademik dengan keberkesanan pelaksanaan PEKA. Secara keseluruhan, kajian beliau mendapati terdapat banyak kelemahan yang perlu diperbaiki. Para pelajar didapati sangat lemah dalam kemahiran PEKA dan kurikulum PEKA gagal memenuhi matlamat serta objektif yang ditetapkan. Guru-guru pula didapati tiada persediaan rapi dan sistematik untuk mengajar kemahiran tersebut.

Sebagai rumusan kajian, beliau telah mencadangkan beberapa saranan untuk meningkatkan kualiti PEKA ini. Antaranya, menjalankan peperiksaan amali PEKA seperti yang dijalankan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Saranan seterusnya adalah program 'Kem Sains' boleh diadakan. Di samping itu, pelaksanaan amali seharusnya dilakukan secara teratur dan efisien dengan menambahkan peralatan makmal yang secukupnya. Akhirnya, masa pengajaran

boleh ditambahkan menjadi 7 waktu dalam seminggu di mana 2 waktu diperuntukan untuk pelaksanaan PEKA sahaja.

Di samping itu, Sapie Sabilan et al (2017) telah mengkaji tahap kecemerlangan bacaan Tilawah Al- Quran menggunakan kaedah warna terhadap pelancaran sebutan bertajwid melibatkan murid-murid tahun 5 Sekolah Kebangsaan Bukit Besi, Dungun, Terengganu. Kajian ini telah menggunakan kaedah metod campuran merangkumi kualitaitif dan kuantitatif. Responden kajian terdiri daripada 63 orang murid-murid tahun 5. Kajian ini mengambil kira dimensi konteks, input dan produk sebagai dimensi penilaian kajian. Hasil kajian mendapati kaedah warna bertajwid adalah berkesan dan telah menepati penilaian konteks dan produk. Manakala darisegi penilaian input, dicadangkan perlu penambahbaikan dalam sistem penilaian murid untuk meningkatkan keberkesanan kemahiran bacaan Tilawah Al-Quran.

Kajian Lepas Yang Menggunakan Pendekatan Lain

Kajian Mohd Fadhli Ahamad (2008) adalah berkaitan tahap kefahaman pelaksanaan pentaksiran di kolej- kolej komuniti di negeri Johor. Sampel kajian terdiri daripada 130 pensyarah. Soal selidik dan senarai semak telah dibina untuk mengutip data. Dapatan menunjukkan tahap kefahaman para pensyarah dalam melaksanakan pentaksiran berada pada tahap tinggi. Selain itu, proses pentaksiran dibuat berdasarkan set prosedur yang telah ditetapkan. Para pensyarah turut didapati mengamalkan standard operasi yang betul dalam melaksanakan proses penilaian.

Wazli Watisin (2011) telah mengkaji program diploma Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) Rekaan Fesyen dan Apparel di kolej komuniti Bukit Beruang, Melaka. Kajian ini telah berfokuskan tiga dimensi penilaian iaitu cara pelaksanaan, masalah dihadapi dan mengenalpasti punca masalah. Kaedah kualitatif

telah digunakan untuk mengumpul data. Kajian ini telah melibatkan teknik- teknik kualitatif seperti temubual, analisis dokumen serta pemerhatian dan telah dijalankan selama setahun. Hasil kajian mendapati tahap kepakaran yang rendah dalam kalangan pensyarah merupakan masalah utama yang dikenal pasti. Di samping itu, halangan dari segi penilaian, komunikasi, pengurusan dan enrolmen pelajar turut dikenalpasti sebagai halangan kepada pelaksanaan program ini. Oleh itu, penyelidik telah mencadangkan satu kerangka konseptual tentang kaedah pelaksanaan PBK supaya dapat mendorong kolej komuniti untuk melaksanakan PBK secara berkesan.

Kartini et al. (2011) telah mengkaji kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Pendidikan (PISMP) pengkhususan pengajian Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru kampus Ipoh. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti keberkesanan kurikulum PISMP yang ditawarkan pada peringkat Institut Pendidikan Guru (IPG). Sebanyak 40 orang pelajar semester satu yang mengkhusus dalam Pengajian Islam telah dipilih sebagai responden kajian. Hasil kajian mereka mendapati 85% pelajar telah bersetuju bahawa kursus PISMP yang diikuti meningkatkan kemahiran mereka khususnya dalam mengintegrasikan aspek teknologi dalam proses pembelajaran pendidikan Islam di samping meningkatkan kesedaran tanggungjawab profesion keguruan.

Selain itu, sebanyak 82.5% pelajar telah menyatakan persetujuan mereka bahawa kursus juga telah dapat meningkatkan keyakinan mereka untuk bekerja secara berpasukan. Manakala 80% pelajar pula menyatakan kesedaran tanggungjawab sosial mereka turut meningkat dari segi kemahiran berkomunikasi dan sikap kepimpinan setelah menghadiri kursus ini. Namun, berbanding mereka yang menyatakan persetujuan positif, terdapat 50% pelajar mencadangkan kurikulum kursus PISMP ini perlu ditambah baik dengan memberi pendedahan

kepada tulisan Jawi. Oleh itu secara keseluruhan, keberkesanan program PISMP pengkhususan pendidikan Islam telah dinilai pada tahap yang memuaskan oleh pelajar- pelajar yang telah mengikuti kursus tersebut.

Teh et al (2014) telah membuat kajian berbentuk kualitatif untuk menilai proses pelaksanaan pengajaran kurikulum Bahasa Mandarin komunikatif yang diambil oleh pelajar bukan penutur jati (*non- native speakers*) di University Malaya (UM). Kajian ini telah melibatkan tiga pensyarah bahasa Mandarin dari Universiti Malaya. Selaras dengan kajian kualitatif, maka kaedah pemerhatian kelas, temu bual, pengambilan nota dan rujukan dokumen kursus telah dibuat untuk mengumpul maklumat. Dalam kajian ini, Teh et al (2014) telah menggunakan pendekatan penilaian iluminatif yang diasaskan oleh Parlet dan Hamilton (1972) untuk menilai kurikulum Bahasa Mandarin komunikatif ini. Sistem pengajaran dan milieu pembelajaran merupakan dua konsep yang disarankan dan digunakan dalam model penilaian iluminatif. Sistem pengajaran merujuk kepada kaedah pedagogi, sukatan pelajaran serta kelengkapan yang digunakan dalam kurikulum tersebut. Manakala milieu pembelajaran pula merujuk kepada persekitaran sosial yang wujud antara pelajar dengan pengajar semasa pelaksanaan kurikulum tersebut.

Hasil kajian mendapati pelaksanaan kurikulum Bahasa Mandarin Kominikatif gagal memenuhi kaedah pedagogi bahasa Komunikatif seperti yang terkandung dalam sukatan. Ini disebabkan kurikulum kursus menegaskan penglibatan murid secara aktif pembelajaran bahasa. Namun, hakikatnya perkara tersebut kurang ditekankan. Pengajaran pensyarah pula cenderung kepada penjelasan dan membekalkan informasi tentang Bahasa Mandarin dan sekadar membetulkan sebutan sahaja. Kurangnya penglibatan aktif pelajar menyebabkan mereka tidak berpeluang untuk mempraktikkan Bahasa Mandarin yang dipelajari. Tambahan lagi, kajian turut

mengariskan beberapa faktor lain yang memberi impak terhadap pelaksanaan kurikulum Bahasa Mandarin di UM. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah dari segi kekangan masa, kelengkapan kelas yang kurang, keyakinan pensyarah dan kemudahan teknologi pendidikan. Kelemahan- kelemahan ini perlu diatasi untuk membolehkan matlamat kurikulum yang ditetapkan dicapai pada tahap yang memuaskan.

Di samping itu, Azraai dan Dani (2015) telah membuat penilaian terhadap sukatan kimia organik matrikulasi berdasarkan kepada Taksonomi Bloom. Kajian kualitatif ini telah mengutip data berdasarkan kepada analisa tiga jenis dokumen iaitu silibus pelajaran, latihan tutorial dan soalan pentaksiran semester yang lepas. Hasil analisa menunjukkan aras kognitif yang rendah digunakan dalam soalan- soalan peperiksaan. Dapatan kajian turut menunjukkan wujudnya jurang perbezaan yang ketara dari segi objektif kursus merangkumi penguasaan asas kimia, penyelesaian masalah, pembentukan kemahiran asas sains serta keupayaan pelajar dalam mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan dipelajari dalam kehidupan harian. Pengkaji telah mencadangkan penambahbaikan iaitu memperincikan lagi Huraian Sukatan Pelajaran dengan menyertakan contoh, menggunakan pendekatan pengajaran kimia dan penyediaan soalan latihan dan peperiksaan berdasarkan penggunaan konsep dipelajari dalam kehidupan seharian.

Arniyuzie (2015) pula telah mengkaji Program Ulul AlBab yang sedang dilaksanakan dalam sistem pendidikan Malaysia. Data sekunder telah digunakan sebagai data kajian. Pengkaji telah memperolehi data dari pangkalan data *ERIC*, *Google Scholar* dan *I SEEK* dengan menetapkan pencarian bermula tahun 2008 hingga 2015. Sumber artikel telah diperolehi daripada kertas persidangan dan seminar, surat khabar, jurnal dan sebagainya. Sebanyak 2258 artikel berkaitan telah

diperolehi dan ditapis menjadi 12 artikel berbentuk kualitatif telah diperolehi. Selain itu, gred purata sekolah bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (GPS SPM 2014) turut diperolehi untuk menyokong data. Hasil kajian membuktikan bahawa program Ulul AlBab adalah berkesan dan telah mencapai objektif yang ditetapkan. Program tersebut telah berjaya menerapkan pengetahuan sekular dan agama. Kajian juga mendapati kerjasama antara guru, pelajar, ibubapa dan pihak- pihak berkepentingan merupakan kunci kepada kecemerlangan program tersebut.

Dima Mazlina & Abdul Rashid (2016) telah membuat penilaian terhadap pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) untuk peningkatan kemahiran guru Bahasa Melayu mengajar penulisan karangan. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif untuk mengutip data. Penyelidikan ini telah melibatkan lima orang guru Bahasa Melayu sebagai responden kajian. Kajian telah dijalankan di sebuah sekolah menengah di negeri Kedah. Kaedah kualitatif seperti temubual separa berstruktur, pemerhatian dan bukti menerusi hasil analisa dokumen telah digunakan untuk mengutip data kajian. Hasil kajian mendapati strategik yang digunakan dapat mengubah sikap dan pengajaran guru terutama apabila mengajar penulisan karangan. Dicadangkan juga, guru sewajarnya mencari alternatif baru dalam pengajaran dan berkongsi sesama rakan tugas. Tambahan lagi, implementasi KPP boleh dijadikan asas dalam meningkatkan kemahiran pedagogi kerana program ini dapat menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan seterusnya meningkatkan kemahiran mereka dalam teknik pengajaran dalam kelas darjah mereka.

Kajian Siti Hajar & Suguneswary (2016) adalah penilaian tentang pengaplikasian Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) dalam pembelajaran matapelajaran Bahasa Tamil. Teknik kualitatif seperti pemerhatian dan temubual telah digunakan untuk mengutip data. Seramai 6 orang guru daripada sebuah sekolah

jenis kebangsaan Tamil telah dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Hasil kajian mendapati penggunaan TMK dalam pengajaran matapelajaran Bahasa Tamil telah disambut baik oleh responden kajian. Namun responden kajian menyatakan bahawa kemudahan TMK dan kesediaan guru untuk mengajar Bahasa Tamil adalah faktor yang penting dalam menentukan keberkesanan TMK dalam pelajaran. Faktor tersebut sebenarnya merupakan faktor pendorong kepada kebanyakan sekolah untuk menggalakkan teknologi pengajaran yang terkini.

Di samping itu, Norlidah Alias et al (2017) telah mengkaji keberkesanan matapelajaran Biologi menggunakan modul PTechLS (*Pedagogy Technology Learning Style*) di sekolah-sekolah luar bandar di Malaysia. Penggunaan modul ini telah dilaksanakan daripada tahun 2012 hingga 2014. Kajian beliau telah menggunakan kajian eksperimental kuasi dimana telah melibatkan 37 pelajar dan 2 orang guru. Kajian mengambil tempat di sebuah sekolah menengah dari sebuah daerah Negeri Sembilan. Hasil kajian mendapati pencapaian pelajar telah meningkat hasil penggunaan modul tersebut. Tambahan lagi, dicadangkan bahawa modul ini boleh dijadikan sebagai sumber pendidikan dimana boleh digunakan di sekolah-sekolah luar Bandar bagi meningkatkan minat dan pencapaian pelajar dalam matapelajaran Biologi.

Muhammad Syaubari & Ahmad Yunus (2017) telah mengkaji pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam dalam mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berasaskan model Dick and Corey di negeri Perak. Kajian ini adalah kajian deskriptif melibatkan 113 orang guru-guru Pendidikan Islam. Hasil kajian mendapati nilai min berada pada tahap tinggi yang juga bermaksud guru-guru Pendidikan Islam ada mengintegrasikan unsur KBAT dalam pengajaran mereka. Selain itu, Ling Song Kai (2017) pula telah mengkaji Pelaksanaan Komuniti

Pembelajaran Profesional (KPP) sekolah rendah di daerah Sibu, Sarawak. Seramai 50 orang guru akademik daripada 10 buah sekolah Daerah Sibu, Sarawak telah dipilih sebagai responden kajian. Hasil kajian mendapati responden kajian telah memberi penilaian yang tinggi terhadap pelaksanaan amalan KPP di sekolah. Daripada 5 amalan, dimensi kepimpinan berkongsi dan menyokong, dimensi amalan perkongsian personal, dimensi pembelajaran kolektif dan pengaplikasian, dimensi keadaan menyokong adalah berada pada tahap tinggi. Hanya dimensi amalan perkongsian nilai, matlamat, misi dan visi berada tahap rendah.

Kajian-Kajian Lepas Luar Negara

Selain kajian-kajian dalam negara, pengkaji turut mendapatkan sumber yang berkaitan dengan kaedah penilaian berbeza serta hasilnya daripada kajian-kajian luar negara. Dapatan kajian ini turut dijadikan sumber rujukan untuk menjalankan kajian dengan lebih efektif lagi di samping menjadi hujah sokongan kajian.\

Penilaian Pelaksanaan Program

Kresge (2006) telah mengkaji keprihatinan guru terhadap program kerjaya '*pathways*' di Northampton Country, Pennsylvania. Tujuan kajian beliau adalah untuk mengenal pasti tahap keprihatinan dalam kalangan guru sekolah menengah atas yang berlatarbelakangkan pengalaman, latihan dan penghususan yang berbeza-beza. Kajian ini telah dijalankan berpandukan kepada model pelaksanaan '*Concerns Based Adoption*'. Hasil kajian mendapati terdapatnya hubungan yang signifikan antara keprihatinan guru terhadap program '*pathways*' dengan latihan yang telah dihadiri yang bersifat pembelajaran '*hands on*'. Namun, keprihatinan guru terhadap program tidak menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap pengalaman mengajar dan pengkhususan akademik mereka.

Maka, hasil kajian mendapati keprihatinan guru dapat memberi impak kepada kejayaan pelaksanaan program '*pathways*'. Oleh itu, dapat dirumuskan penglibatan guru dalam pelaksanaan program tersebut adalah sangat penting. oleh itu, penyelidik kajian mencadangkan pihak pentadbir berfokuskan rancangan untuk mengadakan program atau latihan berbentuk perkembangan professional yang disasarkan (*targeted professional development*) dan memperuntukkan sumber yang sesuai (*supportive resources*) yang dapat menyumbang kepada pelaksanaan program '*pathways*' yang berkesan.

Kajian Al-sa 'aidah (2008) telah mengkaji persepsi 36 guru pra vokasional yang bertujuan untuk menjadikan program pra vokasional sangat berkesan dari segi pelaksanaannya. Dapatan kajian beliau mendapati terdapat beberapa masalah dalam pelaksanaan program tersebut. Didapati bahawa guru-guru tidak mempunyai latihan dalam mengajar kemahiran praktikal. Kesannya guru-guru cenderung meringkaskan pengajaran dengan mengajar setakat teori tanpa praktikal. Guru-guru juga tidak menggunakan kemudahan pada tahap yang maxsima disebabkan tiadanya kemahiran praktikal. Malah, kajian juga mendapati terdapat lima buah sekolah tidak mempunyai kemudahan dan peralatan menyebabkan guru tidak mengadakan latihan amali.

Oleh itu, penyelidik telah merumuskan pelaksanaan pra vokasional adalah kurang berkesan dan objektif program adalah tidak tercapai. Adalah dicadangkan keluasan bengkel diperbesar dan dilengkapi dengan peralatan dan kemudahan. Guru-guru pula perlu diberi latihan yang khusus tentang cara mengajar kemahiran praktikal dan pemantauan perlu dilakukan oleh pihak pentadbir supaya guru-guru mengaplikasikan kemahiran pedagogi praktikal yang diperolehi supaya dapat menambah baik pelaksanaan seterusnya meningkatkan keberkesanan program pra vokasional ini.

Kajian Nooshin Mohebbi et al (2011) adalah penilaian terhadap Pendidikan Rekod Perubatan peringkat sarjana melibatkan empat universiti perubatan sains iaitu Tehran, Iran, Shahid Behashti dan Esfahan. Responden kajian terdiri daripada 140 orang daripada golongan pengarah, ahli-ahli fakulti, pelajar-pelajar, graduan dan staf perpustakaan. Sebanyak 15 faktor dengan 161 elemen telah dinilai dalam kajian ini. Penilaian konteks merangkumi sumber manusia dan perkhidmatan pendidikan. Penilaian input enam faktor yang terdiri daripada pengarah, staf fakulti, pelajar, kurikulum, badget dan kemudahan pendidikan manakala penilaian proses merangkumi faktor-faktor yang melibatkan aktiviti-aktiviti pengarah, pelajar, staf perpustakaan, penyelidikan akademik dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh ahli-ahli fakulti. Akhirnya, penilaian produk merangkumi dua faktor iaitu sumbangan dan prestasi para graduan dan kursus pendidikan telah dinilai.

Hasil dapatan menunjukkan setiap dimensi penilaian berada pada tahap yang boleh diterima. Apabila melihat secara terperinci, terdapat beberapa kelemahan dari segi dimensi penilaian input, proses dan produk. Dari sudut penilaian input, kelemahan wujud dari segi aspek kurikulum, peruntukan kewangan dan kemudahan yang disediakan. Melihat kepada penilaian proses, kelemahan telah wujud pada aktiviti-aktiviti pelajar, pengarah dan staf perpustakaan. Akhirnya, dari segi penilaian produk terdapat kelemahan pada ciri-ciri dan prestasi kursus pendidikan. Kelemahan-kelemahan tersebut perlu diatasi untuk menjamin keberkesanan kursus. Maka, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh penyelidik kajian. Pihak pentadbir dicadangkan untuk menilai semula dan membuat penambahbaikan terhadap kurikulum sedia ada berdasarkan kepada ciri-ciri keperluan kerjaya, minat pelajar dan pengetahuan kontemporari yang diperlukan pada masa kini khususnya dalam bidang teknologi maklumat.

Selain itu, juga dicadangkan untuk meningkatkan peruntukan kewangan dan sumber- sumber pendidikan supaya dapat membantu dalam pelaksanaan program yang berkesan. Perpustakaan perlu diubahsuai dengan memasukkan sumber- sumber terbaru dan mengadakan aktiviti perpustakaan yang menjurus kepada ilmu pengetahuan. Akhirnya, pihak pentadbir harus merancang aktiviti dan ruang penyelidikan yang merangsang dan meningkatkan motivasi pelajar untuk melibatkan diri dalam penyelidikan saintifik supaya dapat membangunkan sumber manusia. Ini juga selaras dengan kehendak kementerian yang memerlukan tenaga kerja yang berfokuskan pengkhususan dari segi perubahan.

Fadly Azhar (2013) telah membuat penilaian terhadap penilaian berasaskan kelas darjah (*class-based assessment*) dalam kalangan guru. Kajian beliau telah melibatkan sebanyak 297 guru bahasa Inggeris sebagai responden kajian. Kajian ini telah dijalankan beberapa sekolah Junior High School (SMP) di Riau Province, Indonesia. Kajian ini hanya menggunakan tiga dimensi penilaian daripada model penilaian CIPP iaitu dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk. Dari segi penilaian input, dapatan kajian menunjukkan penilaian latihan dan sikap terhadap penilaian berasaskan kelas darjah adalah pada tahap yang tinggi manakala pelaksanaan berdasarkan pengetahuan dan kemahiran menunjukkan penilaian pada tahap yang sederhana. Selain itu, penilaian proses yang mengkaji aspek kekerapan pelaksanaan berada pada tahap yang sederhana. Manakala aspek lain di bawah penilaian proses iaitu keperluan pakar dan mengenal pasti tahap kejujuran para pelajar menunjukkan aspek merupakan kekangan besar yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan program *class-based assessment*.

Berdasarkan aspek-aspek di bawah penilaian produk menunjukkan guru-guru lebih cenderung atau hanya menggunakan panduan yang ada pada kurikulum. Ini

bermaksud, guru kurang berinisiatif untuk merujuk kepada sumber lain. Di samping itu, dapatan kajian ini turut menjelaskan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tahap pengetahuan, sikap dan kemahiran guru terhadap lokasi dan pengalaman mengajar. Secara keseluruhan, elemen- elemen pengetahuan, sikap dan kemahiran telah menyumbang 41.2% sebagai faktor pembolehubah yang dapat mempengaruhi pelaksanaan penilaian berasaskan bilik darjah manakala sebanyak 58.8% merupakan pembolehubah tidak main peranan. Maka berdasarkan dapatan kajian, telah dicadangkan guru-guru harus diberi latihan yang sewajarnya. Pihak pentadbir harus memainkan peranan dengan merancang dan melaksanakan latihan yang sistematik sama ada menghantar mereka ke seminar, kursus dan bengkel mengenai pelaksanaan penilaian berasaskan bilik darjah atau menjemput pakar untuk mengadakan seminar dan latihan di sekolah.

Mohammad Aliakbari dan Marzieh Ghorayshi (2013) telah membuat penilaian terhadap pelaksanaan program Master of Arts pengkhususan Teaching English as a Foreign Language (TEFL) di ILam Universiti di Iran. Responden kajian ini terdiri daripada 36 iaitu 21 graduan lelaki dan graduan 15 perempuan yang mempunyai pengkhususan dalam bidang tersebut. Graduan- graduan ini juga mendapat ijazah dalam bidang tersebut antara tahun 2006 hingga 2012. Dapatan kajian mendapati kebanyakan responden menyatakan program yang diikuti adalah tidak efektif dan berkesan seperti yang diharapkan. Malahan, mereka memberi pendapat bahawa keperluan mereka telah diabaikan. Maka, terdapat beberapa cadangan telah dikemukakan hasil daripada dapatan kajian. Pihak pentadbir digesa mengambil tenaga pengajar yang ada profesinsi dan profesional dalam bidang bahasa Inggeris khususnya pengajaran bahasa kedua. Selain itu, pihak pentadbir boleh mengadakan kursus praktikal yang banyak kepada pelajar supaya mereka lebih

yakin. Akhirnya, semua objektif yang ditetapkan perlu dinilai semula berdasarkan keperluan dan harapan pelajar.

Fadly (2015) telah membuat kajian untuk menilai penggunaan penilaian alternative (*alternative assessment*), komponen- komponen ujian (*components of testing*) dan penilaian tambahan (*supplementary assessment*) yang digunakan oleh para pensyarah dalam menguji prestasi pembelajaran pelajar. Kajian ini telah melibatkan 127 pensyarah dari universiti negeri dan universiti- universiti swasta di Pekan baru, Indonesia. Kajian ini telah melibatkan penilaian input dan penilaian proses sahaja. Elemen- elemen penilaian input yang dinilai adalah pengetahuan pensyarah dalam penilaian alternatif dan komponen- komponen ujian, manakala, dalam penilaian proses elemen kekerapan perlaksanaan dan penilaian tambahan (*supplementary assessment*) telah dinilai.

Dapatan kajian menunjukkan penilaian dimensi input berada pada tahap yang tinggi. Dalam dimensi proses, aspek- aspek seperti penulisan, prestasi, penilaian sendiri, portfolio, kebolehpercayaan dan kesahan, jadual spesifikasi, sumber ujian dan analisis item telah diberi penilaian pada tahap sederhana, manakala penilaian terhadap aspek lain seperti projek, produk, kerajinan, perhubungan, kejujuran dan keinginan untuk mencuba pula berada pada tahap rendah. Namun aspek seperti sikap, rujukan, penyertaan serta kehadiran penilaiannya diberi penilaian tinggi. Tambahan lagi, dapatan kajian mendapati tiada perbezaan yang ketara antara penilaian input dan proses terhadap pengalaman mengajar para pensyarah. Tetapi penilaian projek (*projek assessment*) berasaskan kelayakan akademik menampakkan ada hubungan yang signifikan dengan penilaian proses dan penilaian input.

Berdasarkan dapatan kajian, maka beliau telah dengan pengetahuan yang luas tentang penilaian alternatif dan komponen- komponen ujian, para pensyarah adalah

digalakkan untuk mempelbagaikan jenis penilaian di samping kerap kali membuat ujian- ujian komponen. Ini disebabkan para pensyarah telah pun memiliki ijazah sarjana dan ijazah sarjana falsafah, serta pengalaman mengajar. Ini telah menjadikan mereka mahir dalam membuat penilaian terhadap pencapaian pelajar. Namun, kajian pelaksanaan penilaian sedemikian adalah kurang. Oleh itu, dicadangkan pelaksanaan penilaian harus diperluas dan dijalankan secara kerap untuk memantau perkembangan pencapaian pelajar.

Kesimpulan

Penilaian adalah satu elemen yang penting dalam bidang pendidikan yang dapat menggambarkan kualiti pelaksanaan suatu kurikulum atau program yang digubal. Penilaian pendidikan juga penting dalam memastikan suatu program yang dirancang mendatangkan hasil (*output*) seperti yang ditetapkan. Sebelum penilaian, pelaksanaan suatu program atau kurikulum pula adalah satu lagi proses yang terpenting dalam persekitaran pendidikan. Pelaksanaan yang berkualiti akan menjamin hasil yang diharapkan. Namun, proses pelaksanaan tidaklah semudah yang difikirkan. Suatu pelaksanaan kurikulum yang berkesan amat bergantung kepada kerjasama dan sokongan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan suatu program (Fullan, 2001).

Oleh itu, dalam memastikan pelaksanaan yang berkesan, maka sumber-sumber yang diperlukan dalam proses pelaksanaan perlulah diperuntukkan dengan sewajarnya. Sumber-sumber tersebut termasuklah, sumber kewangan, infrastruktur yang baik, bahan pembelajaran yang sempurna, guru yang bermahiran dan sebagainya. Guru merupakan sumber terpenting serta kunci kejayaan suatu program atau kurikulum (Ornstein & Hunkins, 2004).

Kesimpulan kajian terdahulu menemukan banyak pembolehubah yang menjejaskan pelaksanaan kurikulum seperti kekurangan kemahiran pedagogi guru, kekurangan bahan pengajaran dan pembelajaran, sikap negatif guru, sikap dan motivasi murid yang lemah, faktor ibubapa dan sebagainya. Faktor-faktor tersebut hanya dikenal pasti hasil daripada penilaian yang dilakukan terhadap pelaksanaan. Maka, penilaian yang bersepadu adalah perlu untuk mengenal pasti masalah yang menular semasa pelaksanaan suatu program. Maklumat yang yang dikutip bukanlah setakat memperihalkan apa yang sedang berlaku malah mentafsirkan masalah serta tindakan yang perlu diambil untuk peningkatan (*improvement*) program.

Walaupun terdapat banyak model penilaian yang dicadangkan, namun pengkaji akan menggunakan model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam (1971) sebagai kerangka konseptual kajian. Model ini bersesuaian dengan fokus kajian pengkaji iaitu menambah baik pelaksanaan program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK).

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) yang melibatkan murid-murid yang mengikuti program Bahasa Tamil di sekolah- sekolah kebangsaan. Dalam bab ini, akan dibincangkan kaedah- kaedah yang telah diambil untuk menjalankan kajian ini. Antara yang akan dibincangkan ialah rekabentuk kajian, subjek kajian, instrumen soalselidik dan ujian, prosedur kajian, penganalisan kajian dan sebagainya.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menilai pelaksanaan kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) di peringkat sekolah rendah. Dapatan kajian akan disalurkan sebagai maklumat kepada pihak berkenaan untuk membuat penambahbaikan terhadap kurikulum BTSK pada masa hadapan. Terdapat banyak model penilaian menggunakan Model Tyler (1949), Model Stake (1967), Model CIPP (1971), Model Goal – free evaluation (1974) dan sebagainya untuk menilai pelaksanaan suatu program atau kurikulum. Namun, pengkaji telah memilih Model penilaian CIPP (1971) sebagai panduan untuk menilai pelaksanaan BTSK. Model ini telah dipilih dengan hasrat untuk membuat kajian secara teratur dan bukannya untuk mencari kelemahan tetapi untuk membuat penambah baikan (*not to prove but to improve*) seperti yang diutarakan oleh pengasas model ini iaitu Stufflebeam (1971). Tambahan lagi, model tersebut adalah model yang paling sesuai dengan objektif dan soalan- soalan kajian.

Soal selidik dan instrument ujian telah digunakan sebagai reka bentuk kajian untuk mendapatkan data-data. Menurut Jackson (2003) bahawa kaedah tinjauan merupakan satu cara menyoal responden tentang suatu topik dan maklum balas yang diperolehi dianalisis secara deskriptif seterusnya diperincikan secara huraian. Selain itu, beliau menyatakan bahawa kaedah tinjauan dapat memberi maklum balas yang boleh diukur dengan pemboleh ubah yang pelbagai di samping melibatkan kelompok individu dalam skala yang besar berdasarkan kaedah-kaedah yang bersesuaian dengan skop kajian. Manakala Ary (2006) pula menyatakan kaedah tinjauan adalah sesuai untuk mengukur sikap dan tingkah laku serta persepsi. Maka, pengkaji berpendapat kaedah tinjauan adalah reka bentuk kajian yang paling sesuai dalam menilai sejauhmana pelaksanaan suatu kurikulum.

Selaras dengan reka bentuk kajian, maka data yang telah dikutip menerusi soal selidik dan ujian pencapaian yang juga merupakan data primer. Data- data ini kemudiannya diproses secara kuantitatif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* Windows versi 22.0.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian ini terletak di daerah Gombak. Gombak adalah salah satu daerah dari sepuluh buah daerah di negeri Selangor Darul Ehsan. Di daerah Gombak terdapat 53 buah Sekolah Kebangsaan, 8 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan 8 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Namun kajian ini akan fokus kepada sekolah-sekolah kebangsaan yang menawarkan program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) di Zon Rawang. Maka, pengkaji telah memilih 6 buah sekolah yang menawarkan program tersebut. Sekolah- sekolah ini dipilih kerana merupakan antara sekolah- sekolah terawal yang menawarkan program BTSK semenjak diperkenalkan. Antara sekolah yang telah dikenal pasti untuk kajian adalah seperti berikut:

- i. SK Rawang
- ii. SKSB, Rawang
- iii. SKTTT, Rawang
- iv. SKBRJ, Rawang
- v. SKTD 1, Country Homes , Rawang
- vi. SKTD 2, Country Homes, Rawang.

Pengkaji berhasrat untuk melihat pencapaian murid-murid dalam subjek bahasa Tamil di sekolah-sekolah kebangsaan. Ini disebabkan program BTSK merupakan satu program yang baru mencecah 7 tahun perlaksanaannya dari tahun 2008. Tambahan pula, setakat ini tiada kajian yang dilakukan terhadap program tersebut.

Sampel Kajian

Persampelan kelompok telah dipilih sebagai teknik persampelan kajian. Maka sampel- sampel kajian adalah melibatkan semua murid tahun 6 yang sedang mempelajari Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan yang telah dipilih. Adalah diketahui bahawa bilangan murid tahun 6 yang mengambil program BTSK mewakili kuantiti yang sedikit iaitu hanya dalam lingkungan 10 hingga 15 orang sahaja setiap sekolah bergantung kepada enrolmen murid di sekolah tersebut. Faktor inilah menjadi rasional pengkaji memilih 6 buah sekolah kebangsaan di Daerah Gombak untuk memenuhi syarat persampelan. Maka kajian ini akan mempunyai sampel dalam lingkungan 80 hingga 90 murid tahun 6 dari sekolah kebangsaan yang dipilih.

Instrumen Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menilai pelaksanaan kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK). Kaedah penyelidikan tinjauan merupakan kaedah yang

utama dalam kajian ini. Maka, data- data akan dikumpul melalui soal selidik dan set ujian pencapaian. Instrumen yang ditadbir adalah seperti berikut:

- i. Set soal selidik murid (Lampiran 1)
- ii. Set ujian pencapaian (Lampiran 2)

Soal Selidik Murid

Semua item instrumen soal selidik telah ditadbir berpegang kepada prinsip yang disarankan oleh Hayes (2000) seperti berikut:

- a) Penyataan/ item dibina berfokuskan kepada menjawab persoalan kajian
- b) Perkataan yang digunakan haruslah dapat difahami oleh peserta kajian.
- c) Item- item yang telah dibina mestilah dapat diukur secara kuantitatif.

Soal selidik telah dibina menggunakan skala likert 5 mata agar pandangan responden adalah tepat dan boleh dipercayai (McMillan & Schumacher, 2006). Pembahagian item- item dalam soal selidik mengikut pembolehubah berdasarkan soalan kajian adalah seperti jadual berikut:

Jadual 3.1

Pembahagian Item dalam soal selidik murid BTSS

Bil	Pembolehubah	Bahagian	No item yang perlu dijawab
1	Latar belakang responden	A	1- 8
2	Kemudahan Infrastruktur dan peralatan	B	9- 21
3	Kesesuaian kandungan Buku Teks	C	22- 35
4	Proses pengajaran guru	D	36 – 50

5	Halangan/ Masalah dihadapi dalam pembelajaran	E	51 – 63
---	---	---	---------

Bahagian A

Latar belakang responden merangkumi soalan-soalan tentang responden dari segi jantina, keturunan, pekerjaan ibu dan bapa, tahap pendidikan ibu dan bapa, pendapatan keluarga dan bahasa yang kerap digunakan oleh responden di rumah. Responden perlu menanda (✓) pada ruang yang disediakan.

Setiap item daripada bahagian B hinggalah bahagian F telah diletakkan skala Likert dan responden dikehendaki menandakan skala Likert seperti berikut: 5. Sangat Setuju 4. Setuju 3. Tidak Pasti 2. Tidak Setuju 1. Sangat Tidak Setuju.

Bahagian B dan C

Dimensi Input: Soal selidik mengenai pelaksanaan kurikulum BTSSK dari segi dimensi Input merangkumi aspek berikut:

- I. Soal selidik untuk menilai kemudahan infrastruktur dan peralatan
- II. Soal selidik untuk menilai kesesuaian isi kandungan buku teks Bahasa Tamil

Bahagian D dan E

Dimensi Proses: Soal selidik mengenai pelaksanaan kurikulum BTSSK dari segi dimensi Proses merangkumi aspek berikut:

- I. Soal selidik melihat sejauh mana penilaian responden terhadap proses pengajaran guru
- II. Soal selidik mengenai masalah atau halangan yang dihadapi dalam pembelajaran Bahasa Tamil

Set Ujian Pencapaian

Dalam mendapatkan data kajian, satu ujian juga akan diadakan untuk menilai tahap pencapaian murid. Data kajian ini juga adalah untuk menjawab persoalan

kajian yang berasaskan dimensi produk iaitu untuk mendapatkan tahap pencapaian murid-murid. Soalan-soalan dalam insrumen ujian dibina berdasarkan objektif kurikulum mata pelajaran Bahasa Tamil tahun 6 yang ditetapkan. Oleh sebab murid sekolah rendah telah menyesuaikan diri dengan soalan bentuk aneka soalan atau objektif dan juga soalan struktur maka soalan-soalan kefahaman juga dibina dalam bentuk sedemikian.

Ujian tersebut terdiri daripada 4 bahagian. Bahagian A merangkumi soalan tentang simpulan bahasa, peribahasa, perumpamaan, imbuhan dan kata berganda (11 item), Bahagian B termasuk soalan merangkumi penggunaan huruf vokal dan konsonan serta penggunaan tatabahasa yang betul (14 item), Bahagian C pula ialah petikan dan soalan pemahaman (10 item), manakala Bahagian D terdiri daripada soalan penyusunan ayat yang betul dan pembinaan struktur ayat yang gramatis menggunakan perkataan yang diberi (13 item). Ujian tersebut diperuntukkan masa sejam untuk dijawab oleh responden murid.

Kesahan Instrumen Soal Selidik dan Ujian

Instrumen soal selidik telah dibentuk berdasarkan soal selidik yang telah ditadbir dalam kajian terdahulu khususnya kajian pelaksanaan kurikulum Kemahiran Hidup oleh Azizi (1997), kajian penilaian buku teks tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) oleh Loh (2012) dan penilaian pelaksanaan pelaksanaan mata pelajaran Vokasional- Lanskap dan Nurseri (MPV-LN) oleh Gunasegaran (2014) dan juga kajian- kajian yang lain. Soal selidik murid yang telah dibentuk telah disemak kesahan kandungan oleh pensyarah penyelia dan juga para pakar dalam bidang pendidikan bahasa.

Menurut Jackson (2003), kesahan kandungan adalah aspek yang paling penting dalam pembinaan instrumen. Menurut beliau lagi, kesahan kandungan merujuk kepada sejauhmanakah item- item dalam instrumen kajian dapat menguji kandungan sesuatu pernyataan yang hendak diukur. Oleh itu dalam memastikan kesahan kandungan instrumen kajian, pengkaji telah merujuk 1 orang pegawai pusat perkembangan kurikulum, seorang pegawai yang bertanggungjawab terhadap Bahasa Tamil SK di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) serta 3 guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) yang sangat berpengalaman untuk menyemak soalan-soalan yang telah dibina serta menilai set ujian yang diberi. Mereka mempunyai 10 tahun pengalaman dalam pengajaran bahasa Tamil. Mereka juga pernah menjadi pemeriksa kertas Bahasa Tamil UPSR pada tahun lepas. Mereka telah memperbaiki kelemahan- kelemahan yang terdapat pada instrumen soalan kefahaman. Segala komen daripada pihak tersebut telah diambil kira dan soal selidik dan instrumen ujian telah diubahsuai berdasarkan pandangan mereka.

Ujian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

Kebolehpercayaan instrumen merujuk kepada ketekalan dan kestabilan suatu aspek yang dikaji (Nuraini, 2013). Selain itu, Wiersma (2000) ketekalan adalah, walaupun item yang sama diuji berulang kali pada waktu atau hari yang berbeza, namun maklum balas yang diberi oleh responden adalah tetap sama. Oleh itu, ujian rintis dijalankan untuk mendapatkan nilai 'Cronbach Alpha' bagi menguji kebolehpercayaan ketekalan dalaman (Mcmillan & Schumacher, 2006). Ujian ini adalah amat sesuai digunakan dalam kaedah tinjauan soal selidik yang tiada jawapan betul atau salah. Mengikut mereka lagi, ujian kebolehpercayaan yang dibuat akan memberi suatu nilai yang disebut 'coefficient' dalam bentuk angka. Jika nilai

'coefficient' instrumen mencapai 1.00, maka dikatakan instrumen tersebut mempunyai tahap penerimaan tinggi dan mencecah tahap kepercayaan yang tinggi. Namun, pada hakikatnya, tiada instrumen kajian yang boleh mencapai kebolehppercayaan yang tinggi (Gay, 1996).

Oleh itu, kebolehppercayaan instrumen soal selidik dan ujian telah dikaji melalui ujian rintis (*pilot test*) Ujian rintis adalah satu percubaan sebelum ujian sebenar dijalankan dan ditumpukan kepada kumpulan kecil. Tujuannya untuk mendapatkan ketekalan item dalam mengukur suatu aspek. Oleh itu, ujian rintis telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan A melibatkan 16 orang murid dan di Sekolah Kebangsaan B melibatkan 14 orang murid.

Ujian rintis sebelum kajian sebenar telah dijalankan dengan bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas terhadap instrumen soalselidik dan ujian yang akan digunakan. Maklum balas murid yang akan dilihat adalah dari segi aspek arahan, jangka masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan, pilihan jawapan, kejelasan petikan membaca, soalan- soalan ujian dan sebagainya. Pemantauan akan dilakukan oleh pengkaji semasa ujian rintis dalam mendapatkan respon mereka terhadap instrumen soal selidik dan set ujian. Jika terdapat item soal selidik dan soalan ujian yang tidak difahami

Oleh murid, maka pengkaji akan meminta murid membulatkan soalan atau item tersebut dan pengkaji akan memberi penjelasan. Dengan ini, pengkaji akan menstrukturkan semula dengan sedikit penambahbaikan dalam instrumen ujian dan set soal selidik supaya mudah difahami dan dijawab oleh responden dalam kajian yang sebenar. Jadual 3.2 berikut merupakan nilai kebolehppercayaan yang didapati mengikut dimensi penilaian dan keseluruhan hasil daripada ujian rintis yang telah dijalankan.

Jadual 3.2

Nilai Alpha soal selidik murid

Bahagian	Nilai Alpha soal selidik murid
Dimensi konteks	.775
Dimensi Input	.708
Dimensi Proses	.819
Keseluruhan	.822

Cara Menjalankan Kajian

Data kajian yang jitu dan tepat adalah perlu untuk mendapatkan maklumat yang telus untuk dianalisis. Oleh itu, pengkaji sendiri telah menjalankan sesi soal selidik dan ujian pencapaian. Para murid telah diberi set soal selidik terlebih dahulu disusuli dengan set ujian pencapaian. Murid-murid diberi tempoh masa selama 15 minit untuk menjawab item- item soal selidik dibantu oleh pengkaji sekiranya terdapat sebarang kemusykilan.

Setelah selesai set soal selidik, murid-murid tahun 6 diberi pula set ujian pencapaian dan diberi masa selama 1 jam untuk menjawab soalan- soalan pada ujian pencapaian. Secara keseluruhan, tempoh masa selama 1 jam 15 minit akan diperuntukkan untuk menjawab set soal selidik dan set ujian pencapaian. Ketika ujian dijalankan pengkaji hanya telah memantau murid-murid dan membantu murid sekiranya terdapat kemusykilan.

Aspek Pemarkahan

Pengkaji telah menyemak sendiri skrip jawapan sampel. Jawapan sampel diberi markah berdasarkan skor tertinggi untuk setiap soalan yang diberi. Pemberian markah adalah perlu untuk menetapkan tahap pemahaman sampel. Markah yang diberi bergantung kepada kerelevanan jawapan yang diberikan. Maka, pemarkahan adalah berpandukan skema jawapan yang telah disediakan. Bagi soalan objektif jika jawapan yang diberi adalah tepat, maka markah penuh sebanyak 2 markah diberikan. Manakala bagi soalan struktur, jika jawapan yang diberi adalah tepat maka markah penuh sebanyak 3 markah diberikan. Tetapi jika jawapan diberi kurang tepat atau separuh betul, maka diberi 2 markah. Adakalanya, jawapan sampel menepati sedikit daripada jawapan yang sepatutnya. Dalam keadaan ini, hanya 1 markah diberi.

Jawapan sampel dinilai dari segi aspek betul atau salah sahaja. Jika jawapan diberi adalah salah, maka sampel tidak diberikan markah. Kesalahan tatabahasa, ejaan, struktur dan salah huruf adalah tidak diambil kira dalam semakan dan pemarkahan. Ini disebabkan tujuan ujian diadakan adalah untuk melihat tahap pencapaian murid terhadap ujian yang diberi. Tahap pencapaian ujian dikategorikan untuk setiap jenis ujian bacaan berdasarkan penggredan dan deskripsi seperti berikut:

Jadual 3.3

Penggredan markah ujian pencapaian

Gred	Markah	Tafsiran
A	80 – 100	Cemerlang
B	60 – 79	Baik
C	40 – 59	Memuaskan
D	20 – 39	Lemah
E	0 – 19	Sangat Lemah

[sumber: *Sistem Aplikasi Penggredan Sekolah, (SAPS), KPM*]

Merujuk kepada jadual 3.3, responden yang mendapat markah dalam lingkungan 80 – 100 diberi gred A dengan tafsiran cemerlang. Skor ini merupakan skor bagi tahap pencapaian yang tinggi. Skor markah dalam kategori 60- 79 diberi gred B dan ditafsir sebagai baik manakala mereka yang mendapat skor 40- 59 diberi gred C dan ditafsir sebagai memuaskan diikuti dengan skor 20 – 39 yang diberi gred D dan ditafsir sebagai lemah dan akhir sekali mereka yang mendapat skor dalam lingkungan 0 – 19 diberi gred E dan ditafsir sebagai kategori yang lemah pencapaian.

Penggredan ini ditetapkan dengan rasional mereka yang mendapat skor yang tinggi dianggap murid yang dapat memahami teks dan soalan yang dikemukakan dan seterusnya dapat menjawab secara tepat mengikut kehendak soalan. Hanya murid yang dapat memahami soalan ujian dengan jelas berupaya mendapat markah yang tinggi. Sebaliknya, murid dengan skor rendah tidak memahami soalan ujian secara sepenuhnya dan tidak menjawab mengikut kehendak soalan. Dengan itu, dapatlah dirumuskan tahap penguasaan para murid terhadap terhadap ujian diberi.

Prosedur Kajian

Kerjasama semua pihak yang berkaitan dengan kajian adalah sangat penting dalam mendapatkan data. Oleh itu, pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada pihak EPRD, kementerian pendidikan, jabatan pelajaran negeri, dan para guru besar daripada 6 sekolah yang dipilih untuk menjalankan soal selidik dan ujian pencapaian yang disediakan. Setelah mendapatkan kebenaran dan persetujuan, tarikh dan masa kajian telah ditetapkan dan diberitahu kepada pihak sekolah dan guru mata pelajaran. Ini adalah perlu untuk mengelakkan berlakunya pertindihan antara kajian dengan program sekolah. Perubahan terhadap tarikh dan masa kajian akan dibuat sekiranya pihak sekolah mempunyai program tertentu pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Ini

akan menjamin proses pengutipan data dibuat dengan lancar tanpa sebarang gangguan.

Kajian dilakukan secara berperingkat dari satu sekolah ke sekolah yang lain. Ini disebabkan, pengkaji akan melibatkan 6 sekolah yang berlainan lokasi dan tidak dapat dibuat secara serentak. Soal selidik dan ujian dilaksanakan dengan bantuan guru mata pelajaran. Setelah selesai soal selidik dan ujian, pengkaji memberi cenderahati kepada murid yang terlibat dalam soal selidik dan ujian sebagai tanda penghargaan kepada mereka atas komitmen dan kerjasama yang diberikan sepanjang kajian. Tidak ketinggalan juga, guru mata pelajaran dan pihak sekolah turut diberi sedikit penghargaan dalam bentuk cenderahati sebagai tanda terima kasih ke atas komitmen dan kesanggupan mereka meluangkan masa dalam menjayakan kajian ini.

Penganalisaan Data

Data yang dikumpul melalui kajian ini telah dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* Windows versi 22.0. Analisa secara deskriptif adalah sesuai digunakan untuk merumuskan atau memperincikan taburan sesuatu pembolehubah. Analisa kekerapan dan peratusan pencapaian untuk setiap aras pemahaman dibuat untuk kedua-dua jenis bacaan bagi melihat tahap pencapaian pemahaman serta perbezaan yang wujud. Selain itu, analisa *crosstabs* turut dibuat untuk melihat hubungan pembolehubah lain dengan pencapaian pemahaman ujian. Berikut merupakan jadual (matriks) pengukuran data yang dibuat dalam kajian ini.

Jadual 3.4

(Matriks) Pengukuran Data

Soalan kajian	Kaedah/ sumber kutipan data	Kaedah analisis
1) Sejauhmanakah kemudahan infrastruktur serta peralatan dan buku teks membantu dalam pelaksanaan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) berdasarkan dimensi input berasaskan model CIPP?	Soal selidik murid (Bahagian B dan C)	Kekerapan, peratus, Min dan Sisihan piawai
2) Sejauhmanakah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan memenuhi keperluan murid-murid?	Soal selidik murid (Bahagian D)	Kekerapan, peratus, Min dan Sisihan piawai
3) Apakah masalah yang dihadapi oleh murid-murid dalam mempelajari Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) berdasarkan dimensi berasaskan model CIPP?	Soal selidik murid (Bahagian E)	Kekerapan, peratus, Min dan Sisihan piawai
4) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian murid-murid dalam mata pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan dengan jantina, pendapatan keluarga dan bahasa ibunda?	Ujian tahap pencapaian	Ujian- <i>t</i> <i>Anova sehalu</i>

Kesimpulan

Metodologi kajian yang telah dipilih dan dilaksanakan adalah berpadanan dengan saluran untuk mencapai objektif kajian yang ditetapkan. Kajian rintis yang dijalankan telah menyumbang kepada penambahbaikan yang perlu dibuat terhadap instrumen soal selidik dan set ujian dan juga kepada aspek lain yang perlu diberi perhatian. Analisa kajian yang lengkap akan dijelaskan dalam bab yang seterusnya.

Universiti Malaysia

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

Pengenalan

Bab ini menganalisis data yang telah diperolehi seterusnya akan menginterpretasikan data- data latarbelakang responden dan menjawab soalan- soalan kajian. Penginterpretasian data adalah mengikut urutan soalan kajian berdasarkan dimensi model CIPP yang merupakan kerangka konseptual kajian ini. Kaedah deskriptif, ujian *t*- dan ujian *Anova* telah digunakan untuk menterjemahkan data-data supaya dapat menjawab soalan kajian yang ditetapkan.

Data-data ini telah diringkaskan dan ditunjukkan dalam jadual mengikut soalan kajian supaya dapat difahami dengan mudah. Soalan kajian 1 hingga 3 telah menggunakan kaedah deskriptif, soalan kajian 4 menggunakan ujian-*t* dan ujian *Anova* sehalu. Dapatan kajian akan dibincangkan dalam bahagian- bahagian berikut.

Kenormalan Data

Tahap kenormalan data bagi kedua-dua kumpulan responden kajian juga dianalisis seperti berikut.

Responden Murid

Jadual 4.1

Profil Responden Murid

	Jantina	Pendapatan	Bahasa yang diguna	Markah murid	Kemudahan Infrastruktur dan peralatan	Kandungan buku teks	Proses pengajaran guru	Masalah/ Halangan
Skewness	- .242	-.167	-.792	-.132	-.546	-.603	-.554	-.067
SE of Skewness	.250	.250	.250	.250	.250	.250	.250	.250
Kurtosis	-1.985	-1.241	2.197	-.968	-.095	-.385	-.249	-.985
SE of Kurtosis	.495	.495	.495	.495	.495	.495	.495	.495

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa kesemua bahagian pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bergantung berada di antara $-.02$ dan $+.02$ nilai skewness dan kurtosisnya. Ini bererti data yang dipungut adalah normal (Ananda Kumar, 2009). Oleh itu, dapatan kajian ini boleh dianalisis secara parametrik.

Jadual 4.2

Profil Responden Murid

Variabel Bebas	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	41	44.1
	Perempuan	52	55.9
Bangsa	Melayu	1	1.1
	Cina	2	2.2
	India	87	93.5
	Lain- lain	3	3.2
Pendapatan	RM 500 – RM 999	19	20.4
	RM 1000 – RM 1999	22	23.7
	RM 2000 – RM 2999	28	30.1
	> RM 3000	24	25.8
Bahasa yang diguna	Bahasa Melayu	2	2.2
	Bahasa Mandarin	3	3.2
	Bahasa Tamil	57	61.3
	Bahasa Inggeris	31	33.3

Berdasarkan jadual diatas menunjukkan profil responden murid kajian. Terdapat seramai 93 responden yang telah mengambil bahagian dalam kajian. Daripada 93 responden terdapat 41 responden lelaki (44.1%) dan 52 responden perempuan (55.9%). Kajian ini merangkumi tiga bangsa. Bangsa India mewakili bilangan responden terbanyak iaitu 87 (93.5%), bangsa Cina seramai 2 responden (2.2%) dan selebihnya bangsa Melayu seramai 1 (1.1%). Dari segi pendapatan telah dikelaskan kepada 4 kategori. Daripada 93 responden 19 (20.4%) memperolehi pendapatan keluarga dalam lingkungan RM 500 hingga RM 999. Seramai 22 lagi (23.7%) memperolehi pendapatan keluarga dalam lingkungan RM 1000 – RM 1999. Pendapatan keluarga RM 2000 - RM 2999 merupakan kategori pendapatan yang

paling banyak diperolehi dengan bilangan responden sebanyak 28 (30.1%). Manakala 24 responden lagi (25.8%) mendapat pendapatan keluarga yang melebihi RM 3000 sebulan.

Terdapat empat bahasa utama yang digunakan oleh responden kajian iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil dan Bahasa Mandarin. Bahasa Tamil merupakan bahasa yang utama yang digunakan dan kerap digunakan. Terdapat 57 responden (61.3%) yang menggunakan Bahasa Tamil di rumah. Bahasa kedua tertinggi yang digunakan ialah Bahasa Inggeris dengan bilangan sebanyak 31 responden (33.3%). Hanya 2 responden (2.2%) yang menggunakan Bahasa Melayu manakala 3 responden lagi (3.2%) menggunakan Bahasa Mandarin.

Analisis deskriptif

Dalam kajian ini, analisis secara deskriptif digunakan bagi tujuan penganalisan data yang melibatkan nilai min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan terhadap soalan kajian yang telah dibina. Setelah data diproses, dapatan data akan menunjukkan nilai yang mana akan dikategorikan dan diterjemahkan ke dalam lima kategori seperti yang digariskan dalam sumber Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (KPM, 2006). Hal ini bertujuan bagi mendapatkan gambaran kedudukan tahap dan interpretasi yang menggambarkan skor purata min tersebut seperti jadual 4.3.

Jadual 4.3

Tafsiran skor purata min

Skor Purata Min	Tafsiran
1.00 – 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi

(Sumber: KPM, 2006)

Berdasarkan jadual 4.3 menunjukkan tafsiran skor purata min yang ditadbir untuk menafsir hasil pendapatan data. Berdasarkan tafsiran nilai data min yang berada dalam lingkungan 4.30- 5.00 maka tafsiran yang diberi ialah sangat tinggi. Ini bermaksud semua item mendapat persetujuan yang tinggi terhadap kenyataan yang diberikan. Ini diikuti dengan skor 3.50- 4.29 yang diberi tafsiran tinggi, 2.70- 3.49 sederhana dan 1.90- 2.69 yang diberi tafsiran rendah. Skor antara lingkungan 1.00 – 1.89 diberikan tafsiran yang terendah dimana responden tidak setuju dengan item – item yang disenaraikan.

Soalan kajian 1: Sejauhmanakah kemudahan infrastruktur serta peralatan dan buku teks membantu dalam pelaksanaan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK)?

Jadual 4.4

Keputusan dapatan kajian bagi soalan kajian 1 adalah seperti jadual berikut

	Kemudahan yang disediakan	STS	TS	TP	S	SS	M	SP
1.	Mempunyai bilik khas untuk Bahasa Tamil	29 (31.2%)	15 (16.1%)	12 (12.9%)	17 (18.3%)	20 (21.5%)	2.82	1.56
2.	Keadaan bilik darjah adalah sesuai dan selesa	5 (5.4%)	15 (16.1%)	8 (8.6%)	30 (32.3%)	35 (37.6%)	3.80	1.25
3.	Murid kerap menggunakan kemudahan makmal komputer	22 (23.7%)	18 (19.4%)	7 (7.5%)	20 (21.5%)	26 (28%)	3.10	1.57
4.	Pihak sekolah pantas membaiki sebarang kerosakan peralatan	14 (15.1%)	12 (12.9%)	17 (18.3%)	25 (26.9%)	25 (26.9%)	3.37	1.39
5.	Perpustakaan mempunyai bahan rujukan yang mencukupi	16 (17.2%)	10 (10.8%)	7 (7.5%)	24 (25.8%)	36 (38.7%)	3.58	1.51

6.	Bilik darjah dilengkapi dengan kemudahan penggunaan LCD Peralatan	19 (20.4%)	9 (9.7%)	17 (18.3%)	23 (24.7%)	25 (26.9%)	3.27	1.48
7.	pengajaran adalah mencukupi	7 (7.5%)	9 (9.7%)	12 (12.9%)	32 (34.4%)	33 (35.5%)	3.80	1.23
8.	Persekitaran sekolah adalah bersih, selesa dan selamat	7 (7.5%)	11 (11.8%)	10 (10.8%)	30 (32.3%)	35 (37.6%)	3.80	1.27
9.	Suasana sekolah yang baik mendorong saya belajar bersungguh-sungguh	6 (6.5%)	7 (7.5%)	10 (10.8%)	25 (26.9%)	45 (48.4%)	4.03	1.21
10.	Kemudahan TMK di sekolah adalah mencukupi	4 (4.3%)	6 (6.5%)	12 (12.9%)	25 (26.9%)	46 (49.5%)	4.10	1.13
11.	Sekolah mempunyai kemudahan belajar yang baik	2 (2.2%)	8 (8.6%)	12 (12.9%)	24 (25.8%)	47 (50.5%)	4.13	1.08
12.	Semua murid diberikan buku teks	1 (1.1%)	2 (2.2%)	7 (7.5%)	23 (24.7%)	60 (64.5%)	4.49	0.82
13.	Kelas darjah dilengkapi dengan keperluan perabot Cth : kerusi, meja, almari, papan hitam dan sebagainya	3 (3.2%)	4 (4.3%)	6 (6.5%)	20 (21.5%)	60 (64.5%)	4.39	1.01
Purata							3.74	1.27

Berdasarkan jadual 4.4, item kedua belas menunjukkan nilai min dengan catatan 4.49 merupakan tertinggi dan sisihan piawai .82 bagi item semua murid diberikan buku teks. Daripada 93 responden keseluruhan, 83 daripadanya (89.2%) bersetuju, 7 responden (7.5%) menyatakan kurang pasti dan cuma 3 responden (3.3%) yang tidak bersetuju.

Item yang menunjukkan kedudukan kedua tertinggi ialah item ketiga belas , iaitu kelas darjah dilengkapi dengan keperluan perabot. Dapatan data menunjukkan nilai min sebanyak 4.39 dan sisihan piawai sebanyak 1.01. Daripada jumlah responden, 80 responden (86 %) bersetuju, 7 responden (7.5%) tidak setuju manakala enam selebihnya (6.5%) menyatakan kurang pasti.

Item ketiga tertinggi ialah item kesebelas, iaitu sekolah mempunyai kemudahan belajar yang baik. Daripada 93 responden, 71 daripadanya (76.3%) bersetuju, dua belas orang responden (12.9%) kurang pasti dan sepuluh responden (10.8%) tidak bersetuju. Nilai min yang dicatatkan ialah 4.13 dan sisihan piawainya 1.08.

Item dengan min terendah dicatatkan ialah item pertama, iaitu mempunyai bilik khas untuk Bahasa Tamil. Item ini menunjukkan nilai min terendah, iaitu 2.82 dan nilai sisihan piawai sebanyak 1.56. Daripada 93 responden, 44 responden (47.3%) menyatakan tidak setuju, 37 lagi responden (39.8%) yang bersetuju manakala dua belas orang responden (12.9%) menyatakan kurang pasti.

Item ketiga iaitu murid kerap menggunakan kemudahan makmal komputer menunjukkan min kedua terendah mencatatkan nilai min 3.10 dan sisihan piawai ialah 1.57. Daripada kesemua responden 46 (49.5%) menyatakan bersetuju, 40 responden (43.1%) menyatakan tidak bersetuju manakala 7 lagi (7.5%) menyatakan kurang pasti.

Item dengan min ketiga terendah yang ditunjukkan ialah item keenam, iaitu bilik darjah dilengkapi dengan kemudahan penggunaan LCD. Data menunjukkan nilai min ialah 3.27 dan sisihan piawai ialah 1.48. Daripada 93 responden, 48 (51.6%) responden bersetuju, 28 orang responden (30.1%) menyatakan tidak setuju manakala 17 lagi (18.3%) menyatakan kurang pasti.

Secara rumusannya, didapati bahawa kemudahan infrastruktur dan peralatan dalam membantu pelaksanaan kurikulum bahasa Tamil di sekolah kebangsaan adalah berada di tahap yang tinggi (*Min* purata = 3.74, *SP* purata = 1.27).

Jadual 4.5

Keputusan dapatan kajian bagi kandungan buku teks

	Kandungan buku teks	STS	TS	TP	S	SS	M	SP
1.	Tajuk- tajuk buku teks adalah menarik, tersusun dan sistematik	11 (11.8%)	6 (6.5%)	5 (5.4%)	29 (31.2%)	42 (45.2%)	3.91	1.36
2.	Tajuk- tajuk adalah berhubung antara satu sama lain	2 (2.2%)	22 (23.7%)	17 (18.3%)	27 (29.0%)	25 (26.9%)	3.54	1.18
3.	Penyusunan tajuk adalah dari aras senang ke susah	4 (4.3%)	5 (5.4%)	13 (14.0%)	35 (37.6%)	36 (38.7%)	4.01	1.07
4.	Setiap tajuk dapat difahami dengan senang/ mudah	5 (5.4%)	7 (7.5%)	20 (21.5%)	36 (38.7%)	25 (26.9%)	3.74	1.10
5.	Perkataan yang digunakan adalah perkataan yang biasa digunakan dalam kehidupan seharian	7 (7.5%)	8 (8.6%)	17 (18.3%)	28 (30.1%)	33 (35.5%)	3.77	1.23

6.	Perkataan dan ayat yang digunakan adalah mudah dan jelas	4 (4.3%)	6 (6.5%)	21 (22.6%)	33 (35.5%)	29 (31.2%)	3.82	1.08
7.	Kemahiran tatabahasa telah disusun secara teratur	0	11 (11.8%)	24 (25.8%)	24 (25.8%)	34 (36.6%)	3.87	1.04
8.	Kemahiran tatabahasa diterang secara jelas	4 (4.3%)	4 (4.3%)	19 (20.4%)	31 (33.3%)	35 (37.6%)	3.95	1.07
9.	Latihan disediakan dari aras mudah ke susah	5 (5.4%)	8 (8.6%)	14 (15.1%)	29 (31.2%)	37 (39.8%)	3.91	1.18
10.	Saya dapat membuat latihan daripada buku teks tanpa bimbingan guru	8 (8.6%)	10 (10.8%)	14 (15.1%)	24 (25.8%)	37 (39.8%)	3.77	1.31
11.	Latihan membantu saya lebih memahami suatu kemahiran	4 (4.3%)	6 (6.5%)	14 (15.1%)	37 (39.8%)	32 (34.4%)	3.93	1.07
12.	Latihan dapat meningkatkan kemahiran berfikir	3 (3.2%)	6 (6.5%)	12 (12.9%)	32 (34.4%)	40 (43.0%)	4.07	1.06
13.	Penggunaan grafik, gambar dan perkataan warna warni menarik perhatian saya untuk belajar Bahasa Tamil	4 (4.3%)	6 (6.5%)	10 (10.8%)	25 (26.9%)	48 (51.6%)	4.15	1.12
14.	Rujukan buku lain adalah perlu selain daripada buku teks	13 (14.0%)	0	12 (12.9%)	29 (31.2%)	39 (41.9%)	3.87	1.35
Purata							3.88	1.16

Merujuk kepada kesemua item, item ketiga belas menunjukkan nilai min paling tinggi mencatatkan 4.15 dan sisihan piawai 1.12 bagi item penggunaan grafik, gambar dan perkataan warna warni menarik perhatian saya untuk belajar Bahasa Tamil. Daripada 93 responden keseluruhan, 73 daripadanya (78.5%) bersetuju, 10 responden (10.8%) menyatakan kurang pasti dan 10 lagi responden (10.8%) menyatakan tidak bersetuju.

Item kedua belas menunjukkan kedudukan min kedua tertinggi iaitu latihan dapat meningkatkan kemahiran berfikir. Data kajian menunjukkan nilai min sebanyak 4.07 dan sisihan piawai sebanyak 1.06. Daripada jumlah responden, sebanyak 72 responden (77.4 %) menyatakan bersetuju, 12 responden (12.9%) kurang pasti manakala 9 selebihnya (9.7%) menyatakan tidak setuju.

Item ketiga min tertinggi ialah item ketiga, iaitu penyusunan tajuk adalah dari aras senang ke susah. Sebanyak 71 responden (76.3%) bersetuju, tiga belas orang responden (14.0%) kurang pasti dan sembilan lagi responden (9.7%) tidak bersetuju. Nilai min yang dicatatkan ialah 4.01 dan sisihan piawainya 1.07.

Item dengan min terendah dicatatkan ialah item kedua, iaitu tajuk tajuk adalah berhubungan antara satu sama lain. Item ini menunjukkan nilai min terendah, iaitu 3.54 dan nilai sisihan piawai sebanyak 1.18. Daripada 93 responden, 52 responden (55.9%) menyatakan persetujuan, 24 lagi responden (25.9%) yang tidak bersetuju manakala tujuh belas orang responden (18.3%) menyatakan kurang pasti.

Item keempat iaitu setiap tajuk dapat difahami dengan senang/ mudah menunjukkan min kedua terendah mencatatkan nilai min 3.74 dan sisihan piawai ialah 1.10. Daripada kesemua responden 61 (65.6%) menyatakan bersetuju, 20 responden (21.5%) menyatakan kurang pasti manakala 12 lagi (12.9%) menyatakan tidak setuju dengan kenyataan tersebut.

Terdapat dua item dengan min ketiga terendah yang ditunjukkan ialah item kelima, iaitu perkataan yang digunakan adalah perkataan yang biasa digunakan dalam kehidupan seharian mencatatkan nilai min 3.77 dan sisihan piawai 1.23 dan item kesepuluh iaitu saya dapat membuat latihan daripada buku teks tanpa bimbingan guru mencatatkan nilai min 3.77 dan sisihan piawai 1.31. Bagi item kelima daripada 93 responden, 61 (65.6%) responden bersetuju, 17 orang responden (18.3%) menyatakan kurang pasti manakala 15 lagi (16.1%) menyatakan tidak setuju. Manakala bagi kenyataan kesepuluh, sama seperti item kelima sebanyak 61 (65.6%) menyatakan persetujuan terhadap kenyataan tersebut. Sebanyak 18 responden (19.4%) menyatakan tidak setuju dan 14 (15.1%) responden lagi menyatakan kurang pasti.

Secara rumusannya, didapati bahawa kesesuaian kandungan buku teks dalam membantu pelaksanaan kurikulum bahasa Tamil di sekolah kebangsaan adalah tergolong di penilaian tahap tinggi (Min purata = 3.88, SP purata = 1.16).

Soalan kajian 2: Sejaumanakah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan memenuhi keperluan murid-murid berdasarkan dimensi proses bersasaskan model CIPP?

Jadual 4.6

Hasil dapatan kajian bagi soalan kajian 2 adalah seperti jadual berikut.

	Pengajaran guru	STS	TS	TP	S	SS	M	SP
1.	Guru mengajar mengikut kemampuan pelajar	7 (7.5%)	5 (5.4%)	8 (8.6%)	32 (34.4%)	41 (44.1%)	4.02	1.20
2.	Guru mempelbagai kaedah pengajaran	6 (6.5%)	16 (17.2%)	16 (17.2%)	26 (28.0%)	29 (31.2%)	3.60	1.27

3.	Guru mengaitkan isi pelajaran dengan pengetahuan pelajar yang lepas	4 (4.3%)	11 (11.8%)	20 (21.5%)	21 (22.6%)	37 (39.8%)	3.81	1.21
4.	Guru menerapkan nila- nilai murni dalam pengajaran	3 (3.2%)	4 (4.3%)	8 (8.6%)	26 (28.0%)	52 (55.9%)	4.29	1.07
5.	Guru menepati masa pengajaran	4 (4.3%)	6 (6.5%)	18 (19.4%)	27 (29.0%)	38 (40.9%)	3.95	1.12
6.	Guru memantau kefahaman pelajaran	2 (2.2%)	15 (16.1%)	13 (14.0%)	23 (24.7%)	40 (43.0%)	3.90	1.19
7.	Guru menyampaikan isi pelajaran secara sistematik, jelas, dan mudah difahami	4 (4.3%)	6 (6.5%)	8 (8.6%)	40 (43.0%)	35 (37.6%)	4.03	1.06
8.	Guru mengajar berpandukan buku teks	3 (3.2%)	9 (9.7%)	4 (4.3%)	22 (23.7%)	55 (59.1%)	4.25	1.12
9.	Guru banyak memberi latihan/ kerja rumah	8 (8.6%)	11 (11.8%)	21 (22.6%)	27 (29.0%)	26 (28.0%)	3.55	1.26
10.	Kesemua isi pelajaran dalam buku teks diajar oleh guru	6 (6.5%)	6 (6.5%)	16 (17.2%)	25 (26.9%)	40 (43.0%)	3.93	1.21
11.	Guru menggalakkan murid berkomunikasi	6 (6.5%)	11 (11.8%)	14 (15.1%)	27 (29.0%)	35 (37.6%)	3.79	1.25
12.	Guru mengamalkan aktiviti permainan bahasa	6 (6.5%)	8 (8.6%)	8 (8.6%)	30 (32.3%)	41 (44.1%)	3.98	1.21

13.	Guru menggalakan aktiviti kumpulan semasa kelas bahasa Tamil	7 (7.5%)	9 (9.7%)	13 (14.0%)	26 (28.0%)	38 (40.9%)	3.84	1.27
14.	Guru menggunakan unsur kecindan (jenaka) semasa kelas Bahasa Tamil	11 (11.8%)	10 (10.8%)	12 (12.9%)	25 (26.9%)	35 (37.6%)	3.67	1.38
15.	Guru kerap menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) semasa kelas Bahasa Tamil	20 (21.5%)	11 (11.8%)	9 (9.7%)	21 (22.6%)	32 (34.4%)	3.36	1.57
Purata							3.86	1.13

Apabila meneliti kesemua item, item keempat menunjukkan nilai min paling tinggi mencatatkan 4.29 dan sisihan piawai 1.07 untuk kenyataan guru menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran. Daripada 93 responden keseluruhan, 78 daripadanya (83.9%) bersetuju, 8 responden (8.6%) menyatakan kurang pasti dan 7 lagi responden (7.5%) yang tidak bersetuju.

Item yang menunjukkan kedudukan kedua tertinggi ialah item kelapan, iaitu guru mengajar berpandukan buku teks. Dapatan data menunjukkan nilai min sebanyak 4.25 dan sisihan piawai sebanyak 1.12. Daripada jumlah responden, 77 responden (82.8 %) bersetuju, 12 responden (12.9%) tidak setuju manakala empat selebihnya (4.3%) menyatakan kurang pasti.

Item ketiga tertinggi ialah item ketujuh, iaitu guru menyampaikan isi pelajaran secara sistematik, jelas dan mudah difahami. Daripada 93 responden, 75 daripadanya (80.6%) bersetuju, sepuluh orang responden (10.8%) tidak setuju dan lapan responden lagi (8.6%) menyatakan kurang pasti. Nilai min yang dicatatkan ialah 4.03 dan sisihan piawainya 1.06.

Item dengan min terendah dicatatkan ialah item lima belas, iaitu guru kerap menggunakan Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) semasa kelas Bahasa Tamil. Item ini menunjukkan nilai min terendah, iaitu 3.36 dan nilai sisihan piawai sebanyak 1.57. Daripada 93 responden, 53 responden (57.0%) menyatakan setuju, 31 lagi responden (33.3%) yang tidak bersetuju manakala 9 orang responden lagi (9.7%) menyatakan kurang pasti.

Item kesembilan iaitu guru banyak memberi latihan/ kerja rumah menunjukkan min kedua terendah mencatatkan nilai min 3.55 dan sisihan piawai ialah 1.26. Daripada kesemua responden 53 (57.0%) menyatakan bersetuju, 21 responden (22.6%) menyatakan kurang pasti manakala 19 lagi (20.4%) menyatakan tidak setuju.

Item dengan min ketiga terendah yang ditunjukkan ialah item kedua, iaitu guru mempelbagai kaedah pengajaran. Data menunjukkan nilai min ialah 3.60 dan sisihan piawai ialah 1.27. Daripada 93 responden, 55 (59.2%) responden bersetuju, 22 orang responden (23.7%) menyatakan tidak setuju manakala 16 lagi (17.2%) menyatakan kurang pasti.

Secara rumusannya, didapati bahawa faktor proses pengajaran guru dalam membantu pelaksanaan kurikulum bahasa Tamil di sekolah kebangsaan adalah di letakkan dalam kumpulan penilaian yang tinggi (Min purata = 3.86, SP purata = 1.13).

Soalan kajian 3: Apakah masalah yang dihadapi oleh murid-murid dalam mempelajari Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) berdasarkan dimensi berasaskan model CIPP?

Jadual 4.7

Hasil analisis bagi soalan kajian 3 adalah seperti jadual berikut.

	Masalah-masalah yang dihadapi	STS	TS	TP	S	SS	M	SP
1.	Masa pembelajaran Bahasa Tamil adalah kurang	11 (11.8%)	9 (9.7%)	15 (16.1%)	30 (32.3%)	28 (30.1%)	3.69	1.42
2.	Terlalu banyak kemahiran yang perlu dikuasai	5 (5.4%)	6 (6.5%)	15 (16.1%)	37 (39.8%)	30 (32.3%)	3.87	1.11
3.	Kerap membuat ujian untuk matapelajaran Bahasa Tamil	18 (19.4%)	7 (7.5%)	25 (26.9%)	14 (15.1%)	29 (31.2%)	3.31	1.47
4.	Guru memberi terlalu banyak kerja rumah	12 (12.9%)	16 (17.2%)	18 (19.4%)	25 (26.9%)	22 (23.7%)	3.31	1.35
5.	Bahasa guru kurang jelas/ susah difahami	17 (18.3%)	19 (20.4%)	17 (18.3%)	14 (15.1%)	26 (28.0%)	3.13	1.49
6.	Guru kerap memarahi murid yang tidak tahu membaca	18 (19.4%)	15 (16.1%)	19 (20.4%)	21 (22.6%)	20 (21.5%)	3.10	1.43
7.	Ibu bapa membenarkan mengambil matapelajaran Bahasa Tamil	15 (16.1%)	11 (11.8%)	11 (11.8%)	21 (22.6%)	35 (37.6%)	3.53	1.49
8.	Saya berminat mempelajari Bahasa Tamil	11 (11.8%)	12 (12.9%)	9 (9.7%)	23 (24.7%)	38 (40.9%)	3.59	1.33

9.	Belajar Bahasa Tamil membuang masa pembelajaran mata pelajaran lain	24 (25.8%)	18 (19.4%)	19 (20.4%)	15 (16.1%)	17 (18.3)	2.81	1.45
10.	Bahasa Tamil adalah mata pelajaran teras	8 (8.6%)	10 (10.8%)	20 (21.5%)	25 (26.9%)	30 (32.3%)	3.63	1.28
11.	Belajar Bahasa Tamil membantu dalam peperiksaan UPSR	13 (14.0%)	8 (8.6%)	22 (23.7%)	22 (23.7%)	28 (30.1%)	3.47	1.37
12.	Bahasa Tamil hanyalah bahasa tambahan di sekolah	4 (4.3%)	3 (3.2%)	19 (20.4%)	35 (37.6%)	32 (34.4%)	3.94	1.04
13.	Belajar Bahasa Tamil menjamin masa depan	13 (14.0%)	16 (17.2%)	11 (11.8%)	16 (17.2%)	37 (39.8%)	3.51	1.50
	Purata						3.45	1.36

Berdasarkan kesemua item, item kedua belas menunjukkan nilai min paling tinggi iaitu 3.94 dan sisihan piawai 1.04 bagi item Bahasa Tamil hanyalah bahasa tambahan di sekolah. Daripada 93 responden keseluruhan, 67 daripadanya (72%) bersetuju, 19 responden (20.4%) menyatakan kurang pasti dan cuma 7 responden (7.5%) yang tidak bersetuju.

Item yang menunjukkan kedudukan kedua tertinggi ialah item kedua, iaitu terlalu banyak kemahiran yang perlu dikuasai. Dapatan data menunjukkan nilai min sebanyak 3.87 dan sisihan piawai sebanyak 1.11. Daripada semua responden, 67 responden (72.1%) bersetuju, 15 responden (16.1%) menyatakan kurang pasti manakala 11 selebihnya (11.9%) menyatakan tidak setuju.

Item ketiga tertinggi ialah item pertama, iaitu masa pembelajaran Bahasa Tamil adalah kurang. Daripada 93 responden, 58 daripadanya (62.4%) bersetuju, 20 orang responden (21.5%) menyatakan tidak setuju manakala 15 responden lagi menyatakan (16.1%) kurang pasti. Nilai min yang dicatatkan ialah 3.69 dan sisihan piawainya 1.42.

Item dengan min terendah dicatatkan ialah item kesembilan, iaitu belajar Bahasa Tamil membuang masa pembelajaran mata pelajaran lain. Item ini menunjukkan nilai min paling rendah iaitu 2.81 dan nilai sisihan piawai sebanyak 1.45. Daripada 93 responden, 42 responden (45.2%) menyatakan tidak setuju, 32 lagi responden (34.4%) yang bersetuju manakala 19 orang responden (20.4%) menyatakan kurang pasti.

Item keenam iaitu guru kerap memarahi murid yang tidak tahu membaca menunjukkan min kedua terendah mencatatkan nilai min 3.10 dan sisihan piawai ialah 1.43. Daripada kesemua responden 41 (44.1%) menyatakan bersetuju, 33 responden (35.5%) menyatakan tidak bersetuju manakala 19 lagi (20.4%) menyatakan kurang pasti.

Item dengan min ketiga terendah yang ditunjukkan ialah item kelima, iaitu bahasa guru kurang jelas/susah difahami. Data menunjukkan nilai min mewakili 3.13 dan sisihan piawai ialah 1.49. Daripada 93 responden, 40 (43.1%) responden bersetuju, 36 orang responden (38.7%) menyatakan tidak setuju manakala 17 lagi (18.3%) menyatakan kurang pasti.

Secara rumusannya, didapati bahawa murid-murid sebenarnya menghadapi halangan atau masalah yang agak banyak dalam pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Ini digambarkan oleh nilai min purata yang mana penilaiannya tergolong pada tahap yang sederhana (Min purata = 3.45, SP purata = 1.36).

Soalan kajian 4: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian murid-murid dalam mata pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan dengan jantina, pendapatan keluarga dan Bahasa ibunda dari sudut dimensi produk berasaskan model CIPP?

Markah instrumen ujian untuk mengukur tahap pencapaian murid-murid dalam mata pelajaran Bahasa Tamil telah dirumuskan dan semua markah ini digredkan dan diberi peratusan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.8 di bawah.

Jadual 4.8

Pembahagian Markah mengikut Gred

Gred	Markah	Tafsiran
A	80 – 100	Cemerlang
B	60 – 79	Baik
C	40 – 59	Memuaskan
D	20 – 39	Lemah
E	0 – 19	Sangat Lemah

[Sumber: Sistem Aplikasi Penggredan Sekolah (SAPS), KPM]

Merujuk kepada jadual 4.8, responden yang mendapat markah dalam lingkungan 80 – 100 akan diberi gred A dengan tafsiran cemerlang. Skor ini merupakan skor bagi tahap pencapaian yang tinggi. Skor markah dalam kategori 60-79 akan diberi gred B dan ditafsir sebagai baik manakala mereka yang mendapat skor 40- 59 akan diberi gred C dan ditafsir sebagai memuaskan diikuti dengan skor 20 – 39 yang akan diberi gred D dan ditafsir sebagai lemah dan akhir sekali mereka yang mendapat skor dalam lingkungan 0 – 19 akan diberi gred E dan ditafsir sebagai kategori yang lemah pencapaian.

Jadual 4.9

Markah Ujian tahap pencapaian murid-murid dalam Bahasa Tamil sekolah kebangsaan

Julat Markah	Bilangan	Peratus	Gred
0 -19	2	2.15	E
20 – 39	22	23.7	D
40 – 59	27	29.0	C
60 – 79	28	30.1	B
80 – 100	14	15.1	A

Jadual 4.9 menunjukkan markah ujian tahap pencapaian murid-murid dalam Bahasa Tamil sekolah kebangsaan. Hasil dapatan kajian menunjukkan, daripada 93 responden, 28 responden (30.1%) mendapat gred B dengan julat markah dari 60 hingga 79 markah. Nilai ini menunjukkan bahawa kebanyakan murid berada pada tahap yang baik. Sebanyak 27 responden murid lagi (29%) mendapat gred C dimana markah julatnya berada diantara 40 - 59. Sebanyak 22 (23.7%) responden murid lagi tergolong di tahap yang lemah dengan mendapat gred D. Hanya 2 responden murid (2.15%) berada pada tahap yang paling lemah iaitu mendapat gred E dengan julat markah diantara 0 -19.

Hasil kajian juga menunjukkan jumlah bilangan A bagi ujian tersebut hanyalah seramai 14 responden (15.1%) di mana julat markahnya adalah daripada 80-100 iaitu pada tahap yang cemerlang. Maka rumusan yang dapat dibuat daripada jadual ini ialah tahap pencapaian murid adalah berada pada tahap yang sederhana dan memuaskan sahaja, dan bilangan responden yang mendapat markah cemerlang adalah rendah.

Ujian-t

4 a) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian dengan jantina?

Untuk mengenal pasti tahap kesignifikan antara pencapaian dengan jantina maka ujian-t telah dibuat dengan menggunakan perisian SPSS. Jadual 4.10 menunjukkan hasil analisis ujian-t.

Jadual 4.10

Keputusan Ujian-t bagi Perbezaan Tahap Pencapaian dengan Jantina

Pemboleh ubah	N	M	SP	Nilai t	p
Lelaki	41	51.80	17.53	-1.72	.088
Perempuan	52	58.88	21.13		

Jadual 4.10 menunjukkan keputusan ujian-t yang dijalankan. Berdasarkan jadual, didapati tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian antara murid lelaki ($M=51.80$, $SP=17.53$) dengan guru perempuan ($M=58.88$, $SP=21.13$), $t = -1.72$, $p>.05$. Walaupun min murid perempuan adalah lebih tinggi berbanding murid lelaki, tetapi dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dari segi tahap pencapaian berdasarkan jantina. Ini juga bermaksud jantina tidak menjadi faktor untuk mendapat markah pencapaian yang cemerlang. Keadaan ini memberi petunjuk positif dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta panduan untuk mengikis pendapat bahawa murid perempuan adalah lebih bijak daripada lelaki. Oleh itu dirumuskan bahawa faktor jantina bukanlah faktor penghalang kepada pencapaian ujian murid.

Ujian Anova sehala

- 4 b) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian dengan pendapatan ?

Untuk mengenal pasti tahap kesignifikan antara tahap pencapaian dengan pendapatan maka ujian ANOVA sehala telah dibuat dengan menggunakan perisian SPSS. Jadual 4.11 menunjukkan hasil analisis ujian – Anova sehala

Jadual 4.11

Keputusan Ujian ANOVA Sehala Perbezaan Tahap Pencapaian Dengan Pendapatan

Pemboleh ubah	Punca Variasi	Jumlah	df	Mean Square	F	p
	Kuasa dua					
Pengalaman	Antara	1602.96	3	534.32		
Mengajar	Kumpulan					
	Dalam	34627.83	89	389.07	1.37	.256
	Kumpulan					
	Jumlah	36230.79	92			

Merujuk kepada jadual 4.11, ujian Anova sehala yang telah dijalankan untuk mengetahui adakah tahap pencapaian responden dipengaruhi oleh pendapatan keluarga. Data yang diperoleh mendapati [$F(3, 89) = 1.37, p = .256$] hubungan antara tahap pencapaian ujian dengan tahap pendapatan keluarga adalah tidak signifikan.

Dengan ini dapat dirumuskan bahawa pendapatan keluarga tidak mempengaruhi tahap pencapaian murid. Dalam erti kata lain, biarpun banyak atau sedikit pendapatan keluarga, ia tidak memberi kesan yang langsung terhadap pencapaian ujian murid. Hal ini dapat memberi petunjuk positif di mana murid-murid dari keluarga yang berpendapatan rendah mampu mendapat markah yang

cemerlang. Walaupun murid-murid dari keluarga berpendapatan tinggi, tetapi markah pencapaian mereka belum pasti memuaskan atau cemerlang. Maka dapat dirumuskan tahap pendapatan tidak mempunyai pengaruh yang ketara terhadap pencapaian ujian murid.

- 4 c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian dengan Bahasa yang digunakan?

Untuk mengenal pasti tahap kesignifikan antara tahap pencapaian dengan bahasa yang digunakan maka ujian-*t* telah dibuat dengan menggunakan perisian SPSS. Jadual 4.11 menunjukkan hasil analisis ujian *t*.

Jadual 4.12

Keputusan Ujian t bagi Perbezaan Tahap Pencapaian dengan Penggunaan Bahasa di Rumah

Pembolehubah	N	M	SP	Nilai <i>t</i>	<i>p</i>
Bukan pengguna Bahasa Tamil	36	54.86	20.40	-.347	.730
Pengguna Bahasa Tamil	57	56.33	19.64		

Merujuk kepada jadual 4.12, ujian-*t* yang telah dijalankan untuk mengetahui adakah tahap pencapaian ujian responden dipengaruhi oleh bahasa yang digunakan di rumah. Berdasarkan jadual, didapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian antara kumpulan bukan penutur Bahasa Tamil ($M= 54.86$, $SP= 20.40$) dengan kumpulan penutur Bahasa Tamil di rumah ($M= 56.33$, $SP= 19.64$) $t = -.347$, $p > .05$. Nilai min dalam jadual turut menunjukkan tahap pencapaian kumpulan bukan pengguna Bahasa Tamil dengan kumpulan pengguna Bahasa Tamil di rumah adalah tidak jauh berbeza.

Oleh itu hubungan antara tahap pencapaian ujian dengan bahasa yang digunakan adalah tidak signifikan. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa bahasa yang digunakan tidak mempengaruhi tahap pencapaian ujian murid. Ini bermakna bahasa yang digunakan di rumah tidak memainkan peranan yang penting dalam tahap pencapaian ujian. Kita tidak dapat membuat keputusan bahawa mereka yang berbahasa Tamil di rumah akan berprestasi tinggi dalam mata pelajaran Bahasa Tamil. Malah mereka yang berbahasa selain daripada Bahasa Tamil juga mampu mendapat tahap pencapaian ujian yang cemerlang.

Oleh yang demikian, pandangan bahawa “murid-murid yang menggunakan suatu bahasa di rumah akan bijak dalam bahasa tersebut di sekolah” perlulah dikikis. Hal ini dapat memberi petunjuk positif di mana murid-murid ada keupayaan untuk mempelajari apa jua bahasa selain daripada bahasa ibunda mereka. Oleh itu dapat disimpulkan bahasa yang digunakan tidak memainkan peranan penting dalam pencapaian ujian murid.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian diatas didapati bahawa tiga bahagian yang dinilai diberi penilaian yang tinggi manakala sebahagian lagi diberi penilaian yang sederhana. Di bawah penilaian input, kemudahan infrastruktur dan peralatan serta kesesuaian kandungan buku teks berada pada tahap penilaian tinggi. Di bawah penilaian proses pula, proses pengajaran guru juga berada pada tahap penilaian tinggi manakala halangan dan masalah yang dihadapi dalam pembelajaran bahasa Tamil berada pada tahap penilaian sederhana

Di samping itu, di bawah penilaian produk yang mengkaji hubungan signifikan antara pencapaian ujian Bahasa Tamil dengan faktor jantina, pendapatan

keluarga dan bahasa yang digunakan di rumah didapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara dua pembolehubah bebas dan bergantung tersebut. Ini bermaksud pembolehubah bergantung seperti jantina, pendapatan keluarga dan bahasa tidak memberi kesan terhadap pencapaian ujian bahasa Tamil. Keputusan kajian ini akan diperincikan secara lanjut dalam bab seterusnya.

Universiti Malaysia

BAB 5 : PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

Pengenalan

Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai pelaksanaan kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) di sekolah- sekolah kebangsaan terpilih dari Zon Rawang, Gombak, Selangor. Bab ini akan membincang seterusnya memperincikan keputusan kajian yang telah diproses bagi menjawab soalan- soalan kajian yang telah dibentuk. Perbincangan adalah berasaskan kepada keputusan analisis deskriptif, analisis Ujian t dan Anova sehalu. Hasil perbincangan juga merangkumi beberapa cadangan untuk menambah baik pelaksanaan kurikulum BTSK. Beberapa cadangan untuk kajian akan datang yang berkaitan dengan penilaian kurikulum BTSK turut dijelaskan.

Perbincangan Dapatan Penilaian Input

Penilaian input dalam kajian ini menilai dua elemen sebagai faktor penilaian iaitu kemudahan infrastruktur serta peralatan dan kesesuaian kandungan buku teks dalam pelaksanaan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) ini. Hasil kajian akan diperbincangkan dalam huraian seterusnya.

Kemudahan infrastruktur serta peralatan.

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan min purata tergolong di tahap yang tinggi ($M = 3.74$, $SP = 1.27$). Ini bermaksud bahawa majoriti responden setuju bahawa kemudahan infrastruktur dan peralatan atau kemudahan fizikal membantu mereka dalam pembelajaran Bahasa Tamil. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa kemudahan fizikal ini adalah merupakan input yang penting yang dapat mempengaruhi pelaksanaan sesuatu kurikulum. Pendapat Saedah, (2000) menyokong

dapatan tersebut yang menegaskan bahawa input-input ini adalah aspek penting dalam proses pelaksanaan kurikulum. Kebanyakan responden menyatakan persetujuan ($M= 4.39$, $SP= 1.01$) bahawa kelas mereka dilengkapi dengan kemudahan fizikal yang asas yang membolehkan mereka belajar dengan selesa.

Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini sehaluan dengan kajian yang telah dibuat oleh Mohar (2011) yang menyatakan bahawa persekitaran sekolah yang merangkumi kemudahan fizikal banyak mempengaruhi kejayaan pelaksanaan sesuatu kurikulum. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian turut sama dengan hasil kajian Gunasegaran (2014) yang menyatakan bahawa kemudahan fizikal seperti meja, perabot, peralatan tangan dan mesin MPV (Mata Pelajaran Vokasional) di sekolah sekolah vokasional adalah mencukupi.

Di sudut yang lain pula, dapatan kajian bertentangan pula dengan kajian Mohd Rizal Abdul Ghani (2008) yang mendapati bahawa kelengkapan dan kemudahan peralatan dibengkel MPV adalah kurang dan tidak mencukupi untuk kegunaan pelajar. Ini disebabkan masalah kekurangan penyenggaraan. Kajian Farawahida (2009) mendapati guru-guru MPV tidak dapat menjalankan proses pengajaran dengan sepenuhnya disebabkan peralatan yang tidak mencukupi.

Dari segi bilik khas untuk proses pengajaran dan pembelajaran pula para responden memberi penilaian yang sederhana ($M= 2.82$, $SP= 1.56$) dimana ramai yang menyatakan tiadanya bilik khas untuk bahasa Tamil (47.3%). Dari pemerhatian pengkaji sewaktu menjalankan kajian juga mendapati murid-murid kelas bahasa Tamil sebenarnya berkongsi bilik yang dikhaskan untuk pendidikan moral. Ini di sebabkan tiadanya bilik khas untuk kelas Bahasa Tamil. Jadi bilik pendidikan moral ini digunakan untuk kelas Bahasa Tamil sekiranya tiada kelas Pendidikan Moral. Hasil kajian ini turut dikukuhkan oleh dapatan kajian Bahrin Sabariah (2009) yang

menyatakan bahawa tiadanya bilik khas untuk pemulihan Jawi. Beliau juga mendapati bahawa guru-guru menghadapi masalah dalam pelaksanaan kurikulum J-QAF (Jawi, Al-quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain).

Walaupun bagaimanapun pengkaji berpendapat hampir semua sekolah menghadapi masalah kekurangan kemudahan fizikal. Kekurangan ini tetap wujud disebabkan beberapa faktor seperti tiadanya penyelenggaraan yang betul, kekurangan kewangan, alatan yang melebihi tempoh dan sebagainya (Gunasegaran, 2014). Namun, pengajaran dan pembelajaran tetap dijalankan dengan peruntukkan sumber yang sedia ada.

Kesesuaian kandungan Buku Teks

Hasil kajian mendapati responden memberikan penilaian yang tinggi atau positif dimana kandungan buku teks Bahasa Tamil adalah sesuai dengan mereka ($M=3.88$, $SP=1.16$). Buku teks adalah satu jenis dokumen kurikulum yang memuatkan terjemahan Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) dan sumber input yang penting dan menjadi rujukan para pendidik dalam proses pembelajaran (UNESCO, 2008). Di samping itu, Hoven & Garelick (2007) pula menyatakan suatu buku teks mestilah dapat memberi penjelasan dan kefahaman yang kukuh terhadap kemahiran yang dipelajari. Sebanyak 78.5% responden ($M=4.15$, $SP=1.12$) menyatakan persetujuan bahawa penggunaan grafik, gambar dan perkataan warna warni dapat menarik perhatian untuk belajar bersungguh-sungguh. Selain itu sebanyak 77.4% responden ($M=4.07$, $SP=1.05$) menyatakan latihan yang disediakan dalam buku teks dapat meningkatkan kemahiran berfikir. Malah terdapat 71 responden daripada 93 ($M=4.01$, $SP=1.06$) bersetuju bahawa tajuk-tajuk dalam buku teks telah disusun secara sistematik dari aras senang ke susah. Ini telah memudahkan murid-murid memahami topik pembelajaran dengan jelas. Dapatan

kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian Wan Muhammad (1998), Muhammad Azmi (2000) yang mendapati bahasa dan latihan yang disediakan dalam buku teks adalah sesuai dengan keupayaan murid.

Namun dapatan kajian turut bertentangan dengan kajian Mat Rasid Ishak (2014) yang menyatakan bahawa isi kandungan pelajaran PEKA adalah kurang berkesan dan diberi penilaian yang negatif. Ini disebabkan ada kemahiran yang tidak dapat difahami disebabkan istilah yang digunakan. Sehubungan dengan itu, kajian Azraai dan Dani (2015) pula menyatakan soalan- soalan dan latihan yang disediakan menunjukkan aras kognitif yang rendah yang tidak menggalakkan kemahiran berfikir dan tidak menyentuh kehidupan harian. Namun dapatan kajian ini mendapati soalan dan latihan adalah merangkumi aras kognitif yang tinggi. Ini dapat dibuktikan dengan pemberian nilai min yang tinggi oleh para responden ($M= 4.07$, $SP= 1.06$).

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji dapat merumuskan di samping penilaian yang positif, ada juga item yang diberi penilaian yang rendah. Misalnya, responden kurang setuju dengan terhadap tajuk- tajuk yang berhubungkait ($M= 3.54$, $SP= 1.18$). Malah ada perkataan yang digunakan bukan merupakan perkataan biasa yang boleh difahami ($M= 3.77$ $SP= 1.23$). Responden turut kurang setuju ($M= 3.77$ $SP= 1.33$) terhadap item dimana mereka dapat membuat latihan tanpa bimbingan guru. Oleh itu, aspek- aspek tersebut perlu diberi perhatian. Penambahbaikan terhadap item- item ini adalah perlu semasa penggubalan buku teks pada masa akan datang.

Perbincangan Dapatan Penilaian Proses

Penilaian proses dalam kajian ini telah mengkaji dua elemen iaitu proses pengajaran guru dan masalah dihadapi dalam pembelajaran sebagai faktor penilaian. Hasil dapatan kajian akan diperbincangkan dalam huraian seterusnya.

Proses Pengajaran Guru

Hasil kajian menggambarkan para responden memberi skor tinggi bagi penilaian proses ($M= 3.86$, $SP= 1.13$). Data yang diperolehi memberi gambaran bahawa proses pengajaran guru telah memenuhi keperluan murid. Di samping faktor-faktor lain, faktor guru merupakan faktor dominan yang mempengaruhi kejayaan suatu kurikulum. Perancangan kurikulum hanya akan menjadi realiti apabila adanya inisiatif guru untuk melaksanakannya dengan rasa bertanggungjawab (Ornstein & Hunkins (2004).

Berdasarkan kajian, item '*guru menerapkan nilai- nilai murni, guru mengajar berpanduan buku teks dan guru menyampaikan isi pelajaran secara sistematik, jelas dan mudah difahami*' merupakan item- item yang diberi penilaian yang tinggi dimana guru mengaplikasikan item- item tersebut semasa pengajaran. Nilai-nilai murni perlulah dipupuk semasa pengajaran guru menerusi elemen merentasi kurikulum. Nilai-nilai akan dapat melahirkan individu yang bersahsiah dan intelektual selaras dengan kehendak falsafah pendidikan negara.

Selaras dengan dapatan kajian, kajian Normazidah (2012) turut mendapati guru-guru bahasa Arab ada menerapkan nilai- nilai murni semasa pengajaran bahasa Arab. Kajian- kajian Kamarudin (1989), Omar (1993), Brophy dan Good (1974) juga menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab guru untuk membentuk tingkah laku yang baik dalam diri pada murid. Pembentukan sedemikian boleh dilakukan menerusi sesi bimbingan dan kaunseling. Walters & Borgers (1995), Haston (1999)

mencadangkan guru-guru bahasa perlu mahir mengenalpasti kelemahan pada murid serta mencari jalan untuk mengatasi kelemahan mereka.

Berdasarkan kajian, 80.6% ($M= 4.03$, $SP= 1.05$) responden menyatakan persetujuan mereka bahawa guru dapat menyampaikan isi pelajaran dengan jelas dan mudah difahami. Nilai ini dapat merumuskan bahawa guru-guru telah bersedia dari segi pengetahuan pedagogi. Namun, dapatan kajian ini berbeza daripada kajian Habib Mat Som & Megat (2005) berkaitan cabaran inovasi pelaksanaan kurikulum menyatakan bahawa guru-guru kurang mahir dari segi pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyampaikan isi pelajaran.

Sehubungan dengan itu, kajian oleh Fadly Azhar (2013) turut mendapati bahawa guru-guru kurang mahir dan berpengetahuan dalam melaksanakan penilaian pembelajaran secara umumnya dan cenderung merujuk kepada sumber rujukan yang lain yang juga bermaksud bahawa guru tidak mempunyai persediaan yang rapi. Ini kerana seorang guru mestilah mahir menilai sejauhmana kefahaman murid terhadap kemahiran yang dipelajari. Proses pengajaran turut merangkumi aktiviti menilai pembelajaran murid. Maka ketiadaan pengetahuan dan kemahiran penilaian membuat guru tidak bersedia sepenuhnya untuk proses pengajaran yang sempurna. Namun, kajian Abdul Rasid & Hasmah (2013) guru-guru memberi penilaian yang tinggi terhadap kaedah pengajaran di mana mereka adalah bersedia untuk melaksanakan pembelajaran yang seronok dalam subjek Bahasa Melayu.

Selain itu, dapatan kajian turut memperlihatkan sebanyak 82.8% ($M= 4.25$, $SP= 1.12$) responden setuju bahawa guru mengajar berpandukan buku teks. Buku teks adalah dokumen kurikulum yang mentafsirkan falsafah, matlamat, objektif kurikulum pendidikan. Setiap mata pelajaran akan disediakan dengan satu buku teks. Buku teks ini menjadi bahan rujukan asas di samping bahan rujukan lain kepada guru

dan murid yang memberi panduan tajuk- tajuk dan kemahiran perlu dikuasai pada setiap tahun.

Kajian Normazidah (2012) adalah sehaluan dengan hasil kajian ini. Hasil kajian beliau mendapati buku teks bahasa Arab kerap digunakan oleh guru-guru bahasa Arab semasa pengajaran. Kajian Bryan (2005) turut menyokong dapatan kajian. Beliau menyatakan bahawa penggunaan buku teks memberi kesan positif dalam pembelajaran.

Namun dapatan kajian tidak sehaluan dengan kajian Zamri et al (2011) yang mendapati guru-guru bahasa Melayu kurang mengajar berpandukan buku teks. Ini kerana mereka lebih gemar petik sumber pengajaran daripada buku- buku rujukan atau buku aktiviti yang dijual di pasaran. Menurutnya buku rujukan di pasaran adalah dibuat berdasarkan kepada format peperiksaan dan memenuhi kehendak peperiksaan. Tetapi buku teks di sediakan dengan cerita, maklumat umum, kosa kata dan sebagainya. Maka, buku rujukan ini menjadi tumpuan guru-guru Bahasa Melayu dimana mereka tidak perlu membuang masa untuk mengubah suai bentuk dan soalan. Maka, hanya kemahiran yang diperlukan untuk peperiksaan diberi keutamaan.

Berdasarkan kajian, item '*guru menggunakan Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK), guru banyak memberi latihan/ kerja rumah dan guru mempelbagai kaedah pengajaran*' merupakan item yang diberi penilaian yang rendah. Dapatan menunjukkan kebanyakan guru kurang mengaplikasikan TMK disebabkan masalah makmal komputer yang tidak mencukupi. Kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru bahasa Tamil kurang memberi kerja rumah dan mempelbagai kaedah pengajaran. Selain itu, buku teks Bahasa Tamil merupakan sumber utama bagi latihan dan kerja rumah yang digunakan oleh para guru. Maka latihan yang sedikit dalam buku teks dapat disiapkan oleh murid semasa

pembelajaran. Guru pula tidak beinisiatif untuk memberi latihan pengukuhan sebagai kerja rumah disebabkan subjek bahasa Tamil hanyalah subjek elektif. Dari segi keadah pengajaran pula, guru kurang mempelbagaikan kaedah pengajaran. Berdasarkan kajian boleh dikatakan bilangan murid yang sedikit dan kekangan dari segi penggunaan TMK merupakan punca utama guru jarang mempelbagai kaedah pengajaran.

Hasil kajian mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Suzlina (2015) yang menyatakan guru tidak menggunakan kemudahan TMK disebabkan sistem penyelenggaraan dan masalah bilik makmal komputer yang tidak mencukupi. Manakala kajian Abdul Rasid & Hasmah Ismail (2013) menyatakan guru jarang menggunakan kemudahan TMK dan cenderung menggunakan cara tradisional dan bakat semulajadi. Ini di sebabkan tiadanya kemahiran dari segi penggunaan alatan TMK.

Kaedah pengajaran dapat kajian ini adalah selari dengan Amar dan Nelson (2015) yang mendapati ada segelintir guru masih mengamalkan kaedah pengajaran tradisional 'kapur dan ajar' (*'chalk and Talk'*) yang tidak relevan lagi dalam konteks semasa yang menggunakan teknologi dalam pdp. Azalina (2013) mendapati guru kurang mempelbagaikan kaedah pengajaran dan murid-murid seringkali menghadapi masalah dalam mengingat fakta. Kaedah pengajaran pelbagai memerlukan perancangan, masa dan mestilah sesuai dengan kemahiran yang diajar. Kekangan masa menyebabkan guru sering mengamalkan kaedah pengajaran yang sama.

Namun kajian-kajian Zahara Azizi (2007), Norma (2004) mendapati bertentangan dengan dapatan kajian dimana kaedah pengajaran yang digunakan adalah berunsur TMK yang lebih berkesan dan mewujudkan minat untuk aktif dalam

pembelajaran. Kajian Gunasegaran (2014) pengajaran secara praktikal dalam program MPV meningkatkan kefahaman pelajar dengan berkesan.

Masalah Dihadapi dalam Pembelajaran

Apabila meneliti hasil kajian, didapati wujud beberapa masalah yang dominan yang harus diberi fokus. Majoriti responden bersetuju bahawa Bahasa Tamil hanyalah bahasa tambahan ($M= 3.94$, $SP= 1.03$). Pernyataan ini membawa maksud subjek bahasa Tamil boleh dijadikan sebagai mata pelajaran teras selain mata pelajaran teras yang sedia ada. Namun subjek Bahasa Tamil ini sesuai dijadikan subjek teras bagi murid-murid yang mengikuti kurikulum tersebut dan bukannya untuk semua murid seperti subjek teras yang lain.

Hasil kajian Ali (2008) adalah sehaluan dengan hasil kajian ini. Beliau menyatakan bahawa suatu matapelajaran akan menghadapi masalah dari segi pelaksanaannya sekiranya tidak dikategorikan sebagai mata pelajaran teras. Sehubungan dengan itu, Usha (2008) turut memberi pendapat bahawa apabila suatu subjek itu bukan subjek teras maka murid-murid mula memperkecilkan kepentingan subjek tersebut. Mereka beranggapan subjek teras itulah amat penting terhadap mereka maka selainnya tidak.

Sehubungan dengan itu, Zaccagini (2005) turut menyuarakan pendapat bahawa pembelajaran bahasa tambahan atau subjek- subjek lain seringkali menjadi pertikaian dan murid-murid lebih mengutamakan subjek peperiksaan atau lebih dikenali sebagai mata pelajaran teras. Ini ditambah lagi dapatan kajian Mohd Isa Aziz (2003) dan Sakiyyah (2004) yang mendapati ibubapa sering kali mempengaruhi minda anak bahawa hanya subjek teras adalah lebih penting daripada subjek- subjek lain.

Selain itu, masalah kedua yang menonjol adalah terlalu banyak kemahiran yang perlu dikuasai ($M= 3.87$, $SP= 1.10$). Responden berpendapat bahawa kandungan buku teks atau kemahiran yang perlu dipelajari adalah banyak dan melebihi tahap kognitif dan keupayaan mereka. Hasil kajian ini mempunyai persamaan dengan penemuan Chew dan Yong (2013) yang mendapati bahawa kandungan kesusasteraan dan prosa moden dalam buku teks bahasa Cina adalah tidak sesuai dan gagal menarik perhatian murid untuk mempelajari bahasa Cina. Ini diikuti pula dengan dapatan kajian Selvaraj (2010) yang mendapati tahap penilaian sederhana diberikan oleh murid terhadap buku kemahiran hidup tahun 4. Mereka mendapati bahawa ada istilah yang tidak dapat difahami memerlukan bimbingan guru.

Masalah ketiga yang menonjol adalah masalah masa pembelajaran Bahasa Tamil yang kurang. Peruntukkan masa yang mencukupi adalah faktor yang penting dalam menyampaikan suatu kemahiran secara sempurna. Berdasarkan kajian sebanyak 58 responden (62.4%) menyatakan persetujuan bahawa mereka tidak mencukupi masa untuk mempelajari Bahasa Tamil. Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang terkini, peruntukkan masa untuk Bahasa Tamil hanyalah tiga waktu atau 90 minit dalam seminggu untuk satu aliran (KPM, 2010). Pada hakikatnya, pembelajaran Bahasa memerlukan masa yang banyak. Ini kerana pembelajaran Bahasa melibatkan empat kemahiran bahasa. Oleh itu masa yang lebih diperlukan untuk pembelajaran Bahasa berbanding dengan matapelajaran lain. Hasil kajian adalah sama seperti kajian Hasliza Hashim et al (2016) yang menegaskan bahawa para guru menghadapi kekangan masa dalam melaksanakan pembelajaran Frog VLE disebabkan masalah capaian atas talian rendah dan memerlukan masa bagi mempelajari dan mengamalkan pembelajaran Frog VLE di dalam proses

pembelajaran dan pengajaran. Pandangan yang sama turut diberikan kajian oleh Norazilawati et al (2013). Manakala Azizi et al (2003) juga mendapati peruntukkan masa untuk kurikulum mata pelajaran Teknologi Kejuruteraan di sekolah vokasional masih tidak memadai.

Perbincangan Dapatan Penilaian Produk

Di bawah penilaian produk, terdapat tiga perkaitan atau hubungan faktor telah dinilai iaitu hubungan tahap pencapaian ujian murid dengan faktor jantina, faktor pendapatan dan faktor bahasa di rumah. Hasil dapatan kajian akan diperbincangkan dalam huraian seterusnya.

Hubungan antara Tahap Pencapaian dengan Jantina

Untuk menggambarkan tahap kesignifikan antara tahap pencapaian bahasa Tamil dengan jantina maka ujian-t telah dibuat. Hasil kajian mendapati nilai $t = -1.72$, $p > .05$ yang menunjukkan tiadanya hubungan signifikan pada tahap pencapaian dengan jantina. Ini juga bermaksud tahap pencapaian bahasa Tamil tidak ditentukan oleh jantina.

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Ong (2013) yang turut menyatakan tiadanya perbezaan yang signifikan tahap pencapaian antara jantina. Sehubungan dengan itu, kajian Roshiza (2002) terhadap kanak-kanak bermasalah pembelajaran turut mendapati dapatan kajian yang sama. Di samping itu, kajian Noorlida (2004) yang memfokuskan pencapaian pelajar tingkatan empat dalam Bahasa Melayu mendapati tiada hubungan yang signifikan dari segi jantina terhadap pencapaian akademik.

Akan tetapi penemuan kajian ini bertentangan dengan dapatan Van Houtt (2004) yang melihat pencapaian akademik secara keseluruhan berdasarkan jantina

adalah berbeza disekolah menengah. Menurutny pencapaian akademik lelaki adalah lebih baik di sekolah jantina campuran manakala pencapaian perempuan pula jauh lebih cemerlang di sekolah yang berasaskan sejenis jantina sahaja. Kajian Mat Rasid Ishak (2014) turut mendapati ada perbezaan pencapaian dalam ujian PEKA sains berdasarkan jantina. Liew (1999) menyatakan perempuan secara semulajadinya ada sifat keibuan, empati dan lebih beremosi membolehkan mereka mendapat pencapaian akademik yang tinggi. Selain itu, kajian- kajian oleh Su (2000), Feizah (2004) dan Zamri & Ong (2008) turut mendapati ada perbezaan signifikan dalam pencapaian individu berdasarkan jantina.

Hubungan antara Tahap Pencapaian dengan Pendapatan

Ujian- ANOVA telah dibuat untuk menggambarkan tahap kesignifikan antara tahap pencapaian dengan pendapatan keluarga. Hasil kajian mendapati nilai $p = .256$ ($p > 0.05$). Maka data menggambarkan tiada hubungan signifikan antara tahap pencapaian bahasa Tamil dengan tahap pendapatan keluarga. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa pendapatan keluarga tidak mempengaruhi tahap pencapaian murid.

Hasil kajian adalah sama dengan kajian Ganesan (2013) yang menegaskan aspek pekerjaan, pendapatan dan tempat tinggal tidak mempengaruhi pencapaian akademik. Manakala kajian oleh Chin Lun Hung (2007) dan Demie & McLean (2007) menyatakan bahawa faktor kemiskinan bukanlah satu satunya faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik malah faktor seperti ibubapa, persekitaran, dan rakan juga boleh menjadi faktor penyumbang merosotnya pencapaian akademik murid. Sehubungan dengan itu, Sharil @ Chari Hj Marzuki (2004) turut menyatakan keluarga yang bijak dari segi kewangan mampu menyediakan pendidikan asas kepada anak mereka.

Namun terdapat juga kajian yang tidak sehaluan dengan dapatan kajian. Kajian Marimuthu (1996) dan Bellantine dan Spade (2001) mendapati faktor kemiskinan dan taraf sosioekonomi yang rendah menjadi penentu pencapaian akademik. Ini diikuti pula dengan kajian oleh Johnson (2001) dan Majlis Pengetua Kanan Kebangsaan (MPKK, 2005) yang turut menyatakan pendapat yang sama. Di samping itu, Gunasegaran (2003) mendapati bahawa tahap kemiskinan menyebabkan suasana kondusif pembelajaran tidak dapat diwujudkan di rumah. Maka pencapaian akademik murid merosot disebabkan tiadanya suasana yang kondusif untuk ulangkaji.

Hubungan antara Tahap Pencapaian Bahasa Tamil dengan Bahasa di Rumah

Ujian-t telah dibuat untuk menggambarkan tahap kesignifikan antara pencapaian bahasa Tamil dengan bahasa yang diamalkan di rumah. Dapatan kajian menunjukkan $p = .730$ ($p > 0.05$). Oleh itu jelaslah bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan antara tahap pencapaian ujian dengan bahasa yang digunakan di rumah.

Dapatan kajian bertentangan dengan kajian oleh Asmah Ali & Zulaikha (2004), Yap Yoke Fong (2000), Ruzina Jusoh (2005) yang mendapati bahawa bahasa komunikasi di rumah sebenarnya memberi kesan langsung terhadap pencapaian murid dalam sesuatu bahasa. Penggunaan bahasa oleh ibubapa membantu meningkatkan kemahiran berbahasa murid yang seterusnya membantu dalam peperiksaan bahasa. Ganesan (2013) dalam kajiannya mendapati ibubapa yang lemah dari segi komunikasi bahasa Melayu tidak dapat membantu anak mereka kerana proses pdp dijalankan dalam bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Namun, dapatan kajian ini menyerupai kajian Rossheta Hj Abdul Rahman (2002) yang menyatakan bahawa bahasa yang digunakan di rumah tidak semestinya menjadi penentu kepada pencapaian cemerlang dalam suatu bahasa. Ini bermaksud

sekiranya bahasa Inggeris digunakan dalam keluarga tidak semestinya murid tersebut cemerlang dalam subjek Bahasa Inggeris di sekolah. Menurutnya, usaha gaya belajar bahasa yang lebih berkesan dapat menentukan kecemerlangan dalam akademik. Malahan Kamiliah Ayu dan Zamri (2015) turut memberi pendapat bahawa individu yang cekap dan mantap dari segi kemahiran bercakap dalam sesuatu bahasa tidak semestinya turut mahir dalam penulisan bahasa tersebut. Rasionalnya adalah kemahiran menulis perlu dipelajari dari segi penyampaiannya. Che Zanariah & Fadzilah (2011) pula mendapati murid-murid tahun 5 di sekolah kebangsaan lemah dalam kemahiran menulis walaupun pandai berbahasa dan telah menjadi cabaran bagi guru untuk mengajar kemahiran menulis. John (1981) menyatakan komunikasi dan penulisan dalam suatu bahasa adalah dua bidang atau sistem bahasa yang berbeza. Beliau menyatakan bahawa penulisan hanyalah objek bahasa untuk mempersembahkan apa yang di komunikasikan. Beliau juga menekankan penguasaan terhadap dua bidang ini juga akan berbeza. Di samping itu, Bloomfield (1933) merupakan pengasas deskriptif bahasa Amerika menyatakan penulisan sebenarnya bukan bahasa tetapi cara merekod bahasa menggunakan simbol tertentu. Menurutnya lagi seseorang yang pandai berkomunikasi tidak semestinya bijak dalam penulisan. Menyokong pendapat ini, Johari et al (2006) pula mendapati bahawa responden dalam kajiannya dalam dapat membaca Bahasa Inggeris dengan baik tetapi tidak dapat mengarang dengan baik. Menurutnya para pelajar menghadapi masalah darisegi perbendaharaan kata, pemahaman nahu, pembinaan ayata dan frasa serta kurang pemahaman terhadap istilah- istilah tertentu.

Di sudut yang lain, Wan Muna Ruzana & Wan Muhammad (2017) mendapati bahawa pencapaian cemerlang dalam bahasa ibunda turut dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial iaitu faktor motivasi, sikap dan persekitaran. Menurutnya, tahap

kecemerlangan dalam akademik sangat dipengaruhi oleh faktor- faktor sosial tersebut. Jadi, apabila meneliti pada dapatan- dapatan kajian maka dapatlah dikatakan bahawa penguasaan yang baik dalam komunikasi tidak semestinya menjurus kepada tahap penguasaan yang baik dalam penulisan.

Cadangan Berdasarkan Dimensi Penilaian

Berdasarkan hasil kajian, terdapat beberapa cadangan yang di lunaskan untuk memperbaiki kelemahan yang wujud serta menambah baik pelaksanaan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan pada masa akan datang. Cadangan diberikan berdasarkan kepada dimensi penilaian yang telah dikaji.

Dimensi Penilaian Input

Dalam kajian ini terdapat dua aspek telah dinilai dibawah dimensi penilaian iaitu kemudahan infrastruktur dan peralatan dan kesesuaian buku teks. Penilaian keseluruhan bagi aspek kemudahan infrastruktur dan peralatan berada pada tahap tinggi ($M= 3.74$ $SP= 1.27$). Namun ia bukanlah penilaian yang sangat tinggi. Maka penambahbaikan tetap diperlukan bagi aspek tersebut. Kita maklum bahawa kemudahan fizikal yang tidak lengkap akan mempengaruhi pelaksanaan suatu kurikulum. Maka, pelaksanaan BTSK ini perlu ditambahbaik dari segi kemudahan fizikal yang asas.

Oleh itu, pihak sekolah perlu memainkan peranan penting untuk mewujudkan pembelajaran kondusif. Menurut Fullan (2001), pentadbiran sekolah juga merupakan faktor yang menentukan pelaksanaan kurikulum di peringkat sekolah. Pihak sekolah tidak seharusnya hanya bergantung kepada peruntukkan kerajaan untuk menyediakan peralatan bagi menggantikan peralatan yang rosak. Pihak pentadbiran sekolah dapat mengambil tindakan proaktif yang sewajarnya dengan mengutip sumbangan dalam

usaha mengatasi kekurangan tersebut. Satu jawatankuasa penyelenggaraan peralatan sekolah boleh dibentuk bagi memantau aktiviti pengawalan dan penyelenggaraan kemudahan fizikal sekolah. Makmal komputer merupakan satu bilik penting yang mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran menggunakan peralatan TMK. Oleh itu, makmal komputer perlu diselenggara secara berskala dengan memantau kebolegunaan peralatan komputer, pencetak, kerusi, skrin paparan, alatan audio dan sebagainya. Maka, dengan pengawalan sedemikian guru akan bermotivasi untuk menggunakan makmal komputer. Para guru tidak lagi merungut tentang bilik makmal komputer.

Tambahan lagi, pentadbiran sekolah boleh memperuntukkan bilik bahasa untuk pelaksanaan kelas bahasa. Kita sedar bahawa bilik- bilik di sekolah mungkin tidak mencukupi untuk proses pdp. Dalam keadaan begini dicadangkan kelas bahasa diperuntukkan dan jadual penggunaan bilik dibina. Ini kerana kelas bahasa tidak mungkin digunakan untuk satu mata pelajaran sahaja sepanjang masa. Murid-murid akan menggunakan lokasi yang berbeza untuk setiap matapelajaran. Maka, jadual penggunaan dapat mengelakkan pertindihan masa di samping masalah ketiadaan bilik dapat diatasi. Oleh itu, pihak sekolah perlulah cekap mengurus dan mentadbir dengan peruntukkan kewangan yang disediakan oleh kerajaan pada setiap tahun. Pihak sekolah perlu berbelanja dengan hemah menggunakan peruntukkan untuk memastikan sekolah menjadi tempat yang paling sesuai dan kondusif untuk pembelajaran.

Merujuk kepada kesesuaian buku teks pula, penilaian juga berada pada tahap tinggi ($M= 3.88$ $SP= 1.16$). Namun, pengkaji merasakan masih perlu penambahbaikan terhadap kandungan buku teks. Ini kerana buku teks adalah dokumen

kurikulum penting dalam menyampaikan apa yang telah dirancang dan ditetapkan dalam kurikulum matapelajaran.

Kajian Zamri (2011) membuktikan guru-guru memberi penilaian rendah terhadap isi kandungan, latihan dan persembahan dalam buku teks. Oleh itu, kualiti kandungan Buku Teks Bahasa Tamil (BTBT) boleh dipertingkatkan dengan mengkaji semula kandungan kurikulum Bahasa Tamil. Maka dicadangkan tajuk- tajuk dipilih mestilah berdasarkan kepada konteks semasa yang berupaya menarik perhatian murid-murid untuk mendalami tajuk berkenaan. Kandungan buku teks boleh dimuatkan dengan unsur- unsur lucu atau kecindan seperti komik. Ini kerana apabila ada unsur lucu sudah pasti motivasi murid akan meningkat untuk mempelajari mata pelajaran bahasa Tamil.

Bengkel buku teks bahasa Tamil boleh diadakan bagi membincangkan dan menentukan kandungan buku teks sebelum dicetak. Ini kerana buku teks bahasa Tamil dapat menunjukkan masalah murid dalam mempelajari bahasa Tamil. Perkataan yang dipilih haruslah merupakan perkataan yang biasa digunakan dalam kehidupan harian. Ini akan membolehkan murid lebih memahami suatu kemahiran dengan mudah. Ini tidaklah bermaksud istilah baru diabaikan. Istilah- istilah baharu boleh diperkenalkan dalam bilangan yang sedikit pada setiap tajuk. Latihan yang disediakan pula perlulah merangkumi aras kognitif yang rendah, sederhana dan tinggi sebagaimana yang dicadangkan dalam taksonomi bloom (1956). Soalan KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi) yang sedia ada boleh dimuatkan dalam bilangan yang banyak dalam buku teks Bahasa Tamil bagi meningkatkan kebolehan kognitif murid-murid.

Selain itu, penulisan buku teks bukanlah perkara mudah. Penulis buku teks wajib mempunyai kebolehan untuk mempersembahkan kandungan kurikulum

Bahasa Tamil. Badan Pembangunan Kurikulum (BPK) harus mengenalpasti panel penulis yang mahir yang dapat mentafsir keperluan kurikulum. Untuk itu, pihak BPK boleh menganjurkan kursus yang dapat memberi pendedahan tentang kandungan buku teks. Kursus tatacara penggunaan buku teks Bahasa Tamil turut digalakkan. Kebanyakan guru belum lagi cekap dan mantap menggunakan buku teks (Zamri, 2011). Dengan kursus sedemikian para guru dapat mempelajari cara penggunaan BTBT dengan lebih berkesan. Segala perubahan yang melibatkan semakan kurikulum perlulah didedahkan dengan kadar segera menerusi penganjuran kursus supaya guru dapat bersedia dalam pdp. Ini kerana buku teks adalah bahan rujukan utama guru dan juga murid dalam proses pdp.

Jemaah Nazir (2004) mengesyorkan dalam usaha menjayakan suatu kurikulum, para guru perlu diberi latihan dan dikemaskini dengan segala perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan. Apabila guru adalah mahir menggunakan buku teks, maka penggunaan buku teks berada pada tahap yang optimum. Dengan itu, murid juga tidak merasakan beban buku teks yang jarang digunakan selama ini. Oleh itu, buku teks adalah aset yang penting dalam kejayaan suatu kurikulum. Kita harus sedar bahawa isi buku teks yang memenuhi Dasar Pendidikan Negara (DPN) sebenarnya dapat melahirkan individu yang berkemenjadian diri dari aspek intelektual dan kerohanian (KPM, 2005).

Dimensi Penilaian Proses

Proses pengajaran guru dan masalah atau halangan yang dihadapi dalam pembelajaran Bahasa Tamil merupakan dua elemen yang dikaji di bawah penilaian proses. Pada keseluruhan penilaian proses pengajaran guru berada pada tahap tinggi ($M= 3.86$, $SP= 1.13$). Namun, penilaian ini perlu ditingkatkan lagi dengan penambahbaikan. Matlamat kurikulum hanya akan tercapai dengan adanya pengajaran yang

berkesan (Ornstein & Hunkins, 2004). Guru merupakan satu lagi aset dalam sistem pendidikan yang berperanan sebagai pelaksana dan penyampai kurikulum yang telah dibentuk. Suhaimi (2012) menyatakan tingkahlaku guru mempunyai hubungan yang rapat dengan pencapaian murid. Maka, usaha guru yang optimum sangat diperlukan dalam memastikan murid-murid menerima kemahiran yang diperuntukkan dalam kurikulum mata pelajaran. Untuk itu, guru perlu berinisiatif, merancang serta membuat persediaan yang rapi dengan mempelbagaikan proses pengajarannya dalam menyampaikan kemahiran kepada murid-muridnya. Guru harus mengambil kira aspek psikologi dan aspek professional (Che Zanariah & Fadzilah, 2011) semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Aspek psikologi merujuk kepada suasana kondusif pembelajaran manakala aspek professional adalah merujuk kepada kepakaran pedagogi para guru menyalurkan isi kurikulum dalam diri para murid. Guru juga seharusnya mengenali murid-murid secara mendalam dan mengajar mengikut kemampuan mereka. Malah guru haruslah bijak menarik minat para murid supaya belajar rajin.

Sehubungan dengan itu, Zoraini Wati (2010) menyatakan tiada gunanya sumber- sumber yang diperuntukkan seperti kemudahan TMK jika guru tidak menggunakannya dengan bijak. Maka, guru-guru mestilah ada motivasi untuk menggunakan sumber- sumber tersebut untuk memudahkan proses pengajarannya (Colin& George, 2007). Dengan adanya teknologi pengajaran yang canggih adalah tidak relevan lagi jika guru-guru masih berpegang kepada kaedah pengajaran tradisional (Anuar & Nelson, 2015). Maka, guru mestilah memahirkan diri dengan penggunaan TMK dalam proses pengajaran. Kajian menunjukkan murid adalah bersikap positif dan bermotivasi tinggi apabila guru mengajar menggunakan peralatan TMK dalam pengajaran (Tan & Carol, 2013).

Di samping itu, peranan kementerian pendidikan juga adalah dihargai dengan pendedahan kursus khas tentang cara- cara pengendalian dan pengoperasian peralatan TMK yang seterusnya dapat membantu meningkatkan keyakinan guru. Guru juga harus mempelbagaikan kaedah, strategi pengajarannya dengan konteks semasa. Zamri (2014) menyatakan minat dapat dilahirkan dalam diri murid dengan kepelbagaian kaedah, strategi, teknik dan bahan bantu pengajaran. Kita harus sedar bahawa teknologi hanyalah merujuk kepada alat bantu yang dapat membantu proses pdp dan pada realitinya teknologi ini tidak dapat menggantikan kedudukan guru. Maka segala- galanya bergantung kepada usaha guru menyediakan pedagogi yang berkesan. Oleh yang demikian, peranan guru tidak boleh dipertikaikan lagi malah proses pengajaran guru yang berkesan dapat menjamin pencapaian matlamat pendidikan.

Aspek kedua yang dinilai ialah masalah atau halangan yang dihadapi oleh murid semasa mempelajari Bahasa Tamil. Pada keseluruhannya penilaian responden berada pada tahap tinggi. Terdapat banyak yang disenaraikan. Masalah *'banyak kemahiran perlu dikuasai, tidak menjadi subjek teras, masa pembelajaran bahasa Tamil kurang'* merupakan antara masalah yang paling tinggi penilaiannya. Merujuk kepada pelan Induk Pembangunan Pendidikan (**PIPP, 2006 – 2010**) Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) hanya diperuntukkan sebagai bahasa tambahan di sekolah-sekolah kebangsaan yang terpilih. Ini bermaksud murid-murid ada kebebasan untuk memilih atau tidak memilihnya sebagai matapelajaran. Namun dibawah komponen elektif para murid wajib memilih satu bahasa yang ditawarkan. Oleh itu, Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan tidaklah subjek teras seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Namun, Bahasa Tamil di sekolah aliran Kebangsaan Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) adalah teras memandangkan bahasa Tamil adalah

